

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Masjid adalah sebuah institusi yang amat penting dalam pembangunan Islam dan umatnya. Perkara pertama yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. selepas berhijrah dari Makkah ke Madinah ialah membina sebuah masjid yang diberi nama Masjid *Quba'*. Masjid telah menjadi tempat ibadah kepada seluruh umat Islam dan merupakan pusat penyebaran dakwah dan ilmu-ilmu Islam. Solat berjemaah, pengajian agama dan juga perhimpunan keagamaan juga turut diadakan di masjid.

Namun begitu, masyarakat hari ini kurang faham dan tidak memberi sambutan yang menggalakkan terhadap fungsi masjid. Oleh yang demikian, pihak Jabatan Agama Islam Perak, Majlis Agama Islam Daerah dan Pengurusan Masjid telah merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti dakwah untuk menyedarkan masyarakat demi pentingnya masjid dalam kehidupan. Namun begitu, masih wujud kelemahan dan masalah dalam pelaksanaan fungsi masjid kepada masyarakat. Maka kajian ini akan melihat aktiviti-aktiviti dakwah yang dilaksanakan, persepsi masyarakat terhadap pengurusan aktiviti dakwah dan masalah pengurusan aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, Perak.

Bab ini membincangkan pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi tajuk, kajian literatur dan metodologi kajian tesis.

1.2. Pernyataan Masalah

Penyebaran ilmu Islam adalah suatu tuntutan dari Allah S.W.T. yang perlu disampaikan kepada seluruh umat manusia. Ia dapat dilaksanakan kepada umat Islam di masjid kerana institusi masjid adalah medium utama dalam penyebaran ilmu pengetahuan. Keadaan ini akan berterusan sepanjang masa di seluruh rantau negara umat Islam.

Peranan masjid sebagai pusat penyebaran ilmu dapat dilihat daripada aktiviti-aktiviti dakwah yang dilaksanakan di Daerah Kerian, Perak. Pihak pengurusan masjid sentiasa meningkatkan sistem pengurusan aktiviti dakwah untuk menarik minat para jemaah mengimarahkan masjid, namun sambutan di kalangan masyarakat setempat masih kurang menggalakkan. Sama ada dari golongan yang sudah berumur, golongan muda dan golongan remaja amat mendukacitakan. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan dan peruntukan kewangan telah disalurkan namun hasilnya masih tidak berubah.

Sehubungan dengan itu timbul beberapa persoalan, antaranya ialah:

- 1) Apakah aktiviti-aktiviti dakwah yang telah dilaksanakan untuk masyarakat setempat tidak menarik dan kondusif?

- 2) Apakah persepsi masyarakat terhadap pengurusan aktiviti dakwah tersebut?
- 3) Apakah masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan aktiviti dakwah tersebut?

Berdasarkan kepada persoalan-persoalan di atas, satu kajian perlu dijalankan untuk mengetahui jenis aktiviti dakwah yang dilaksanakan, persepsi masyarakat terhadap pengurusan aktiviti dakwah dan masalah pengurusan aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, Perak.

1.3. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah:

1. Mengetahui aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, Perak.
2. Mengkaji persepsi masyarakat terhadap pengurusan aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, Perak.
3. Mengenal pasti masalah pengurusan aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, Perak.

1.4. Kepentingan Kajian

Kajian hari ini mendapati kebanyakan aktiviti dakwah di masjid kurang mendapat sambutan masyarakat setempat, walaupun berbagai cara telah digunakan untuk menarik minat mereka kepada aktiviti dakwah tersebut. Oleh kerana itu kajian

untuk mengetahui apakah permasalahan sebenarnya amat penting dan perlu supaya permasalahan ini dapat di atasi dengan segera.

Perbincangan tentang pengurusan aktiviti dakwah di masjid dalam program pembangunan insaniah dan masyarakat Islam merupakan suatu isu yang sering dibincangkan dewasa ini. Maka kajian ini penting dalam mengetahui persepsi masyarakat terhadap pengurusan aktiviti dakwah dan mencari punca masalah pengurusan aktiviti dakwah untuk memastikan peningkatan ilmu dan pembangunan masyarakat dapat dihasilkan dengan baik.

Kajian ini juga berperanan dalam menyumbang kepada khazanah ilmu, kerana penyelidikan dalam bidang ini akan menambahkan lagi maklumat semasa bagi mempertingkatkan fungsi masjid sebagai pusat pendidikan dan pembangunan insan di Malaysia. Ianya juga penting kerana dapat membantu para penyelidik untuk meneruskan penyelidikan mereka dalam bidang ini dan bidang-bidang lain yang berkaitan dengannya.

Kajian ini sangat penting dan boleh dijadikan panduan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) dan Majlis Agama Islam Daerah bagi menambah baik aktiviti dakwah di masjid agar lebih berkesan dan berperanan sebagai pusat pendidikan dan pembangunan insan. Di samping itu, kajian ini juga penting kepada pihak pengurusan masjid bagi melaksanakan

tanggungjawab mereka dalam merancang dan melaksanakan aktiviti dakwah di masjid.

1.5. Skop Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas pengurusan aktiviti dakwah yang dilaksanakan di masjid Daerah Kerian, Perak untuk mengetahui aktiviti dakwah, mengkaji persepsi masyarakat terhadap pengurusan aktiviti dakwah dan mengenal pasti masalah pengurusan aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, Perak. Kajian ini bermula dari tahun 2008 hingga akhir tahun 2012.

Daerah Kerian terdiri daripada 8 buah mukim. Masjid Daerah Kerian di bawah pengawasan Pegawai Penyelaras Masjid di Majlis Agama Islam Daerah. Terdapat 2 Majlis Agama Islam Daerah iaitu Majlis Agama Islam Daerah Parit Buntar dan Majlis Agama Islam Daerah Bagan Serai. Majlis Agama Islam Daerah Parit Buntar menguruskan 30 masjid dari 4 mukim iaitu Mukim Parit Buntar, Mukim Tanjung Piandang, Mukim Bagan Tiang dan Mukim Kuala Kurau. Majlis Agama Islam Daerah Bagan Serai menguruskan 35 masjid dari 4 mukim iaitu Mukim Bagan Serai, Mukim Beriah, Mukim Semanggol dan Mukim Selinsing. Jumlah keseluruhan masjid di Daerah Kerian, Perak ialah 65 buah masjid.

Kajian ini akan mengkaji 16 masjid iaitu 2 masjid telah dipilih dari setiap mukim untuk dijadikan sampel kajian. Masjid yang dijadikan sampel kajian dipilih secara rawak dengan tidak menyenaraikan kriteria-kriteria masjid dalam membuat

pemilihan. Setiap sebuah masjid akan diedarkan sebanyak 30 borang soal selidik. Jumlah keseluruhan borang soal selidik ialah sebanyak 480 borang. Kajian ini memberi tumpuan kepada 3 aspek iaitu untuk mengetahui aktiviti dakwah, mengkaji persepsi masyarakat terhadap pengurusan aktiviti dakwah dan mengenal pasti masalah pengurusan aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, Perak.

1.6. Definisi Tajuk

Tesis ini bertajuk “Pengurusan Aktiviti Dakwah di Masjid Daerah Kerian, Perak: Kajian Tentang Persepsi dan Masalah”. Kamus Dewan mendefinisikan perkataan “pengurusan” sebagai “kerja-kerja menguruskan sesuatu seperti menguruskan syarikat, masjid dan sebagainya”.¹

Perkataan “aktiviti” berasal dari kata “aktif”. Mengikut Kamus Dewan, “aktiviti” membawa erti giat atau kegiatan.² Setiap kegiatan yang dilaksanakan untuk menghasilkan sesuatu natijah yang baik seperti kegiatan-kegiatan dakwah untuk memakmurkan masjid dan mewujudkan aktiviti kepada masyarakat dalam melahirkan insan yang sempurna dan berilmu pengetahuan.

Menurut Kamus Dewan “dakwah” ialah kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan golongan-golongan (kumpulan) yang bergiat dalam dakwah.³

¹ Dr. Teuku Iskandar, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 1780.

² *Ibid.*, 26.

³ *Ibid.*, 305.

Manakala Ibnu Manzūr memberi pengertian dakwah dengan makna “Menyeru semata-mata menggalakkan seseorang melaksanakan cita-cita tertentu atau melarangnya daripada sesuatu”.⁴

Kesimpulannya, maksud “dakwah” dari sudut bahasa ialah mengajak, memanggil dan menyeru manusia kepada kebaikan dan melarang dari membuat mungkar.

Dari segi istilah pula 'Al Mahfūz telah mentakrifkan “dakwah” dengan maksud, dakwah adalah menyeru manusia kepada kebaikan dan hidayah Allah S.W.T. menyeru membuat makruf dan melarang melakukan perkara mungkar supaya mereka itu berjaya mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.⁵

Manakala Mushlī Baymūn pula menyatakan bahawa berdakwah bererti menyelamatkan manusia dari kesesatan atau kejahatan dan mengingatkan mereka supaya menjauhkan perkara yang boleh menyebabkan mereka mendapat balasan azab.⁶

Masjid didefinisikan menurut Ibnu Manzūr di dalam kitabnya *Lisān al-'Arab*, istilah “masjid” berasal dari perkataan Arab, “*sajada*” yang bermaksud telah sujud, “*yasjudu*” sedang sujud dan “*suj dan*” yang bermaksud telah sujud dengan

⁴ Ibnu Manzūr Muhammad Ibnu al-Mukarrām, *Lisān al-'Arab*, Jil d 4 (Beirut: Dār al-Sa'd, 1990), 257.

⁵ 'Al Mahfūz, *Hidāyah al-Mursyid n* (Qaherah: Maktabah Usmān yah, 1958), 170.

⁶ Mushlī Baymūn, *Ud ilā Sab l Rabbik* (Qaherah: Maktabah Hassan, 1978), 8.

meletakkan dahi ke bumi.⁷ Kemudian Muhammad 'Abd Allah al-Zarkash telah memasukkan awalan “mim” menjadikan nama tempat berbunyi “masjid” iaitu merujuk tempat sujud menyembah Allah S.W.T.⁸

Daerah Kerian terletak di utara Negeri Perak yang mana daerah ini bersempadan dengan Negeri Pulau Pinang (Daerah Seberang Perai Selatan) dan Negeri Kedah (Daerah Bandar Baharu). Di sebelah timur dan selatan, daerah ini bersempadan dengan Daerah Larut Matang dan Selama. Di barat daerah ini adalah Selat Melaka.

Daerah Kerian terbahagi kepada 8 buah mukim iaitu Mukim Parit Buntar, Tanjung Piandang, Bagan Tiang, Kuala Kurau, Bagan Serai, Beriah, Semanggol dan Selinsing.

Negeri Perak atau juga dikenali sebagai *Perak Darul Ridzuan* merupakan salah satu daripada negeri yang membentuk Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia). Ia merupakan negeri yang kedua terbesar di Semenanjung Malaysia (selepas Pahang).⁹

Menurut Kamus Dewan “persepsi” ialah gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera), tanggapan:

⁷ Ibnu Manzur Muhammad Ibnu al-Mukarrām, *Lisān al-‘Arab Jil d 4* (Beirut: Dār al-Sa’d, 1990), 121.

⁸ Muhammad ‘Abd Allah al-Zarkash, *Al-‘Alam al-Saj d bi Ahkām al-Masāj d* (Kaherah: Maktabah Wahbān, 1385H), 42.

⁹ Portal Rasmi Majlis Daerah Kerian, dicapai 16 November 2011, <http://www.mdkerian.gov.my>.

kekuatan imaginasi, kepekaan dan nya terhadap alam dan kehidupan memberikan gaya dan pengucapan yang khusus pada karya-karya nya; mempersepsi membuat gambaran (bayangan) dalam hati atau fikiran tentang sesuatu: objek-objek yang dipersepsi secara visual diterima tanpa soal.¹⁰

Menurut Kamus Dewan “masalah” ialah sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran atau kesulitan.¹¹

1.7. Kajian Literatur

Kajian mengenai aktiviti dakwah di Perak telah banyak dibuat, walau bagaimanapun kajian mengenai Pengurusan Aktiviti Dakwah di Masjid Daerah Kerian, Perak: Kajian Tentang Persepsi dan Masalah masih belum ditemui. Ini bermakna kajian ini merupakan satu kajian baru yang dapat menyumbang kepada pembangunan insan dan ummah, khususnya di Daerah Kerian, Perak. Namun begitu, beberapa kajian telah dibuat dalam bidang yang hampir sama mengenai pembangunan masjid.

Antara kajian tersebut ialah kajian Mohd Mohadis bin Haji Yasin yang bertajuk *Pengurusan dan Pentadbiran Institusi Masjid: Kajian Kes di Negeri Melaka*,¹² antara hasil kajian beliau mendapati:

¹⁰ Portal Rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka, dicapai 16 April 2012, <http://prpm.dbp.gov.my>.

¹¹ *Ibid.*

¹² Mohd Mohadis Haji Yasin, *Pengurusan dan Pentadbiran Institusi Masjid: Kajian Kes di Negeri Melaka* (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akedemi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1997).

1. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh masjid di Melaka telah memberi sumbangan terhadap perkembangan pemikiran, keilmuan, budaya dan cara hidup masyarakat Islam.
2. Kefahaman dan penghayatan Islam di kalangan masyarakat telah dapat dipertingkatkan, manakala amalan-amalan khurafat dan cara hidup tradisi yang bertentangan dengan Islam semakin ditinggalkan dari masa ke semasa.
3. Pentadbiran masjid di Melaka kini belum dapat menjadikan masjid berperanan dengan berkesan. Masjid hanya merupakan tempat melaksanakan ibadat solat dan amalan-amalan yang bersifat ritual dengan aktiviti pengimarahannya yang masih terbatas. Antara faktor utama yang menyumbang kepada kelemahan institusi masjid ialah ketiadaan perancangan dan penyelarasan yang menyeluruh di peringkat negeri.

Ismail bin Abd. Manap dalam kajian sarjananya yang bertajuk *Peranan Masjid Menurut al-Sunnah: Tumpuan Utama Kepada Masjid-masjid di Brunei Dārussalām*,¹³ antara hasil kajian beliau mendapati:

1. Institusi masjid di Brunei sememangnya mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan penduduk dalam negeri mahupun di luar negeri.
2. Penggunaan masjid sebagai tempat penyebaran dakwah Islamiah di Brunei membuktikan bahawa peranan dan fungsi yang dicetuskan oleh institusi

¹³ Ismail bin Abd. Manap, *Peranan Masjid Menurut al-Sunnah: Tumpuan Utama Kepada Masjid-Masjid di Brunei Dārussalām* (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1998).

masjid itu adalah yang paling berkesan. Keberkesanan fungsi masjid itu adalah disebabkan oleh kebijaksanaan dan kewibawaan para pentadbir masjid yang terdiri daripada golongan Ulama yang berpengaruh dan sangat dihormati oleh masyarakat.

3. Pengawalan pembangunan institusi masjid di Brunei melalui akta dan undang-undang telah membawa kepada pentadbiran yang semakin teratur.

Dalam kajian sarjana sains Yaakob bin Abdul Rahim yang bertajuk *Keupayaan Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sebagai Pusat Pembangunan Belia Setempat Dari Pandangan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa*,¹⁴ antara hasil kajian beliau mendapati:

1. Masjid di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur mempunyai potensi dan berkeupayaan menjadi pusat pembangunan belia setempat.
2. Keupayaan tersebut adalah dari segi kesesuaian pelaksanaan program untuk belia di masjid seperti ibadat, ekonomi dan sosial.
3. Keupayaan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa mengendalikan program belia melalui masjid.

Dalam kajian Sid Gazalbã bertajuk *Masjid Pusat Ibadah dan Kebudayaan Islam*,¹⁵ antara hasil kajian beliau mendapati:

¹⁴ Yaakob Abdul Rahim, *Keupayaan Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sebagai Pusat Pembangunan Belia Setempat Dari Pandangan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa* (Kertas Projek Master Sains, Pusat Pembangunan dan Pendidikan Lanjutan, UPM, 1996).

¹⁵ Sid Gazalbã, *Masjid Pusat Ibadah dan kebudayaan Islam* (M.A. di Fakultas Sastera. Universitas Nasional Indonesia, 1962).

1. Penubuhan masjid adalah sebagai pusat melakukan kegiatan peribadatan kepada Allah S.W.T.
2. Masjid telah berjaya dijadikan sebagai pusat kebudayaan Islam untuk masyarakat berkumpul dan mengadakan aktiviti-aktiviti kebudayaan berasaskan Islam.

Dalam kajian Nima Jentae bertajuk *Peranan Institusi Agama, Institusi Masjid, Institusi-Institusi Dakwah dan Pejabat Kadi di Thailand*,¹⁶ antara hasil kajian beliau mendapati:

1. Institusi masjid di Thailand tidak begitu aktif kerana kekurangan pegawai yang terlantik.
2. Faktor utama pengurusan dan pentadbiran masjid lambat berkembang adalah kerana kekurangan kewangan.

Dalam kajian Nor Raudhah Haji Siren bertajuk *Strategi Mengurus Masjid*,¹⁷ antara hasil kajian beliau mendapati:

1. Kupasan asas-asas pengurusan masjid dari perspektif Islam.
2. Perubahan cara berfikir, mengurus, mentadbir dan mendidik boleh membantu peningkatan masjid.
3. Faktor luaran dan dalaman bagi sesuatu pengurusan masjid bergantung daripada sambutan masyarakat.

¹⁶ Nima Jentae, *Peranan Institusi Agama, Institusi Masjid, Institusi-Institusi Dakwah dan Pejabat Kadi di Thailand* (Tesis M.A. Fiqh dan Usul al-Fiqh Gombak: Universiti Islam Antarabangsa, 2002).

¹⁷ Nor Raudhah Haji Siren, *Strategi Mengurus Masjid* (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).

Dalam kajian Ahmad Zaki Haji Abd. Latif yang bertajuk *Pentadbiran Masjid Secara Profesional*,¹⁸ antara hasil kajian beliau mendapati:

1. Masjid harus ditadbir urus berasaskan keimanan dan ketakwaan.
2. Pengurus dan AJK masjid hendaklah memiliki keperibadian yang tinggi termasuk aspek ilmu pengetahuan.
3. Peranan masjid sebagai tempat untuk membangun modal insan dalam pelbagai aspek.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian tersebut banyak membicarakan tentang peranan masjid dalam Islam. Antara peranan utama masjid yang telah dibicarakan adalah sebagai pusat penyebaran ilmu-ilmu Islam yang telah banyak memberi sumbangan kepada pembangunan masyarakat Islam di sepanjang zaman.

1.8. Metodologi Kajian

Metodologi kajian mestilah mengandungi penerangan dan huraian tentang reka bentuk, metode dan prosedur yang digunakan dalam melakukan kajian. Biasanya metode kajian terdiri daripada kajian perpustakaan dan kajian lapangan.¹⁹

Othman Mohamed menyatakan, metodologi adalah pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan bagi mengumpul data.²⁰ Bagi menerangkan metodologi

¹⁸ Ahmad Zaki Haji Abd. Latif, *Pentadbiran Masjid Secara Profesional* (Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, 2007).

¹⁹ Universiti Malaya, *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 2001), 15.

²⁰ Othman Mohamed, *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan* (Selangor: Universiti Putra Malaysia, 2001), 26.

kajian ini, pengkaji menghuraikannya dalam sub-topik iaitu metode kajian, sumber data, prosedur kajian dan metode analisis.

1.8.1. Metode Kajian

Kajian ini adalah satu kajian tinjauan yang berbentuk deskriptif. Kajian deskriptif adalah reka bentuk kajian bertujuan untuk memerihalkan sesuatu fenomena atau situasi yang berlaku semasa kajian dijalankan. Menurut Sidek Mohd Noah, bahawa reka bentuk deskriptif selalunya dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat.²¹ Dalam kajian ini, pengkaji ingin menerangkan mengenai aktiviti dakwah, persepsi masyarakat terhadap pengurusan aktiviti dakwah dan masalah pengurusan aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, Perak.

1.8.2. Sumber Data

Bagi mengumpulkan data dan maklumat yang diperlukan, kajian ini menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

1. Penyelidikan Perpustakaan

Kajian perpustakaan dilakukan ialah untuk melihat sejauh mana pengkaji-pengkaji terdahulu telah melakukan penyelidikannya dan melihat apa kekuatan

²¹ Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis* (Selangor: Universiti Putra Malaysia, 2002), 42.

dan apa pula kelemahannya. Melalui kaedah ini pengkaji dapat mengetahui apa cara yang perlu diambil bagi menyempurnakan kajian tersebut.

Melalui kajian perpustakaan data-data boleh diperoleh melalui buku, jurnal, kertas kerja, laporan bertulis, buletin akhbar, majalah dan lain-lain sumber yang dapat memberi keterangan di dalam mendapatkan bahan dan maklumat yang tepat berhubung dengan tajuk kajian serta kajian dokumentasi. Dokumentasi ialah suatu cara penyelidikan terhadap dokumen-dokumen yang berhubung dengan kajian yang dilakukan.²²

Dokumen-dokumen yang digunakan meliputi bahan-bahan yang berbentuk lisan seperti surat-surat, catatan harian, laporan bahan kajian dan sebagainya.²³ Kaedah ini dilakukan melalui pembacaan sambil menganalisis semua dokumen yang berkaitan dan bersesuaian dengan tajuk kajian. Hasil daripada analisis dan penelitian tersebut, data-data serta maklumat akan diolah bersesuaian dengan kehendak matlamat kajian.

Kajian perpustakaan juga adalah bertujuan untuk mengetahui konsep dan teori yang berkaitan dengan kajian ini secara lebih mendalam. Bagi mendapatkan bahan-bahan, pengkaji telah merujuk kepada buku-buku yang terdapat dalam

²² Abdul Halim Mat Diah, *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi* (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1987), 115.

²³ Sartono Kartodirjo, *Metode Penggunaan Bahan Dokumen Dalam Metode-metode Penelitian Masyarakat* (Jakarta: PT Gramedia, t.t.), 144.

koleksi perpustakaan peribadi pengkaji dan telah mengunjungi ke beberapa buah perpustakaan.

Di antaranya ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'aba Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Parit Buntar, Perpustakaan Awam Taiping dan Perpustakaan Awam Kuala Kangsar. Hasil kajian akan dibentangkan dalam bab dua sebagai huraian kepada teori asas kajian dan dalam bab-bab lain sebagai asas perbincangan.

2. Penyelidikan Lapangan

Metode kajian lapangan mempunyai berbagai cara bagi mendapatkan maklumat. Metode kajian lapangan juga adalah sebahagian daripada kaedah untuk mendapatkan data dan maklumat. Menurut Ghazāl Dārussalām dalam sesuatu kajian lapangan lazimnya mengandungi metode temu bual, metode pemerhatian dan metode soal selidik.²⁴

Dalam sesuatu kajian lapangan, kaedah mengumpul maklumat dapat dibuat melalui soal selidik yang selanjutnya dianalisis melalui kaedah kuantitatif. Manakala kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian akan dianalisis

²⁴ Ghazāl Dārussalām, *Dakwah Islam dan Ideologi Barat* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 1998), 13.

menggunakan cara kualitatif. Data dalam sesuatu kajian menjadi lebih kukuh kerana penggunaan tiga kaedah tersebut.²⁵

Terdapat beberapa isu semasa menjalankan kerja lapangan yang perlu diberi perhatian oleh seseorang pengkaji iaitu hubungan antara pengkaji dengan komuniti yang dikaji, berkaitan dengan persoalan etika dan penggunaan alat-alat teknologi moden dalam penyelidikan seperti video kamera, alat perakam suara dan komputer riba adalah perlu selain buku nota yang secara tradisionalnya digunakan oleh pengkaji untuk mencatat segala maklumat sepanjang penyelidikannya.²⁶

Berdasarkan penjelasan di atas, dapatlah difahami bahawa penggunaan metode temu bual, metode pemerhatian dan metode soal selidik amat penting bagi mendapatkan data. Justeru, dalam kajian ini, sebahagian besar data dan maklumat diperoleh melalui sumber kajian lapangan yang mencakupi temu bual, pemerhatian dan soal selidik.

a. Temu bual

Kaedah temu bual merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam kajian ini.

Menurut Mohd Majid Konting, pengumpulan data secara temu bual sesuai

²⁵ Marohaini Yusoff, *Pengumpulan dan Analisis Data: Penyelidikan Kualitatif Pengamalan Kerja Lapangan* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 29.

²⁶ Dr. Zahid Emby dan Dr. Sarjit Singh, *Pengantar Sains Sosial* (Kuala Lumpur: Open Universiti, 2010), 75.

digunakan untuk memperoleh maklumat yang lebih tepat dan lebih banyak daripada unit kajian meskipun perbelanjaan mungkin lebih tinggi.²⁷

Penggunaan teknik temu bual juga membolehkan pengkaji mengumpul pendapat, pemikiran, pandangan dan pengalaman dalam bentuk penyertaan langsung daripada peserta kajian sendiri.²⁸

Dalam kajian ini, responden yang ditemu bual hanyalah terdiri daripada ahli jemaah masjid sahaja. Temu bual ini adalah untuk mengukuhkan dapatan soal selidik dan membuat penambahan pendapat dalam dapatan soal selidik tersebut.

b. Pemerhatian

Penyelidikan ini juga menggunakan kaedah pemerhatian bagi memperoleh maklumat tambahan yang sukar diperoleh melalui temu bual atau soal selidik. Ini kerana pemerhatian adalah gambaran langsung yang didapati oleh pengkaji tanpa perantaraan orang tengah. Suseela Malakolunthu menjelaskan, pengumpulan data adalah tidak lengkap tanpa pemerhatian. Ini disebabkan temu bual hanyalah merupakan pengumpulan laporan sendiri individu atau kumpulan individu tertentu. Dengan itu, adalah penting bagi seseorang penyelidik untuk membuat triangulasi maklumat yang dikumpulkan dengan pemerhatian.²⁹

²⁷ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, cet 6 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), 21.

²⁸ Marohaini Yusoff, *Pengumpulan dan Analisis Data: Penyelidikan Kualitatif Pengamalan Kerja Lapangan* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 109.

²⁹ Suseela Malakolunthu, "Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif: Satu Imbasan", dalam Marohaini (ed), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 126.

Dalam kajian ini pengkaji telah turut serta dalam beberapa aktiviti dakwah di masjid selaku pemerhati kepada keadaan perjalanan aktiviti dakwah tersebut. Di samping itu, tinjauan dan pemerhatian juga dilakukan terhadap papan kenyataan masjid, yang mana kebanyakan masjid di Daerah Kerian, Perak mempamerkan carta organisasi mereka dan jadual aktiviti dakwah pada papan kenyataan.

c. Soal Selidik

Memandangkan kajian ini dilakukan terhadap masyarakat Muslim di Daerah Kerian, sudah tentu ianya mempunyai populasi kajian yang besar. Penggunaan kaedah soal selidik sebagai pengukuran utama adalah lebih praktikal dan berkesan. Ini kerana kaedah pensampelan digunakan dalam soal selidik untuk menguji populasi yang besar.³⁰

Dalam kajian soal selidik ini kaedah yang digunakan adalah *survey* untuk mengukuhkan data kajian. Kaedah ini bersesuaian untuk mengukur pendapat pencapaian serta sikap responden.³¹ Untuk mengumpul maklumat maka satu set borang soal selidik yang mengandungi 19 soalan keseluruhannya iaitu 7 soalan dari bahagian A, 5 soalan dari bahagian B dan 7 soalan dari bahagian C telah diedarkan kepada responden secara rambang.

³⁰ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, cet 6 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), 202.

³¹ Kerlinger, F.N., *Fondation Of Behavioral Research* (New York: Holt, Rinechart and Winston, 1993), 231.

Metode soal selidik secara rambang dengan tidak memilih responden juga dapat membantu objektiviti kajian yang dilakukan. Kelebihan kaedah ini ialah sifatnya yang memerlukan sampel kajian membuat respond pada masa tertentu.

Walaupun metode soal selidik secara rambang namun responden hanyalah tertumpu kepada ahli jemaah masjid sahaja kerana kajian ini adalah untuk mengetahui aktiviti dakwah, mengkaji persepsi masyarakat terhadap pengurusan aktiviti dakwah dan mengenal pasti masalah pengurusan aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, Perak. Kajian ini menilai pihak Pengurusan Masjid.

Fraenkel dan Wallen berpendapat, dengan menggunakan kaedah penyelidikan ini pengelompokan dan perbandingan jawapan bagi penyertaan yang disediakan dapat memberi satu gambaran yang jelas tentang kajian yang dijalankan.³²

1.8.3. Prosedur Kajian

Pakar statistik mengutarakan panduan bahawa satu persepuluh iaitu (10%) daripada kerangka pensampelan haruslah diambil sebagai sampel kajian. Walau bagaimanapun panduan ini bergantung pada saiz kerangka sampel.³³

³² Fraenkel dan Wallen, N.E., *How To Design and Evaluate Research In Education* (New York: Mc Rgaw Hill, 1993), 121.

³³ Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosioial* (Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2005), 113.

Pensampelan dan responden kajian ini adalah seramai 480 orang daripada populasi masyarakat Muslim di Daerah Kerian, Perak. Bagi mendapatkan responden, pengkaji telah memilih 16 buah masjid dari 8 buah mukim dalam Daerah Kerian, Perak iaitu Mukim Parit Buntar, Mukim Tanjung Piandang, Mukim Bagan Tiang, Mukim Kuala Kurau, Mukim Bagan Serai, Mukim Beriah, Mukim Semanggol dan Mukim Selinsing berdasarkan kaedah rawak daripada populasi kajian.

Kajian ini terbatas kepada 16 buah masjid iaitu bagi setiap mukim 2 buah masjid telah dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel kajian. Jumlah borang soal selidik yang diedarkan ialah sebanyak 480 set. Cara pengagihannya ialah dengan bantuan AJK masjid dan pengkaji sendiri berperanan mengedarkan borang soal selidik tersebut kepada responden. Setiap masjid akan diedarkan sebanyak 30 borang soal selidik. Borang tersebut dibahagikan secara rawak iaitu setiap individu dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Proses pengumpulan data tersebut telah berjalan selama 3 hingga 5 bulan untuk mendapatkan keputusan dan hasil kajian.

1.8.4. Metode Analisis

Sumber data boleh dibahagikan kepada dua jenis, sumber utama dan sumber sekunder. Sumber utama ialah sumber yang ada kaitan langsung dengan keadaan yang dikaji termasuk temu bual, pemerhatian, laporan, autobiografi, diari, fail, artikel, tesis, minit mesyuarat dan seumpamanya. Sumber sekunder pula ialah

sumber yang ada perantara di antara keadaan atau pengalaman yang dikaji seperti ulasan, majalah dan juga buku-buku ilmiah.³⁴ Dalam kajian ini kedua-dua sumber tersebut telah digunakan untuk mendapatkan data kajian.

Data ialah bahan mentah yang tidak memberi sebarang maklumat yang berguna mengenai sesuatu masalah yang dikaji kecuali ia dianalisis dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu seperti kaedah statistik dan sebagainya. Manakala analisis pula bermaksud aktiviti untuk memperoleh maklumat yang berguna daripada data mentah. Penganalisisan data melibatkan aktiviti manipulasi seperti mengatur, memilih, menggabung dan menjadualkan.³⁵

Secara umumnya, terdapat dua jenis data di dalam kajian ini, iaitu data yang didapati melalui soal selidik dan yang tidak menggunakan soal selidik. Data-data yang diperoleh daripada soal selidik disemak dan diproses menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 12.0. Kemudian data dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif untuk menerangkan taburan kekerapan dan peratusan. Manakala data-data yang diperoleh tidak melalui soal selidik seperti temu bual dan pemerhatian juga dibentangkan secara deskriptif sebagai menyokong atau menghurai data soal selidik.

³⁴ Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Intel Multimedia And Publication, 2001), 75.

³⁵ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, cet 6 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), 309.

1.9. Kesimpulan

Pada dasarnya kajian ini bertujuan menganalisis persepsi dan masalah pengurusan aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, Perak. Tujuan aktiviti dakwah yang dilaksanakan di masjid Daerah Kerian, Perak adalah untuk mendidik para jemaah masjid kepada ilmu-ilmu Islam supaya dapat diamalkan dan disampaikan kepada masyarakat. Ia juga untuk memastikan pihak pengurusan masjid dapat melaksanakan tugas mereka dengan baik agar pengimarahannya akan terlaksana dan dakwah Islamiah akan berterusan hingga akhir zaman.

BAB DUA

PENGURUSAN AKTIVITI DAKWAH

2.1. Pengenalan

Dakwah adalah seruan ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran yang telah dimulakan dan dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W. kepada umat manusia seluruhnya. Rasulullah S.A.W. telah berdakwah di Makkah selama 13 tahun. Tumpuan dakwah Rasulullah S.A.W. ketika itu tertumpu kepada aspek akidah kepada Allah S.W.T. Terdapat dua peringkat dakwah Rasulullah S.A.W. semasa di Makkah, iaitu dakwah secara rahsia dan dakwah secara terang.³⁶ Seterusnya Rasulullah S.A.W. telah berdakwah di Madinah.

Pendakwah kini hanya meneruskan perjalanan dakwah yang telah diwariskan oleh Rasulullah S.A.W. Tugas seorang pendakwah merupakan tugas utama para Rasul dan kedudukannya adalah yang sangat mulia dan terpuji. Misi dan tujuan mereka adalah untuk menegakkan kalimah Allah S.W.T. di atas muka bumi bagi tujuan mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Seorang pendakwah adalah termasuk di dalam golongan orang-orang pilihan terbaik dan dicintai Allah S.W.T.

Menyeru kepada Allah S.W.T. merupakan jalan utama menuju kebaikan umat Islam. Dengan dakwah, umat Islam boleh dibentuk dan hidayah akan diturunkan

³⁶ Mariam Abd Majid dan Dr. Zulkefli Aini, *S rah Nabawiyah dan Akhlāk* (Fakulti Sains Sosial Gunaan, Open Universiti Malaysia, 2010), 11.

oleh Allah S.W.T. kepada mereka. Kerana dakwah umat Islam boleh kembali ke pangkal jalan serta melalui dakwah juga keadilan akan tertegak di muka bumi.

2.2. Aktiviti Dakwah

Jika diteliti dari sejarah penyebaran dakwah Rasulullah S.A.W. sama ada di Makkah atau di Madinah, mendapati bahawa dakwah disebar luas kepada kumpulan sasaran melalui berbagai aktiviti. Aktiviti dakwah yang dilaksanakan tersebut dikenal pasti bersesuaian dengan kumpulan sasar.

Al-'Adaw Muhammad Ahmad menjelaskan Rasulullah S.A.W. melaksanakan usaha dakwah melalui pelbagai aktiviti. Antara aktiviti yang popular ialah mengadakan ceramah umum di tempat lapang. Rasulullah S.A.W. mengambil masa tertentu untuk memberi penerangan kepada pendengar. Pada musim haji, Rasulullah S.A.W. menyampaikan ceramah umum kepada para *hujjāj* bertempat di pasar *Ukāz*, pasar *Majinnah* dengan menerangkan tentang agama Islam.³⁷

Menurut pandangan 'Abdullah Nas h 'Ulwān, kanak-kanak dan rakan sebaya perlu disuruh oleh ibu bapa atau penjaga ke masjid untuk solat berjemaah dan menghadiri kelas pengajian agama di masjid. Kanak-kanak tidak boleh dibiarkan mencari hala tuju dan matlamat hidup dengan hanya merujuk rakan sebaya mereka sahaja. Dengan demikian, kanak-kanak lazimnya akan dapat membiasakan diri dengan aktiviti masjid dan kelas pengajian agama, seterusnya

³⁷ Al-'Adaw Muhammad Ahmad, *Dakwah al-Ras l Ilā Allah Ta'ālā* (Beirut: Dār Al- Ma'ārif, 1979), 5.

akan tertanam dalam diri mereka roh keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T.³⁸

Seorang tokoh ilmunan Yusuf al-Qaradaw mengatakan bahawa aktiviti ceramah agama, seminar dan kelas pengajian yang dilaksanakan di masjid atau tempat tertentu merupakan usaha dakwah untuk semua golongan masyarakat, tidak kira warga tua yang uzur, golongan kanak-kanak atau sebagainya, yang tidak dikenakan bayaran serta tidak ditentukan syarat-syarat untuk menghadirinya.³⁹

Menurut Fath Yakān aktiviti pengimarah masjid atau dikenali sebagai usaha dakwah dapat dilaksanakan menerusi bimbingan usrah. Bimbingan usrah bermaksud suatu perhimpunan kumpulan kecil dan tidak melebihi dua belas orang membincangkan isu keagamaan. Dalam setiap kumpulan akan dilantik seorang *naqib*. Bimbingan usrah berpusat kepada konsep mengajar dan belajar. Meskipun seseorang itu tiada kedudukan, pangkat dan kekayaan tetapi mempunyai kelebihan dalam sesuatu isu yang dibahaskan, maka pandangan yang diberi harus diterima.⁴⁰

Mohd Shahir Abdullah menyatakan pada zaman pra-Islam, Rasulullah S.A.W. menggunakan kaedah pengajaran agama sebagai salah satu aktiviti dakwah. Sebagai contoh, rumah *al-Arqām ibn Arqām* dipilih sebagai tempat mengajar

³⁸ ‘Abdullah Nas h ‘Ulwān, *Tarbiyyah al-Awlād F al-Islām*, juz.2, cet. 8 (Kaheerah: Dār al-Salām, 1985), 814.

³⁹ Yusuf al-Qaradaw , *Al-‘Ibādah F -Islām*, cet. 5 (Kaheerah: Maktabah Wahbāh, 1985), 238.

⁴⁰ Fath Yakān, *Kaifa Nad’ Ilā al-Islām* (Beirut: Muassasah Al-Risālah, 1983), 85.

agama atau dikenali sebagai kelas fardu ain. Rasulullah S.A.W. sangat mementingkan para sahabatnya mendalami ilmu fardu ain supaya mereka dapat beramal dan menghayati ilmu-ilmu yang dipelajari. Kerana itu, Rasulullah S.A.W. sendiri yang mengendalikan pengajian fardu ain tersebut yang dilaksanakan secara berterusan di tempat-tempat tertentu.⁴¹

Merujuk kepada huraian dan pandangan tokoh di atas dapat dikatakan bahawa secara umumnya aktiviti dakwah di masjid bertujuan untuk menyebarkan dakwah kepada masyarakat melalui berbagai-bagai aktiviti seperti ceramah, pendidikan asas al-Qur'an, pendidikan Islam, kelas pengajian agama dan bimbingan usrah.

Perbincangan aktiviti dakwah di masjid yang dilaksanakan kepada ahli jemaah masjid adalah perlu dilakukan dalam apa cara sekalipun. Aktiviti tersebut amat sesuai dilaksanakan kepada semua orang kerana lazimnya diguna pakai untuk semua peringkat umur kumpulan sasar. Aktiviti dakwah di masjid sememangnya sangat penting dan harus dirancang dan dilaksanakan oleh pihak pengurusan masjid bagi mengimarahkan masjid bertunjangan kepada dasar-dasar ajaran Islam yang lengkap dan indah itu. Ini dapat dilihat berdasarkan huraian dan perbincangan yang telah dibuat di atas.

⁴¹ Mohd Shahir bin Haji Abdullah, *Dakwah dan Permasalahan di Malaysia* (Institut Dakwah dan Latihan Islam, BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri, 1990), 4.

2.2.1. Definisi Pengurusan

Menurut Kamus Dewan, perkataan pengurusan memberi maksud perihal kerja mengurus sesuatu seperti mengurus syarikat, badan perniagaan dan lain-lain.⁴²

Manakala menurut Ahmad Ibrahim Abu Sin mendefinisikan pengurusan sebagai kajian ilmiah terhadap bakat dan kebolehan seseorang untuk bertindak sebagai pengurus.⁴³

Menurut Rahim Abdullah pengurusan ialah aktiviti yang dilakukan oleh manusia yang berhubung dengan kerja-kerja pengarah, kawalan dan perancangan. Semua kerja tersebut dilakukan secara berterusan memandangkan pengurusan dilakukan oleh manusia adalah berasaskan kepada kemampuan dan ilmu pengetahuan.⁴⁴

Jika dilihat dari aspek sejarah pula, pengurusan telah wujud ribuan tahun yang lalu. Antara contoh yang jelas ialah pengurusan pembinaan Piramid di Mesir, Taj Mahal di India dan pembinaan Tembok Cina, yang memerlukan ramai tenaga manusia dan cara-cara pengurusan yang tertentu. Ternyata bahawa seseorang pengurus mesti bersedia untuk merancang, memimpin, mengatur dan mengawal pekerja-pekerjanya untuk menyempurnakan projek-projek yang dirancang.

⁴² Dr. Teuku Iskandar, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 1445.

⁴³ Ahmad Ibrahim Abu Sin, *Pengurusan Dalam Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 17.

⁴⁴ Rahim Abdullah, *Asas Pengurusan* (Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd., 1994), 6.

Berdasarkan pandangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa pengurusan adalah suatu kemahiran yang perlu ada pada diri seseorang untuk merancang dan melaksanakan perancangan tersebut melalui proses kerja bagi mencapai sesuatu matlamat yang telah ditetapkan. Sekiranya sistem pengurusan tidak wujud, sesebuah organisasi itu akan mengalami kepincangan dan kesukaran dalam melaksanakan aktivitinya. Dalam konteks pengurusan aktiviti dakwah di masjid, sistem amat penting bagi mencapai matlamat pengurusan masjid.

2.2.2. Definisi Aktiviti Dakwah

Perkataan aktiviti berasal dari perkataan aktif. Mengikut Kamus Dewan, aktiviti membawa erti giat atau kegiatan.⁴⁵ Setiap kegiatan yang dilaksanakan untuk menghasilkan sesuatu natijah yang baik seperti kegiatan-kegiatan dakwah untuk memakmurkan masjid dan mewujudkan aktiviti kepada masyarakat dalam melahirkan insan yang sempurna dan berilmu pengetahuan.

Maksud “aktiviti” ialah berbentuk perlaksanaan yang dijalankan di masjid-masjid. Secara umumnya terdapat pelbagai aktiviti yang dijalankan di masjid-masjid sekitar Malaysia yang boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu aktiviti asasi, aktiviti sekunder dan aktiviti pengurusan.

1. Aktiviti asasi iaitu aktiviti yang disifatkan sebagai wajib dilakukan. Ianya merangkumi semua aktiviti-aktiviti ibadah yang menjadi asas kepada kewujudan sesebuah masjid di sesuatu kawasan itu seperti contoh solat

⁴⁵ Dr. Teuku Iskandar, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 26.

lima waktu, solat Jumaat, ibadah korban, pusat pembayaran zakat, solat jenazah, Qiamullail, solat tarawih dan ceramah agama.

2. Aktiviti sekunder iaitu aktiviti-aktiviti yang disusun oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri dan aktiviti yang disusun oleh Jawatankuasa Pengurusan Masjid. Pada kebiasaannya, aktiviti-aktiviti ini adalah bermusim, tetapi akan dilakukan pada tahun tersebut seperti kuliah Agama, sambutan hari kebesaran Islam, majlis musabaqah al-Qur'an, majlis tadarus al-Qur'an, majlis doa dan tahlil, majlis akad nikah dan solat dua hari raya (Aidilfitri dan Aidiladha).
3. Aktiviti pengurusan iaitu aktiviti-aktiviti yang melibatkan penubuhan jawatankuasa tertentu agar sesuatu aktiviti atau program dapat dijalankan dengan sempurna. Penubuhan jawatankuasa ini adalah bersifat formal yang melibatkan permesyuaratan dan permuafakatan yang diadakan seperti Ahli Jawatankuasa Pentadbiran Masjid, Ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan dan Ahli Jawatankuasa Akad Nikah.

Asas keaktifan sesebuah masjid itu adalah bergantung kepada pelbagai sudut, antaranya termasuklah sumber kewangan, bilangan masyarakat Islam yang menghadiri aktiviti, peranan Ahli Jawatankuasa Pentadbir Masjid dan banyak lagi faktor lain yang berkaitan.⁴⁶

⁴⁶ Razaleigh bin Muhamat@Kawangit, *Memperkasaka Aktiviti Masjid sebagai Medium Dakwah, Seminar Pembangunan Masjid* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2002), 6.

Aktiviti juga terbahagi kepada beberapa bentuk iaitu berbentuk harian, mingguan, bulanan dan ada yang berbentuk tahunan. Secara umumnya, terdapat lima bentuk aktiviti masjid yang kebiasaannya dilaksanakan oleh masjid iaitu aktiviti ibadah khusus, aktiviti pendidikan dan dakwah, aktiviti sosial dan kemasyarakatan, aktiviti pentadbiran dan pengurusan dan aktiviti ekonomi.

1. Aktiviti ibadah khusus antaranya ialah solat lima waktu secara berjemaah, solat Jumaat, solat tarawih, solat sunat hajat, solat sunat Aidilfitri dan Aidiladha, bacaan Yasin dan tahlil, Qiamullail dan tadarus al-Qur'an.
2. Aktiviti pendidikan dan dakwah antaranya ialah kuliah pengajian agama, ceramah sempena perayaan tertentu, khutbah Jumaat, program takmir, kelas tadika Islam, kursus atau seminar, perpustakaan masjid dan kelas komputer.
3. Aktiviti sosial dan kemasyarakatan antaranya ialah sambutan hari-hari kebesaran Islam, hari keluarga, gotong-royong, majlis tilawah al-Qur'an, pengurusan jenazah, majlis akad nikah, pusat khidmat sosial, mengadakan pertandingan sukan, hari kesihatan dan pusat siber.
4. Aktiviti pentadbiran dan pengurusan antaranya ialah melaksanakan aktiviti berbentuk pentadbiran dan pengurusan, seperti mengadakan kursus atau latihan yang sewajarnya kepada kakitangan pentadbir masjid dan mengadakan sesi perbincangan yang melibatkan Ahli Jawatankuasa beberapa buah masjid.
5. Aktiviti ekonomi antaranya ialah menubuhkan koperasi, mengadakan kedai atau gerai jualan sama ada yang dikendalikan oleh pihak masjid atau

disewakan kepada pihak-pihak tertentu di dalam premis masjid. Terdapat juga aktiviti lain seperti memungut derma dan sumbangan melalui kutipan hari Jumaat, tabung derma yang khusus dan sewa rumah dari premis masjid yang dijadikan sebagai rumah sewa.⁴⁷

Dakwah didefinisikan menurut Kamus Dewan ialah kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan golongan-golongan (kumpulan) yang bergiat dalam dakwah.⁴⁸ Manakala Ibnu Manz r memberi pengertian dakwah dengan makna “Menyeru semata-mata menggalakkan seseorang melaksanakan cita-cita tertentu atau melarangnya daripada sesuatu”.⁴⁹

Kesimpulannya, maksud dakwah dari sudut bahasa ialah mengajak, memanggil dan menyeru manusia kepada kebaikan dan melarang dari membuat mungkar.

Dari segi istilah pula ‘Al Mahf z telah mentakrifkan “dakwah” dengan maksud, dakwah itu adalah menyeru manusia kepada kebaikan dan hidayah Allah S.W.T. menyeru membuat kebaikan dan melarang melakukan perkara mungkar supaya mereka itu berjaya mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat.⁵⁰

⁴⁷ Roslan bin Mohamed, *Keberkesanan Program Masjid: Kajian Umum Masjid-Masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Seminar Pembangunan Masjid* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2002), 6.

⁴⁸ Dr. Teuku Iskandar, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 305.

⁴⁹ Ibnu Manz r Muhammad Ibnu al-Mukarrām, *Lisān al-‘Arab Jil d 4* (Beirut: Dār al-Sa’d, 1990), 257.

⁵⁰ ‘Al Mahf z, *Hidāyah al-Mursyid n* (Qaherah: Maktabah Usmān yah, 1958), 170.

Manakala Mush l Bay m menyatakan bahawa berdakwah bererti menyelamatkan manusia dari kesesatan atau kejahatan dan mengingatkan mereka supaya menjauhkan perkara yang boleh menyebabkan mereka mendapat balasan azab.⁵¹

Perkataan dakwah berasal dari bahasa Arab yang mempunyai beberapa pengertian di antaranya ialah beribadat, menjemput, mengajak, melaungkan, menyeru dan memanggil.⁵²

Ra' f Shalab menerangkan bahawa dakwah Islamiah itu ialah gerakan membawa atau mengubah masyarakat daripada keadaan kufur kepada keadaan iman, daripada keadaan kegelapan kepada keadaan cahaya dan daripada keadaan sempit kepada keadaan lapang.⁵³

Y suf al-Qaradaw memberikan definisi dakwah sebagai usaha membawa orang lain kepada agama Islam, supaya mengikut petunjuk agama dan melaksanakan semua ketetapanannya di muka bumi ini, mengkhususkan semua bentuk penghambaan diri, permohonan dan taat kepada Allah S.W.T. sahaja, melepaskan diri daripada semua kongkongan yang bukan daripada Allah S.W.T. yang terpaksa dipatuhi, menyeru kepada kebaikan dan menegah kemungkaran dan berjihad pada jalanNya.⁵⁴

⁵¹ Mush l Bay m , *Udu 'ilā Sab l Rabbik* (Qaherah: Maktabah Hassan, 1978), 8.

⁵² Ab. Aziz Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Cet. Ke3, 2003),1.

⁵³ Ra' f Shalab , *Sikulu 'iyah al-Ra'i wa al-Da'wah*. (Quwait: Dār al-Qalam, 1982),49.

⁵⁴ Y suf al-Qaradaw , *Thaqafah al-Da'iyah* (Beirut: 1978), 5.

Dari pengertian dakwah yang telah dijelaskan oleh beberapa orang tokoh di atas, satu kesimpulan dapat dibuat iaitu dakwah ialah usaha yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan dengan pendekatan tertentu untuk membawa manusia kepada keredoan Allah S.W.T. Dalam al-Qur'an terdapat banyak ayat yang menerangkan pengertian dakwah yang dimaksudkan itu. Antara ayat tersebut sebagaimana firman Allah S.W.T. di dalam al-Qur'an.

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ
وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ
عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya:

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantah lah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhan mu dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.”

Surah al-Nahl (16): 125

2.3. Teori Pengurusan

Beberapa pengkaji terkemuka telah mencipta dan mengolah teori pengurusan berdasarkan keperluan pada sesuatu masa atau zaman. Antaranya ialah Hendry Fayol yang berpendapat bahawa pengurusan adalah aktiviti-aktiviti yang

dilakukan oleh semua pengurus. Beliau percaya dalam apa jua bentuk pengurusan ahli-ahli organisasi memerlukan kebolehan yang spesifik serta boleh dipelajari seperti perancangan, kepimpinan dan pengamalan.

Perancangan diperlukan supaya organisasi dapat mencapai arah tuju yang telah ditetapkan dan membentuk strategi yang terbaik ke arah pencapaian objektif. Melalui perancangan, matlamat dapat dikawal dan ditukar supaya tindakan pembetulan dapat dilakukan dengan segera. Dalam proses perancangan terdapat beberapa langkah yang perlu diikuti. Antaranya ialah menentukan arah tuju yang perlu dicapai oleh sesebuah organisasi. Seterusnya objektif pada setiap jabatan akan diwujudkan bagi menyokong arah tuju organisasi. Para pengurus secara berterusan akan mengadakan pelbagai strategi atau cara-cara untuk mencapai objektif tersebut.⁵⁵

Max Weber mengatakan bahawa individu yang cekap sebagai pentadbir mampu menyediakan pengurusan berkesan serta dapat mengawal kerena birokrasi dalam sesebuah organisasi. Beliau mengaitkan teori tersebut dengan struktur autoriti dan perhubungan. Individu yang cekap akan sentiasa berusaha untuk menyediakan pengurusan yang stabil, intensif dan tegas dapat mengawal birokrasi. Beliau kemudiannya menyatakan bahawa dalam sesebuah hieraki birokrasi, ahli-ahli harus dilantik berdasarkan pengalaman dan kepakaran yang mereka miliki. Beliau

⁵⁵ Sabri Haji Hussin, Raida Abu Bakar, Mohd Radzuan bin Rahid dan Ruhana Busu, *Pengurusan* (Thomson Learning, Singapore: A Division of Thomson Asia Pte Ltd, 2004), 21.

turut menyatakan bahawa organisasi yang ideal ialah birokrasi organisasi dan mempunyai enam ciri-ciri penting seperti berikut:

- a. Pembahagian kerja: Di mana setiap ahli organisasi dibahagikan tugas mengikut kepakaran masing-masing.
- b. Hierarki autoriti: Setiap individu mempunyai ketua masing-masing yang memberi arahan kepada mereka.
- c. Pemilihan secara formal: Pemilihan pekerja adalah dari segi kepakaran dan pengalaman yang diperoleh oleh individu tersebut.
- d. Peraturan yang formal: Setiap prosedur di dalam organisasi telah dikenal pasti dan direkodkan agar setiap individu mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.
- e. Keadaan yang tidak dipengaruhi oleh perasaan: Keputusan yang dibuat oleh pengurus dan ahli-ahli yang lain hendaklah berdasarkan kepakaran dan bukannya perasaan masing-masing.
- f. Berorientasikan kerjaya: Setiap ahli organisasi digalakkan berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan kerjaya masing-masing.⁵⁶

Menurut Abraham Maslow manusia mempunyai banyak motivasi untuk berkelakuan positif dalam melakukan tugas-tugas mereka bagi mencapai kejayaan dalam sesebuah organisasi. Organisasi yang cemerlang lazimnya mempunyai struktur yang lengkap serta adanya sejumlah tenaga kerja yang mencukupi. Pengurus yang ideal, perlu bertanggungjawab terhadap pembangunan sumber manusia yang melibatkan pelbagai aspek, antaranya:

⁵⁶ *Ibid.*, 23.

- a. Keperluan psikologi: Manusia memerlukan keperluan yang paling asas untuk hidup seperti tempat tinggal, makanan, air dan udara.
- b. Keperluan keselamatan: Manusia memerlukan perasaan untuk berada dalam keadaan selamat dan jauh dari ancaman bahaya seperti penyakit dan kemalangan.
- c. Keperluan kasih sayang: Manusia perlu kasih sayang dari keluarga dan rakan-rakan dan perlu berinteraksi.
- d. Keperluan sanjungan: Manusia perlu merasakan bahawa mereka dihormati dan dikenali oleh orang lain. Keperluan ini terjadi apabila manusia berasa mereka dapat membuat jasa dan berharga terhadap masyarakat atau individu.
- e. Keperluan merealisasikan kehendak: Keperluan ini adalah kemampuan seseorang individu untuk mencapai cita-citanya dan menjadikannya satu kenyataan.⁵⁷

2.3.1. Ciri-ciri Pengurusan

Ciri-ciri pengurusan Islam terbahagi kepada dua iaitu ciri-ciri umum pengurusan Islam dan ciri-ciri khusus pengurusan Islam.⁵⁸ Ciri-ciri umum pengurusan Islam seperti berikut:

- a. Ikatan yang erat di antara pengurusan dengan masyarakat Islam iaitu akhlak, nilai masyarakat dan perubahan masyarakat berasaskan akhlak.

⁵⁷ *Ibid.*, 25.

⁵⁸ Lokman Ab. Rahman dan Musa Ahmad, *Pengantar Sains Pengurusan Masjid* (Majlis Agama Islam Melaka & Kolej Islam Melaka, Selangor: Angkatan Edaran Enterprise Sdn. Bhd., 1996), 27-28.

- b. Pergolakan dan perubahan ekonomi yang memberikan kepuasan fisiologi individu, ekonomi dan kebendaan.
- c. Kemanusiaan dan kerohanian dalam menghormati hakikat manusia sebagai insan yang terlibat dengan pengurusan mengikut keupayaan akal, fizikal dan jiwa.
- d. Menentukan tugas dan tanggungjawab dalam mematuhi dan menghormati kuasa, peraturan undang-undang rasmi serta carta organisasi dan bukannya melakukan pengurusan yang baik kerana mengharapkan pahala semata-mata.

Ciri-ciri khusus pengurusan Islam pula seperti berikut:

- a. Merupakan sebahagian daripada sistem masyarakat. Ertinya Islam menentukan matlamat hidup dan hubungan manusia dengan manusia, manusia dengan Allah S.W.T., manusia dengan masyarakat dan hubungan manusia dengan alam. Semuanya termasuk di dalam lingkungan ibadat. Pentadbiran dan pengurusan hanya sebahagian daripada lingkungan tersebut. Hal ini dijelaskan oleh Allah S.W.T. di dalam al-Qur'an.

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾

Maksudnya:

“Katakanlah: Sesungguhnya sembahyang ku, ibadat ku, hidup ku dan mati ku hanyalah untuk Allah S.W.T. Tuhan semesta alam”.

Surah al-An'am (6): 162

- b. Menyempurnakan fisiologi pekerja Islam menjelaskan bahawa pekerjaan dan jawatan khasnya di dalam pengurusan dianggap sebagai satu amanah dan tanggungjawab. Hal ini dijelaskan oleh Allah S.W.T. di dalam al-Qur'an.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ
بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ... ﴿٥٨﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah S.W.T. menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil..”.

Surah an-Nisa' (4): 58

2.3.2. Prinsip-prinsip Pengurusan

Prinsip-prinsip pengurusan ada empat iaitu perancangan, pengorganisasian, pelaksanaan dan pengawasan. Penerangan prinsip-prinsip ini seperti berikut:

- a. Perancangan: Proses pemikiran dan pengaturan yang matang untuk masa akan datang dengan menentukan kegiatan-kegiatannya. Agar tujuan yang telah ditentukan dapat diusahakan tercapai dengan sebaik-baiknya, maka perancangan yang dilakukan mestilah memerhatikan unsur-unsur tujuan, kebijaksanaan, prosedur, kemajuan, anggaran dan program.
- b. Pengorganisasian: Pengaturan segala peringkat dan sumber daya sedemikian rupa sehingga merupakan satu kesatuan organisasi yang

harmonis dan dikelola untuk mencapai tujuan yang telah ditetapkan. Pengorganisasian adalah merupakan langkah selanjutnya dari rencana yang telah disusun sebelumnya. Proses pengorganisasian meliputi berbagai rangkaian kegiatan yang bermula pada orientasi atas tujuan yang direncanakan dan berakhir pada saat kerangka organisasi yang tercipta dilengkapi dengan prosedur dan metode kerja, kewenangan, personalia serta peralatan yang diperlukan. Proses tersebut dapat dijelaskan sebagai perumusan kerja, penetapan tugas pokok, perincian kegiatan, pengelompokan kegiatan dalam fungsi-fungsi, departementasi, penetapan otoritas organisasi, pengisian personal dan pemberian fasilitas.

- c. Pelaksanaan: Tindakan pengurusan dan jemaah dalam rangkaian kegiatan untuk menjalankan roda organisasi dalam rangka mencapai tujuan. Kerana faktor manusia sangat dominan, maka pengurus dituntut untuk lebih arif dalam mengatur dan mengerak sumber daya manusia. Saling memberi motivasi antara sesama pengurus, pengurus dengan jemaah mahupun antara jemaah akan banyak manfaatnya, terutama di dalam mendorong semangat untuk berekreasi dan berinovasi dalam melaksanakan kegiatan dakwah Islam secara luas.
- d. Pengawasan: Merupakan tindakan mengawasi, mengarahkan dan mengatur pelaksanaan kegiatan agar sesuai dengan program dan tujuan yang telah ditetapkan. Perlu dilakukan tindakan-tindakan pemeriksaan, pengecekan, inspeksi, pengendalian dan tindakan-tindakan sejenisnya untuk menghindari terjadinya penyimpangan dan penyelewengan

mahupun untuk perbaikan sistem organisasi. Pengawasan dimaksudkan agar pelaksanaan kegiatan organisasi dapat berlangsung efektif dan efisien sesuai dengan rencana yang telah ditetapkan. Pengawasan merupakan tindakan pemanfaatan seluruh kegiatan organisasi untuk menjaga agar pelaksanaannya sesuai dengan rencana yang telah disusun sebelumnya, di mana hasil-hasil pengawasan selanjutnya digunakan sebagai masukan dalam penambahbaikan kegiatan organisasi.⁵⁹

2.3.3. Proses dan Fungsi Pengurusan

Proses atau fungsi pengurusan dapat dibahagikan kepada beberapa fungsi bergantung kepada cara kita mengelaskan fungsi-fungsi perancangan, penyusunan, penyelarasan, penstafan dan pengawalan. Pada amnya, fungsi pengurusan dibahagikan kepada empat sahaja iaitu perancangan, penyusunan, pengarahan dan pengawalan.

- a. Perancangan: Sebelum pihak pengurusan memulakan aktiviti organisasi, perancangan hendaklah dibuat terlebih dahulu. Pada peringkat perancangan, perkara yang perlu dipersoalkan adalah seperti berikut:
 1. Tujuan dan objektif: Ini termasuk mengenal pasti perkara yang ingin dicapai oleh sesebuah organisasi berdasarkan matlamat penubuhan organisasi tersebut dan prestasi yang diinginkan seperti kadar pertumbuhan organisasi atau peratusan keuntungan dan lain-lain.

⁵⁹ Ir. Siswanto, *Panduan Pengelolaan Himpunan Jama'ah Masjid* (Jakarta: Pustaka Amani, 2002), 122-136.

2. Strategi organisasi: Apabila matlamat dan tujuan telah ditakrifkan dengan jelas, organisasi perlu mencari jalan untuk mencapai matlamat dan tujuan seperti yang diharapkan itu. Di dalam strategi, pihak pengurusan akan membincangkan perkara seperti strategi pemasaran yang meliputi peletakan harga, perluasan pasaran atau perbezaan barangan agar organisasi itu dapat bersaing dengan pihak luar.
 3. Langkah seterusnya, pihak pengurusan harus mengatur program atau projek mengikut strategi yang berasaskan matlamat organisasi.
- b. Penyusunan: Melibatkan kerja menstrukturkan organisasi dan penstafan (proses pengambilan kakitangan). Struktur organisasi menunjukkan pembahagian kerja mengikut aktiviti (pemasaran, kewangan, pemprosesan dan lain-lain), tingkat (hieraki) autoriti, penyelarasan melalui peraturan dan dasar serta prosedur yang dibuat. Penstafan meliputi perancangan sumber manusia, pengambilan dan pemilihan kakitangan, orientasi dan latihan, penilaian prestasi, sistem pampasan (gaji, upah dan faedah), program peningkatan produktiviti dan kualiti, program keselamatan dan kesihatan kakitangan, dan program kebajikan dan perkhidmatan kakitangan.
 - c. Pengarahan: Merupakan fungsi penting untuk menjamin aktiviti organisasi berjalan dengan teratur dan sempurna dalam suasana yang harmoni. Untuk

mencapai matlamat ini faktor-faktor motivasi, kepimpinan, dan sistem komunikasi perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan.

- d. Pengawasan: Merupakan fungsi terakhir untuk menentukan bahawa prestasi organisasi telah dicapai mengikut perancangan, masalah dalam penyusunan dikenal pasti dan langkah tertentu diambil, faktor-faktor di dalam organisasi, keinginan dan sifat kakitangan yang ada hubungan dengan prestasi dan tingkah laku perlu diberi perhatian dan diawasi.⁶⁰

Menurut pendapat lain fungsi-fungsi pengurusan terbahagi kepada empat fungsi asas iaitu merancang, mengatur, memimpin dan mengawal organisasi.

- a. Merancang: Proses merancang dan membuat keputusan adalah fungsi pengurusan yang pertama dan ia amat penting. Merancang ialah fungsi pengurusan yang melibatkan penentuan matlamat serta program tentang cara-cara alternatif untuk mencapai matlamat tersebut. Merancang untuk membuat sesuatu merupakan satu bentuk membuat keputusan.
- b. Mengatur: Proses mengatur adalah satu lagi fungsi pengurusan. Mengatur ialah fungsi pengurusan yang melibatkan penyusunan dan mengadakan sumber-sumber yang diperlukan untuk mencapai cita-cita organisasi. Ia juga berfungsi mewujudkan hubungan secara berautoriti di dalam organisasi dan seterusnya mencipta struktur organisasi.
- c. Memimpin: Proses memimpin adalah satu lagi fungsi pengurusan. Pemimpin diperlukan untuk memimpin organisasi dan dengan autoriti

⁶⁰ Juhary Ali, *Asas Pengurusan* (Pulau Pinang: Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia, 1987), 3-4.

yang diberikan, pimpinannya akan lebih berkesan. Setiap unit ataupun setiap individu di dalam organisasi perlu diberi definisi autoriti yang jelas ataupun senarai tugas yang spesifik dan juga seseorang sebagai tempat melapur kerjayanya. Mengarah adalah fungsi pengurusan yang membekalkan pimpinan di dalam organisasi, membina suasana kerja yang baik dan merangka peluang-peluang yang boleh memotivasikan pekerja.

- d. Mengawal: Proses mengawal adalah proses fungsi pengurusan untuk mewujudkan piawai, mengukur pencapaian dan membuat tindakan hasil dari maklum balas pencapaian. Ini bertujuan mengelak kegagalan ataupun masalah dengan menyediakan kaedah-kaedah kawalan ke atas pencapaian individu, jabatan dan keseluruhan organisasi. Ini termasuklah mengenal pasti masalah-masalah yang wujud dan cara-cara menyelesaikan masalah tersebut.⁶¹

Proses pengurusan menurut Islam pula dibahagikan kepada tujuh fungsi iaitu niat, perancangan, pelaksanaan, pengorganisasian, pengarahan, pengawalan dan penilaian.

1. Niat: Menurut ajaran Islam setiap amal harus bermula dengan niat iaitu tekad dalam hati serentak dengan amal. Syarat niat harus ikhlas, tulus dan murni semata-mata kerana Allah S.W.T. sebagai pengabdian kepada-Nya dan mencari keredaan-Nya.

⁶¹ Sabri Haji Hussin, Raida Abu Bakar, Mohd Radzuan bin Rahid dan Ruhana Busu, *Pengurusan* (Thomson Learning, Singapore: A Division of Thomson Asia Pte Ltd, 2004), 4-5.

2. Perancangan: Perancangan merupakan jambatan penghubung antara kini dan nanti (masa sekarang dengan masa mendatang). Ia menggagaskan senario yang dikehendaki dan menggariskan langkah-langkah merealisasikannya berasaskan fakta dan angka masa kini serta kemungkinan-kemungkinan masa depan.
3. Pelaksanaan: Pelaksanaan adalah proses menterjemahkan segala yang telah dirancangan ke dalam sejumlah tindakan menurut urutannya. Proses ini perlu dilakukan dengan tegas, yakin, berani dan tanpa ragu-ragu.
4. Pengorganisasian: Dalam pengertian umumnya pengorganisasian bermaksud pengacaraan, penempatan sesuatu atau seseorang pada posisi-posisi yang sesuai dengan tujuan agar semuanya dapat berfungsi dengan berkesan dan seterusnya membuahkan hasil yang dikendaki. Dalam konteks pengurusan, pengorganisasian merujuk proses pemecahan kerja menjadi bahagian-bahagian dan diikuti dengan pengagihan dan penyelarasannya di kalangan petugas-petugas yang telah ditentukan berdasarkan kelayakan dan kesesuaiannya.
5. Pengarahan: Pengarahan bermaksud keupayaan pengurus menggerakkan para petugas bertindak tepat menurut garis-garis yang telah ditetapkan dengan rela dan penuh iltizam terhadap tugas.
6. Pengawalan: Proses pengawalan meliputi segala sikap dan tindakan untuk memastikan proses pencapaian matlamat dilaksanakan dengan sempurna, menepati perancangan, pengorganisasian dan pengarahan. Pengawalan dalam pengurusan Islam sangat terkait dengan beberapa ajaran pokok iaitu

kesedaran tentang pemerhatian Allah S.W.T. menyeru kepada kebaikan dan melarang dari melakukan kejahatan dan memperbanyakkan doa memohon kurnia, restu dan keredaan Allah S.W.T.

7. Penilaian: Proses pengurusan seharusnya diakhiri dengan melakukan tinjauan evaluative-introspektif dalam erti merenung ke dalam diri dengan motif oto kritik (mengkritik diri). Dalam istilah agama amalan ini disebut muhasabah diri. Ini adalah amalan terpuji yang harus disebatkan dalam cara hidup seseorang Muslim, menilai diri sebelum dinilai oleh Allah S.W.T. pada hari mahsyar. Kerana itu segala tindak lakunya, malah segala gerak hati dan lintasan fikirannya juga harus dikawal dengan penuh waspada.⁶²

2.4. Pengurusan Masjid

Abdul Halim Hasan menjelaskan struktur pengurusan masjid adalah merujuk kepada cara pembahagian kerja sesebuah organisasi masjid. Proses pengurusan lazimnya meliputi urusan antara pekerja, disiplin kerja, gaji atau ganjaran yang diberikan, menerima arahan pihak atasan serta mengutamakan kepentingan awam (jemaah).⁶³ Secara umumnya beliau mengatakan pengurusan masjid memerlukan perancangan, pengelolaan, arahan, penyelarasan dan pengawalan agar institusi masjid menjadi sebuah organisasi yang baik dan berkesan. Hasilnya pula dapat

⁶² Panel Akademi Pengurusan YPEIM, *Pengurusan Dalam Islam* (Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YPEIM Sdn. Bhd., 2005), 127-139.

⁶³ Abdul Halim Haji Hasan, *Komunikasi Dalam Pengurusan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Deilmu (Malaysia) Sdn. Bhd., 1994), 62.

dilihat kepada pekerja yang boleh mengikut arahan dan pengunjung masjid dapat mengambil manfaat daripada sistem pengurusan dan pentadbiran berkesan.⁶⁴

Jika dirujuk dalam sejarah perkembangan masjid pada zaman Rasulullah S.A.W. Nor Raudhah Haji Siren menjelaskan bahawa Rasulullah S.A.W. sendiri mempelopori beberapa kaedah pelaksanaan. Antaranya ialah seperti kaedah perancangan, pengorganisasian, pengawalan, penyusunan staf, kepimpinan dan pelaksanaan mengikut perancangan. Kesannya dalam jangka masa 23 tahun agama Islam telah berjaya disebarkan ke seluruh pelusuk muka bumi.⁶⁵

Beliau juga turut mengatakan bahawa sistem pengurusan dan pentadbiran yang diamalkan oleh kebanyakan institusi masjid khususnya di Malaysia mempunyai sumber-sumbernya yang tersendiri. Ini bertujuan bagi mengembangkan fungsi sesebuah masjid. Sumber-sumber tersebut ialah al-Qur'an, al-Sunnah, pengamalan khilafah al-Rashidin berlandaskan pemikiran Ulama-Ulama silam terdahulu dan pendapat di kalangan para ilmuan sama ada di Barat atau Timur.⁶⁶

Mustafa Haji Daud menjelaskan bahawa dalam usaha membangunkan masjid, pihak pengurusan dan pentadbiran masjid hendaklah mengambil kira nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan secara langsung dan memandu manusia dalam satu ikatan yang erat. Nilai tersebut telah mengutamakan keikhlasan, kejujuran,

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ Nor Raudhah Haji Siren, *Strategi Mengurus Masjid* (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006). 18.

⁶⁶ *Ibid.*, 19.

keadilan bagi mencapai matlamat organisasi masjid, memaksimumkan produktiviti, kualiti dan keuntungan semua pihak.⁶⁷

Menurut Ahmad Ibrahim Abu Sin ciri-ciri yang perlu ada pada pengurusan dan pentadbiran masjid ialah demokrasi, delegasi, syura, tolong-menolong, berlaku adil, beramanah, sederhana, menghormati hak orang lain, bekerja berpasukan, bersabar atas kerenah manusia dan dedikasi. Semua ciri-ciri yang dinyatakan itu adalah merupakan pra-syarat bagi mencapai kemajuan pengurusan dan pentadbiran institusi masjid.⁶⁸

Berdasarkan penjelasan di atas dapatlah disimpulkan bahawa dalam melaksanakan sistem pengurusan masjid, perlu diambil kira nilai-nilai dalaman yang berlaku supaya dapat disesuaikan dengan masyarakat setempat seperti kejujuran, keikhlasan dan dedikasi amat penting bagi seseorang individu yang dilantik menduduki pengurusan masjid.

2.5. Keperluan Pengurusan Aktiviti Dakwah

Islam adalah agama yang memandu seluruh umat manusia ke jalan yang benar. Tanpa usaha gigih dalam menyampaikan mesej Islam, manusia seluruhnya akan hilang panduan hidup. Hidup tanpa agama, ibarat hidup tanpa arah dan tujuan. Bagi memberi manusia petunjuk jalan yang diredai Allah S.W.T. maka dakwah

⁶⁷ Mustafa Haji Daud, *Pengurusan Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distribution, 1994), 50.

⁶⁸ Ahmad Ibrahim Abu Sin, *Pengurusan Dalam Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991),126.

Islam dan pendidikan secara berterusan melalui aktiviti dakwah di masjid sangat diperlukan. Keperluan ini bukan semata-mata atas kepentingan akhirat, tetapi juga atas kepentingan hidup di dunia ini.

Jika dikaji dalam al-Qur'an, terdapat ayat yang menjelaskan sifat amanah (tanggungjawab) Allah S.W.T. yang mesti ditunaikan haknya. Firman Allah S.W.T. di dalam al-Qur'an.

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ
فَأَبَيْنَ أَنْ تَحْمِلَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ
كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya kami telah mengemukakan amanah (tanggungjawab agama ini) kepada langit, bumi dan gunung-ganang, maka semuanya enggan untuk memikul amanah itu dan mereka khawatir akan mengkhianati nya, dan dipikul amanah itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat jahil”.

Surah al-Ahzab (33): 72

Menurut al-Qurtub berdasarkan pengertian ayat di atas, agama Islam dapat difahami sebagai satu agama dakwah yang bersifat menyeluruh dan dakwah itu mesti dipikul oleh seluruh umat manusia. Sebagai seorang Islam, usaha menyampaikan mesej Islam adalah penting bagi menyedarkan diri sendiri, kawan, keluarga dan orang ramai. Semua umat Islam harus bersama-sama memikul

tanggungjawab ini dengan amanah. Orang yang ingkar memikul tanggungjawab ini akan diazab oleh Allah S.W.T.⁶⁹

Dalam ayat yang lain, Allah S.W.T. menerangkan bahawa ada golongan manusia yang mendapat petunjuk dan juga ada golongan yang tidak mendapat petunjuk. Kedua-dua golongan tersebut sentiasa berusaha mengembangkan pengaruh masing-masing dan mencari jalan bagi menarik manusia lain supaya mengikut jejak langkah mereka. Mereka akan berusaha dengan pelbagai taktik dan strategi bagi menjayakan misi mereka.⁷⁰ Firman Allah S.W.T. di dalam al-Qur'an.

أُولَئِكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ وَاللَّهُ يَدْعُوا إِلَى الْجَنَّةِ وَالْمَغْفِرَةِ
بِإِذْنِهِ وَيُبَيِّنُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٢١﴾

Maksudnya:

“Mereka (orang-orang musyrik) mengajak ke neraka, sedangkan Allah mengajak ke syurga dan keampunan dengan izin-Nya. Dan Allah S.W.T. menerangkan ayat-ayat-Nya kepada manusia supaya mereka mengambil pengajaran”.

Surah al-Baqarah (1): 221

⁶⁹ Al-Qurtub, Ab Abdullah Muhammad ibn Ahmad ibn Ab Bakr ibn Farah al-Ansār al-Khazarjal-Andalus, *Al-Jāmi' Li Ahkām al-Qurān*, Jil. 4 (Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-Arab y, t.t), 325.

⁷⁰ Ab. Aziz Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Cet. ke3, 1997), 14.

إِنَّ الشَّيْطَانَ لَكُمْ عَدُوٌّ فَاتَّخِذُوهُ عَدُوًّا إِنَّمَا يَدْعُوا حِزْبَهُ
لِيَكُونُوا مِنْ أَصْحَابِ السَّعِيرِ ﴿٦﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh kamu, maka buatlah ia musuh kamu, kerana syaitan-syaitan itu mengajak golongannya supaya menjadi penghuni neraka yang dahsyat”.

Surah Faathir (35): 6

Kedua-dua maksud ayat di atas adalah bukti yang jelas tentang adanya pelbagai kegiatan bagi menarik orang lain supaya mengikuti jejak langkah kedua-dua golongan yang telah dinyatakan. Berbagai usaha, antaranya melalui penyebaran maklumat, melalui ilmu pengetahuan, mengemukakan hujah, menggunakan kekuatan fizikal yang dijadikan alat oleh golongan tersebut dalam menarik umat manusia mengikuti mereka. Kerana itu, dakwah diperlukan bagi mengajak semua golongan manusia menuju ke jalan yang benar.⁷¹

Menurut al-Sayyid Nawfāl Ab al-Majd, secara umumnya akidah manusia dilihat sebagai sentiasa sakit kerana kurangnya penghayatan agama dalam hidup mereka. Akibatnya, mereka melakukan perkara yang merosakkan agama seperti amalan bidaah, khurafat, perpecahan dan pergaduhan sering berlaku sesama sendiri, penyelewengan pemikiran ke arah kebaratan dan pergaduhan sering berlaku

⁷¹ 'Abd al-Qadr Ahmad, *Tafsir Abi al-Said* (Saudi Arabia: Maktabah al-Riyād al-Hadith, t.t.), 396.

sesama sendiri, penyelewengan pemikiran ke arah kebaratan yang menebal telah menyelubungi pemikiran manusia.⁷²

Muhammad Qutb pula mengatakan bahawa umumnya orang jahil sering kali menolak dan mempersendakan hukum Allah S.W.T. Istilah jahil tidak terbatas kepada hukum dan syariat Allah S.W.T. semata-mata, tetapi dapat dilihat dalam erti kata yang lebih luas mencakupi pelbagai disiplin ilmu pengetahuan. Mesej Islam diperlukan untuk membanteras semua jenis kejahilan yang sudah berakar umbi dalam diri seseorang.⁷³

Sementara itu, 'Al Mahf z menjelaskan bahawa manusia dimuliakan Allah S.W.T. dengan akal fikiran waras. Jika mereka tidak menggunakan akal fikiran bagi membezakan antara hak dan batil, baik dan buruk, mereka disebut sebagai orang jahil. Berfikir secara logik dengan akal semata-mata tidak cukup untuk melihat tipu muslihat dunia, tetapi harus bersandarkan wahyu Ilahi. Maka dakwah diperlukan untuk membimbing golongan tersebut ke jalan lurus.⁷⁴

Ab. Aziz Mohd. Zin yang mengulas dari sudut akidah pula mengatakan, masyarakat Islam sedang mengalami pelbagai penyakit tenat yang boleh merosakkan akidah. Antara penyakit tersebut ialah syirik, penyelewengan akidah,

⁷² Al-Sayyid Nawfāl Ab al-Majd, *Al-Da'wah ilā Allāh Ta'ālā* (Khassais n Muqāwimatuhā Manāhijuhā, 1977), 6.

⁷³ Muhammad Qutb, *Jāhilliyah al-Qarn al-'Isyr n* (Kaherah: 1964), 25.

⁷⁴ 'Al Mahf z, *Hidāyah al-Mursyid n* (Qaherah: Maktabah Usmān yah, 1997), 18.

ajaran sesat, khurafat dan sebagainya. Punca penyakit itu ialah mereka masih berjauhan dengan agama Islam.⁷⁵

Sejarah telah membuktikan bahawa Islam itu tersebar melalui manusia. Para pejuang Islam terdahulu terutamanya sahabat-sahabat Rasulullah S.A.W. telah bersungguh-sungguh berusaha menyebarkan dakwah ke seluruh pelusuk dunia. Mereka berjaya meletakkan Islam itu di tempat yang tinggi.⁷⁶

Oleh sebab sifat dan kedudukan agama Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya, maka seluruh umat manusia dituntut supaya meletakkan agama Islam di tempat yang paling atas. Maksudnya manusia harus berusaha mengangkat martabat agama Islam itu dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, pendidikan, pengurusan dan sebagainya. Usaha menyampaikan Islam kepada semua orang amat perlu bagi meletakkan Islam di tempat yang tinggi. Semua umat manusia sangat memerlukan Islam, ditambah dengan keadaan masyarakat yang sakit yang disebabkan kejahilan manusia, tuntutan Islam tersebar melalui manusia dan pertembungan dua golongan manusia yang tidak berkesudahan.

Jika dikaitkan tuntutan menyebarkan Islam kepada semua orang, maka jelaslah bahawa pengimarahkan masjid adalah termasuk dalam aktiviti yang harus

⁷⁵ Ab. Aziz Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islāmiah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Cet. ke3, 1997), 9.

⁷⁶ Ibn Hajar, Ahmad ibn 'Al ibn Hajar al-'Asqalān, *Fath Al-Bari*, jil. 3 (Al-Salāfiyah, t.t), 218.

dilakukan. Ini kerana pada dasarnya semua umat Islam dalam apa cara sekalipun harus menerima mesej Islam supaya mereka tidak tersisih dari arus perdana Islam.

Al-Qurtub mengatakan masalah kurang kesedaran tentang kewajipan melaksanakan tuntutan ibadah yang mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia adalah antara faktor-faktor yang menyebabkan orang ramai tidak mengamalkan ajaran Islam yang sebenar. Justeru, sebagai memenuhi semua tuntutan ibadah yang amat diperlukan itu, maka mereka yakni orang awam, perlu diberi penerangan mengenai seluruh aspek kehidupan manusia dengan mengadakan aktiviti dakwah di masjid supaya mereka dapat memahami Islam dengan jelas tanpa menyeleweng.⁷⁷ Firman Allah S.W.T. di dalam al-Qur'an.

لِتُنذِرَ قَوْمًا مَّا أُنذِرَ ءَابَاؤَهُمْ فَهُمْ غَافِلُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya:

“....Supaya engkau memberi peringatan amaran kepada kaum yang datuk neneknya telah lama tidak diberikan peringatan dan amaran; sebab itulah mereka lalai”.

Surah Yasin (36): 6

Merujuk maksud ayat di atas, dapatlah difahami bahawa adalah menjadi tanggungjawab kepada pendakwah termasuk AJK masjid memberi peringatan

⁷⁷ Al-Qurtub, Ab Abdullah Muhammad ibn Ahmad ibn Ab Bakr ibn Farah al-Ansār al-Khazarjial-Andalus, *Al-Jāmi' Li Ahkām al-Qurān*, Jil. 4 (Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-Arabiyy, t.t), 168.

kepada masyarakat umum tentang berita baik dan berita menakutkan, tentang dosa dan pahala, azab kubur dan sebagainya. Jika tidak diberi peringatan, manusia akan sering lupa terhadap hukum Allah S.W.T. Maka usaha aktiviti dakwah di masjid perlu disampaikan kepada golongan yang lalai.

Mesej Islam perlu disampaikan kepada seluruh masyarakat Islam bagi membanteras sifat kejahilan. Dari sudut akidah, sifat jahil adalah amat merbahaya kerana ia boleh membawa kepada kekufuran nikmat Allah S.W.T. Akibat daripada kejahilan manusia akan menimbulkan masalah kepada semua pihak. Bagi mengatasi masalah tersebut, dakwah adalah jalan penyelesaian terbaik.⁷⁸

Dalam satu ayat yang lain, firman Allah S.W.T. di dalam al-Qur'an.

وَلُوطًا إِتَيْنَاهُ حُكْمًا وَعِلْمًا وَنَجَّيْنَاهُ مِنَ الْقَرْيَةِ الَّتِي
كَانَتْ تَعْمَلُ الْخَبِيثَۃَ إِنَّهُمْ كَانُوا قَوْمَ سَوْءٍ فَسَقِينَ ﴿٧٤﴾

Maksudnya:

“ Dan kepada Nabi Lut, Kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu dan Kami selamatkan dia dari bandar yang penduduknya selalu melakukan perkara-perkara yang keji; sesungguhnya mereka itu adalah kaum jahat, yang fasik, derhaka”.

Surah al-Anbiya (21): 74

⁷⁸ Ibid., 89.

Maksud ayat di atas jelas menerangkan bahawa umat terdahulu pernah melakukan perkara-perkara keji dan bertentangan dengan syariat Allah S.W.T. Mereka adalah antara golongan umat manusia yang jahat, fasik, derhaka dan mempengaruhi orang lain supaya melakukan perbuatan keji dan mungkar.

Justeru, pelaksanaan aktiviti dakwah di masjid sangat diperlukan bagi mengelakkan golongan umat manusia hari ini daripada termasuk ke dalam golongan tersebut dan supaya mereka berilmu pengetahuan, menjauhkan dari melakukan dosa dan kembali ke pangkal jalan.⁷⁹

Secara umumnya melaksanakan program Islam adalah satu keperluan untuk semua manusia. Keperluan tersebut adalah untuk memenuhi tuntutan hidup bahagia di dunia dan juga kehidupan di akhirat kelak. Aktiviti dakwah juga adalah untuk memperbaiki akidah umat manusia yang rosak, menyebarkan ilmu dan sebagai tuntutan agama bagi memperbaiki krisis akhlak dan moral.

2.6. Matlamat Pengurusan Aktiviti Dakwah

Secara umumnya matlamat pengurusan aktiviti dakwah di masjid dapat dibahagikan kepada beberapa matlamat yang penting dan perlu dijelaskan dalam kajian ini. Matlamat-matlamat tersebut ialah:

⁷⁹ 'Abd. Al-Rahmān Ibn Nāsir al-Sa' d, *Tafsir Al-Qur'ān Al-Karīm* (Lubnān: Al-Risālah Publishers, Beirut, 1995), 381.

2.6.1. Mengajak Manusia Bertakwa dan Menjauhi Maksiat

Dalam al-Qur'an, Allah S.W.T. menyuruh umat manusia berbuat baik kepada dirinya dan menjauhkan dari segala kemaksiatan. Justeru, jika dilihat dalam konteks aktiviti dakwah di masjid adalah suatu tempat mengajak manusia bertakwa seperti firman Allah S.W.T. di dalam al-Qur'an.

لَا تَقُمْ فِيهِ أَبَدًا لَّمَسْجِدٌ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ
يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ فِيهِ رِجَالٌ مُّحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا
وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu sembahyang di Masjid itu selama-lamanya kerana sesungguhnya masjid (Quba' yang kamu bina wahai Muhammad) yang telah didirikan atas dasar takwa dari mula (wujudnya) sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya, di dalam Masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya; dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin)”.

Surah al-Taubah (9): 108

Berdasarkan maksud ayat ini, jelas bahawa aktiviti dakwah di masjid adalah untuk mengajak manusia supaya bertakwa kepada Allah S.W.T. dan menjauhkan diri dari melakukan perkara yang dimurkai Allah S.W.T. Ajakan kepada kebaikan ini

merupakan roh yang perlu diisi dalam institusi masjid sehingga diabadikan oleh Allah S.W.T. sebagai rukun penting khutbah Jumaat.

Menurut Muhyidin Abdul Aziz pembinaan masjid tanpa adanya roh takwa adalah diibaratkan sebagai jasad tanpa nyawa. Institusi masjid menjadi tempat yang mati dan akan hilang kepentingannya kepada masyarakat Islam jika tiada roh takwa. Justeru, matlamat aktiviti dakwah di masjid bertujuan untuk menjadikan masjid sebagai aktiviti yang berjalan atas dasar takwa kepada Allah S.W.T. Pada masa yang sama tidak boleh sama sekali aktiviti dakwah di masjid menyimpang daripada dasar takwa.⁸⁰

Pada dasarnya aktiviti dakwah di masjid hendaklah dibangunkan berlandaskan kepada prinsip-prinsip ketakwaan kepada Allah S.W.T. kerana matlamat terakhir ialah menuju kepada keredaan Allah S.W.T. Jika aktiviti dakwah di masjid didapati menyimpang daripada landasan ketakwaan dan keikhlasan kepada Allah S.W.T. maka aktiviti tersebut tidak akan diterima sama sekali oleh Allah S.W.T. walaupun ianya dipersetujui oleh orang ramai. Allah S.W.T. mencela terhadap golongan yang menjalankan aktiviti dakwah di masjid tanpa rasa takut kepadanya.

⁸⁰ Muhyidin bin Haji Azizi, *Konsep dan Falsafah Masjid*, tulisan ini telah diterbitkan dalam buku bertajuk *Membangunkan Institusi Masjid* (Penerbit Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, U.M., 2003), 5.

2.6.2. Meninggikan Syiar Islam dan Menghapuskan Syirik

Matlamat pengurusan aktiviti dakwah di masjid adalah untuk meninggikan syiar Islam dan menghapuskan segala perbuatan yang mensyirikkan Allah S.W.T. Menurut Yusuf al-Qaradaw perkara-perkara ibadat juga merupakan syariat Islam. Orang yang mendirikan solat adalah termasuk dalam kalangan orang yang menegakkan syiar Islam. Namun begitu, ibadat solat sebagai syiar Islam akan lebih terserlah jika dilaksanakan secara berjemaah di masjid. Prestasi solat berjemaah menjadi kayu pengukur bagi menilai kesungguhan masyarakat Islam menjunjung tinggi syiar Islam.⁸¹

Sebagai sebuah institusi yang menjunjung tinggi syiar Islam, aktiviti dakwah di masjid hendaklah bebas daripada sebarang bentuk syirik atau aktiviti yang boleh membawa kelalaian kepada Allah S.W.T. Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Allah S.W.T. kepada Nabi Ibrahim AS dan puteranya Nabi Ismail AS supaya membersihkan Baitullah daripada patung-patung berhala yang menjadi sembah orang-orang musyrikin. Firman Allah S.W.T. di dalam al-Qur'an.

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِّلنَّاسِ وَأَمْنَا وَاتَّخِذُوا مِن مَّقَامِ
إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى وَعَهِدْنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَن طَهِّرَا
بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ وَالْعَاكِفِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ ﴿١٢٥﴾

⁸¹ Yusuf al-Qaradaw, *Al-Islām Hadārah al-Ghad* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1997), 150.

Maksudnya:

“Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan rumah suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk Ibadat Haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): Bersihkanlah rumah-Ku (Kaabah) dan Masjid al-Haram dari segala perkara yang dilarang untuk orang-orang yang bertawaf dan orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang-orang yang rukuk dan sujud”.

Surah al-Baqarah (1): 125

Berdasarkan ayat di atas amat jelas bahawa Allah S.W.T. memerintahkan kepada umat manusia supaya membebaskan diri daripada sebarang amalan syirik sama ada dalam bentuk penyembahan seperti menyembah berhala atau melakukan amalan syirik yang tersembunyi seperti berniat dalam hati walaupun ketika itu berada dalam masjid. Jadi, semua perbuatan syirik tersebut perlu dibendung oleh pihak berkuasa dengan menggunakan pendekatan dakwah, pendidikan, penguatkuasaan undang-undang dan sebagainya.

2.6.3. Membimbing Golongan Jahil dan Peringatan Kepada Golongan Lalai

Matlamat pengurusan aktiviti dakwah di masjid adalah untuk mengajar ilmu agama kepada golongan yang jahil terhadap Islam. Ini kerana kejahilan adalah musuh umat Islam. Kehidupan umat Islam juga menjadi mundur disebabkan oleh kejahilan mereka memahami ajaran Islam. Akibat kejahilan dan kurang

pendidikan agama, maka umat Islam akan mudah terdorong melakukan perbuatan dosa secara terang-terangan.⁸²

Seperti yang dijelaskan sebelum ini bahawa masjid adalah sebuah institusi yang sentiasa menganjurkan majlis keilmuan. Berdasarkan sejarah Nabawiah, Rasulullah S.A.W. memanfaatkan waktu-waktu terluang bersama-sama para sahabat ketika dalam masjid dengan menyampaikan tazkirah, ceramah dan *maw'izah* (peringatan). Situasi demikian berterusan hingga masa kini. Masjid dianggap sebagai “Universiti Terbuka” yang memberi peluang kepada seluruh anggota masyarakat menimba ilmu di bawah satu bumbung.⁸³

Sayyid Qutb menerangkan matlamat aktiviti dakwah di masjid atau dakwah secara umum ialah menyeru umat manusia supaya beribadah kepada Allah S.W.T. memberi peringatan dengan berbuat kebaikan dan meninggalkan segala bentuk penyembahan selain Allah S.W.T. Barang siapa yang membawa ke arah kesesatan, maka tidak akan mendapat hidayah dan sesiapa yang mengajak ke jalan lurus, mereka akan sentiasa mendapat petunjuk dari Allah S.W.T.⁸⁴ Mereka hendaklah menyuruh semua umat manusia membuat kerja-kerja kebajikan tanpa

⁸² Mahyidin bin Haji Azizi, *Konsep dan Falsafah Masjid*. tulisan ini telah diterbitkan dalam buku bertajuk *Membangunkan Institusi Masjid* (Penerbit Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, U.M., 2003), 7.

⁸³ Awang Haji Matusin bin Haji Baki, *Catatan Sejarah Masjid-Masjid Negara Brunei Dārussalām* (Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Agama Islam, Bandar Seri Begawan, 1993), 8.

⁸⁴ Sayyid Qutb, *F Zilāl al-Qurān*, juz. 13, cet. 7 (Beirut: Lubnan, 243-244, Lihat juga Ab Ja'afar Muhammad bin Jar r al-Tabar , 1968), *Jami' al-Bayān al-Ta'w l al-Qurān*, juz. 12, cet. 3, Maktabah Mutba'ah Mustafā al-Bāb , 1971), 103.

mengharapkan sanjungan atau balasan. Kepada Allah S.W.T. jua tempat manusia memohon dan meminta pertolongan.

Berdasarkan penjelasan di atas, jelas bahawa matlamat aktiviti dakwah di masjid kepada semua orang adalah bertujuan untuk mengukuhkan akidah supaya lebih mantap, memperbaiki akhlak supaya sasaran mengamalkan akhlak mulia dan melaksanakan ibadat seperti mana yang dituntut oleh Allah S.W.T. yang harus dilaksanakan secara terancang, sistematik dan sesuai dengan waktu dan masa.

2.6.4. Menjadikan Sebagai Pusat Perpaduan Umat Islam

Masjid bukan sahaja berfungsi sebagai tempat beribadat tetap juga merupakan institusi yang berupaya menyatukan umat Islam. Menurut Wan Mohammad Abdul Aziz hasrat ini boleh dicapai dengan memastikan pentadbiran masjid diurus secara profesional dan bebas daripada elemen politik. Memilih orang bukan Islam menjalankan aktiviti sosial dalam kawasan masjid juga boleh dilihat sebagai satu usaha untuk menjadikan masjid sebagai pusat perpaduan ummah.⁸⁵

Menurutnya lagi, kerjasama yang dilakukan oleh pegawai-pegawai dan Ahli Jawatankuasa masjid dengan agensi-agensi serta pertubuhan dakwah bukan kerajaan bagi melaksanakan pengimarahannya perlu dipupuk dari semasa ke semasa. Mereka hendaklah dibimbing dengan kekuatan jati diri yang mantap, nilai-nilai murni bagi mengukuhkan jalinan kerjasama, silaturahim dan sikap

⁸⁵ Dato' Wan Mohammad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, *Pendekatan Baru Dalam Pengimarahannya Masjid* (Kertas seminar ini dibentangkan dalam seminar Imam-Imam Masjid Seluruh Negara di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 15 April 2008), 7.

tolong-menolong dalam kalangan ahli kariah juga merupakan salah satu usaha yang boleh membawa kepada perpaduan ummah.⁸⁶

Masjid adalah suatu institusi yang mampu menjana kekuatan umat Islam. Sebagai contoh, aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan masjid, membersihkan tanah perkuburan Islam dan sebagainya adalah antara aktiviti yang boleh dilihat dapat menyatupadukan masyarakat Islam dari pelbagai peringkat umur, taraf ekonomi, dan boleh juga merapatkan jurang ideologi politik.

2.7. Masalah Pengurusan Aktiviti Dakwah

Pengurusan aktiviti dakwah ialah satu usaha murni mengurus aktiviti dakwah di masjid dengan tujuan mengajak manusia ke arah kebaikan dan mencegah dari melakukan kemungkaran melalui kaedah tertentu. Untuk mencapai matlamat tersebut banyak masalah terpaksa dihadapi oleh pengurusan aktiviti dakwah yang datang dari pelbagai pihak.

2.7.1. Sikap Pihak Pengurusan

Muhammad Am n 'Al al-Jam 'y menjelaskan bahawa masalah pengurusan masjid banyak dikaitkan dengan sikap pengurus itu sendiri. Antaranya ialah seperti ketidakmampuan pihak pengurusan masjid menunjukkan contoh teladan terbaik sebagaimana akhlak Nabi Muhammad S.A.W. Pihak pengurusan masjid harus

⁸⁶ *Ibid.*

bijak mengatur ucapan, menghayati dan mempraktikkan ucapan tersebut dalam kehidupan harian.⁸⁷

Muhammad 'Abd al-Qādir pula berpendapat bahawa pihak pengurusan masjid wajar memperagakan tingkah laku baik pada setiap waktu dan ketika untuk dijadikan contoh dan ikutan masyarakat. Jika mereka sendiri gagal menunjukkan akhlak mulia, masyarakat berada dalam situasi kecelaruan, maka hal itu menjadi suatu masalah dalam urusan pengurusan masjid.⁸⁸

2.7. 2. Wujud Pelbagai Pertubuhan Dakwah dan Ideologi Politik

'Al Jar shah menjelaskan antara sebab wujudnya masalah pengurusan masjid ialah dengan munculnya pelbagai pertubuhan dakwah yang berbeza pendekatan. Terdapat kumpulan dakwah yang berfungsi sebagai pusat khidmat masyarakat atau badan kebajikan sosial yang menekankan aspek kebajikan, tetapi terlibat pula secara langsung dalam politik dan pemerintahan negara dan ada pula jemaah lain yang dilihat berdakwah melalui pendekatan ceramah dan kuliah.⁸⁹

Masalah dakwah menurut Mohd Nats r antaranya disebabkan oleh perpecahan sesama umat Islam sendiri yang memiliki pegangan ideologi politik yang berbeza. Mereka juga sangat taasub dengan pemimpin masing-masing dan ditambah lagi

⁸⁷ Muhammad Am n 'Al al-Jam 'y, *Tar q al-Da'wah ilā al-Islām* (Beirut: al-Maktabah al-Islām , 1979), 191-192.

⁸⁸ Mohammad 'Abd al-Qādir, *Nahwā al-Da'wah Islāmiyah Rasy dah* (Riyād: Maktabah al-'Arbiykān, 1995), 35.

⁸⁹ 'Al Jar shah, *al-Ijtihāt al-Fikr yah al-Mu'asirah* (Kaherah: Dār al-Wafā', 1986), 287.

dengan kejahilan dalam memahami selok belok agama. Perpecahan disebabkan berlainan ideologi ini sukar untuk diselesaikan dalam waktu yang singkat.⁹⁰

2.7.3. Penguasaan Ilmu Pengetahuan

Sementara itu Ahmad Ghal sh berpendapat masalah pengurusan masjid ialah kerana mereka tidak menguasai pelbagai ilmu pengetahuan, kurang menguasai maklumat terkini, kurang berhubung dengan Allah S.W.T. pada setiap waktu dan tidak menjalinkan hubungan baik sesama masyarakat setempat.⁹¹

Y suf al-Qaradaw menjelaskan bahawa masalah timbul apabila para pentadbir masjid tidak berusaha melengkapkan diri mereka dengan pelbagai disiplin ilmu sama ada ilmu agama atau ilmu sosial, tidak mampu berhujah dengan musuh-musuh Islam terutamanya berkaitan ilmu-ilmu kesusasteraan, biologi, sosiologi, sains politik dan pengetahuan umum.⁹²

2.7.4. Sumber Kewangan

Sementara itu, Ab. Aziz Mohd. Zin mengatakan antara masalah pengurusan masjid yang dihadapi masa kini ialah kekurangan sumber kewangan. Perkara ini menyebabkan pentadbiran dan aktiviti dakwah di masjid menjadi lembap dan tidak dapat diperluaskan. Tenaga pakar dakwah juga tidak dapat digunakan

⁹⁰ Mohd Nats r, *Percakapan Antara Generasi* (Dewan Pustaka Islam, Petaling Jaya, 1991), 10.

⁹¹ Ahmad Ghal sh, *al-Da'wah fi 'Asr al-Nubuwwah* (Kaherah: 1972), 225.

⁹² Y suf al-Qaradaw , *Thaqāfah al-Da' yah* (Beirut: 1978), 8.

kerana memerlukan wang untuk membiayai pelbagai kos.⁹³

Maju atau mundur sesuatu organisasi pentadbiran masjid adalah bergantung pada sumber kewangan. Organisasi pentadbiran masjid yang kekurangan sumber kewangan akan menghadapi masalah bagi melaksanakan sesuatu aktiviti dakwah di masjid. Pelbagai aktiviti yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Apatah lagi jika dilaksanakan dengan menggunakan saluran media berpengaruh seperti media cetak dan media elektronik. Lazimnya aktiviti tidak dapat dilaksanakan atau pun tertangguh kerana melibatkan kos yang tinggi.⁹⁴

Menurut Wan Mohammad Abdul Aziz, tidak dinafikan bahawa masalah kewangan sering menjadi penghalang kepada aktiviti memajukan dan mengimarahkan masjid. Jawatankuasa masjid perlu mengubah pendekatan iaitu jangan terlalu bergantung pada pemberian atau derma orang ramai sahaja. Dalam hal ini, pihak berkuasa agama negeri perlu lebih fleksibel untuk memberi peluang jawatankuasa masjid menjalankan aktiviti yang dapat menjana pendapatan untuk masjid dengan panduan dan bimbingan Jabatan Agama Islam Negeri. Sebagai contoh, pembelian aset hartanah atau rumah kedai untuk disewa kepada orang ramai bagi menjana ekonomi masjid.⁹⁵

⁹³ Ab. Aziz Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islāmiah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Cet. ke3, 1997), 104.

⁹⁴ *Ibid.*, 140.

⁹⁵ Dato' Wan Mohammad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, *Pendekatan Baru Dalam Pengimarahkan Masjid* (Kertas seminar ini dibentangkan dalam seminar Imam-Imam Masjid Seluruh Negara di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 15 April 2008), 5.

2.7.5. Penyelarasan Organisasi dan Ancaman Pihak Musuh Islam

Fath Yakān menyebut masalah wujud apabila tiada penyelarasan antara satu pihak dengan pihak lain secara terancang lagi sistematik, masing-masing ejen perubahan masyarakat membawa haluan sendiri. Hal ini menyebabkan strategi pengimarahannya jangka panjang tidak dapat disusun dengan baik. Kemahiran, kepimpinan, pengalaman dalam organisasi, tidak dapat digembelngkan secara bersama. Fenomena ini merugikan masa depan Islam itu sendiri.⁹⁶

Pengaruh materialisme terutamanya wang merupakan masalah yang boleh dikaitkan dengan sikap ahli jemaah masjid itu sendiri. Boleh dikatakan bahawa ia berlaku di negara umat Islam yang mempunyai tahap ekonomi baik. Pengaruh ini disemai oleh musuh-musuh Islam sejak sekian lama dan sukar diatasi kerana meresap jauh ke dalam jiwa umat Islam dari satu generasi ke generasi seterusnya. Jika fahaman ini berlanjutan, ia menjadi suatu halangan dalaman ahli jemaah masjid itu sendiri.⁹⁷

Manakala menurut Muhammad al-Bah orang orientalis sentiasa berusaha merosakkan pegangan akidah umat Islam secara terancang melalui berbagai-bagai kaedah. Misalnya melalui hiburan, sukan, makanan, wanita dan budaya melampau seperti berpakaian cara Barat yang diserapkan kepada para remaja.⁹⁸

⁹⁶ Fath Yakān, *Musykilāt al-Da'wah Wa al-Dā'iyah* (Beirut: al-Risalah, 1974), 12.

⁹⁷ Nasohā Sa'ab n, *Memartabatkan Masjid* (Utusan Publication, Kuala Lumpur: 2001), 2.

⁹⁸ Muhammad al-Bah, *al-Fikr al-Islam y al-Had th Wa Silatuhā bil-Isti'mār al-Gharb* (T. P, Kaherah: 1975), 37-38.

2.8. Kesimpulan

Pihak pengurusan aktiviti dakwah yang ingin mendidik para jemaah hendaklah memberitahu kepada ahli-ahli kariah supaya mereka bersedia meluangkan masa untuk menghadiri aktiviti dakwah yang dilaksanakan di masjid Daerah Kerian, Perak. Selain belajar, mereka juga akan dibimbing mengenai hukum hakam agama supaya yang baik dilaksanakan dan haram dijauhi agar memberi kesan yang baik kepada masyarakat umum.

BAB TIGA

AKTIVITI DAKWAH DI MASJID DAERAH KERIAN

3.1. Pengenalan

Aktiviti dakwah di masjid adalah suatu amalan yang perlu dilaksanakan kerana aktiviti tersebut adalah nadi masjid selain daripada aktiviti solat berjemaah. Aktiviti ini juga merupakan salah satu usaha untuk mengimarahkan masjid dan tempat pertemuan ahli kariah. Aktiviti ini selalunya dilaksanakan oleh Pegawai dan AJK masjid tersebut dengan dipantau oleh Majlis Agama Islam Daerah di bawah unit Pegawai Penyelaras Masjid.

Pegawai dan AJK masjid menyusun dan mengatur aktiviti-aktiviti dakwah dalam bentuk mingguan, bulanan dan tahunan. Mereka juga akan menentukan guru-guru yang akan melaksanakan aktiviti tersebut iaitu guru takmir yang telah disediakan oleh Majlis Agama Islam Daerah.

3.2. Latar belakang Daerah Kerian

Dalam lingkungan tahun 1800, Pegawai Residen British yang bertugas di Parit Buntar pada ketika itu telah menghadiri perbincangan satu kes jenayah di Parit Buntar. Sewaktu pulang, beliau dan rombongannya telah menaiki kapal (wakang) menyusuri sungai untuk ke Pulau Pangkor. Dalam perjalanan tersebut, beliau telah menyebut "KIRIAN" (perkataan kiri) iaitu merujuk kepada tanah di sebelah kiri di bawah pemerintahan Sultan Perak.

Perkataan "KIRIAN" telah menjadi popular dan menjadi bahan ejekan orang ramai pada ketika itu. Akhirnya ketika pihak pemerintah ingin menamakan daerah ini, perkataan "KIRIAN" telah dipilih dan diubah kepada "KERIAN".

Daerah Kerian terletak di utara Negeri Perak yang mana daerah ini bersempadan dengan Negeri Pulau Pinang (Sempadan Daerah Seberang Perai Selatan) dan Negeri Kedah Daerah Bandar Baharu. Di sebelah Timur dan Selatan, daerah ini bersempadan dengan Daerah Larut Matang dan Selama dan di Barat daerah ini adalah Selat Melaka. Keunikan daerah ini ialah kerana terletak bersempadan dengan 3 buah negeri yang mana Sungai Kerian adalah garis sempadan ketiga-tiga negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perak. Hulu Sungai Kerian terletak di Selama, manakala Kuala Sungai Kerian terletak di Kampung Acheh, Daerah Seberang Perai Selatan.

Untuk sampai ke Daerah Kerian, pengunjung perlu mengambil keluar dari Plaza Tol Taiping Utara (untuk pergi ke Gunung Semanggol dan Kuala Selinsing) atau Plaza Tol Bandar Baharu (untuk pergi ke Bandar Parit Buntar atau Bagan Serai).

Muka Bumi Daerah Kerian: Daerah Kerian berhampiran dengan Selat Melaka. Daerah ini mempunyai pantai sepanjang kira-kira 32 km. Keluasan daerah ini lebih kurang 918.83 km persegi. Pada keseluruhannya, keadaan tanah dalam daerah ini adalah rata dan bergambut di kawasan berhampiran pantai. Ketinggian kawasan ini kurang dari 50 meter dari aras laut.

Sementara kawasan berbukit-bukit di mukim Gunung Semanggol dan Beriah. Ketinggian Gunung Semanggol lebih kurang 150 m dari atas laut. Terdapat 2 sungai penting dalam daerah ini iaitu Sungai Kerian dan Sungai Kurau. Sungai Kurau, Kuala Kurau, Tanjung Piandang, Bagan Tiang dan Kampung Gula asalnya kawasan paya. Tetapi kini telah ditebus guna untuk penanaman padi dan kawasan penempatan.

Pentadbiran Daerah Kerian: Daerah Kerian terbahagi kepada 8 buah mukim iaitu Mukim Parit Buntar, Tanjung Piandang, Bagan Tiang, Kuala Kurau, Bagan Serai, Beriah, Gunung Semanggol dan Selinsing, tetapi ianya terletak di bawah tujuh (7) pentadbiran Penghulu Mukim dan 90 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang diamanahkan dan bertanggungjawab untuk mentadbir 246 unit kampung. Pusat pentadbiran daerah ini terletak di Parit Buntar. Bandar-bandar utama lain ialah Bandar Bagan Serai, Pekan Gunung Semanggol dan Pekan Kuala Kurau.

Ekonomi Daerah Kerian: Daerah ini dikenali sebagai Jelapang Padi Negeri Perak kerana terdapat kawasan-kawasan penanaman padi yang luas. Skim pengairan telah dibina di kawasan ini bagi tebus guna tanah. Terusan atau tali air dibina bagi memudahkan kawalan air masuk dan keluar dari sawah. Beberapa bahagian mengalami masalah banjir pada musim-musim tertentu. Selain itu ramai penduduk bekerja sebagai nelayan terutama di Sungai Acheh, Bagan Tiang, Tanjung Piandang dan Kuala Kurau.

Penduduk Daerah Kerian: Kepadatan penduduk Daerah Kerian dan kawasan yang menjadi tumpuan ialah Parit Buntar, Bagan Serai, Kuala Kurau dan Tanjung Piandang. Mukim Selinsing merupakan kawasan yang paling kurang penduduk. Purata kadar pertumbuhan penduduk Daerah Kerian ialah 1.4 setahun. Daerah ini terkenal dengan penempatan masyarakat Melayu berketurunan Banjar di sekitar Bagan Serai, Gunung Semanggol dan Alor Pongsu yang mempunyai keunikan budaya dan amalan hidup.⁹⁹

Keluasan Daerah Kerian mengikut mukim seperti berikut:

Mukim Parit Buntar 12,160 ekar 4,921 hektar, Mukim Tanjung Piandang 8,960 ekar 3,626 hektar, Mukim Bagan Tiang mempunyai keluasan 7,680 ekar 3,108 hektar, Mukim Kuala Kurau 35,840 ekar 14,504 hektar, Mukim Bagan Serai mempunyai keluasan 35,200 ekar 14,245 hektar, Mukim Beriah mempunyai keluasan 37,120 ekar 15,022 hektar, Mukim Gunung Semanggol 41,600 ekar 16,835 hektar dan Mukim Selinsing 58,240 ekar 23,569 hektar.

Statistik Penduduk Daerah Kerian mengikut mukim seperti berikut:

Mukim Parit Buntar mempunyai penduduk seramai 35605 orang, Mukim Tanjung Piandang seramai 21215 orang, Mukim Bagan Tiang seramai 14231 orang, Mukim Kuala Kurau seramai 29900 orang, Mukim Bagan Serai seramai 29755 orang, Mukim Beriah seramai 10164 orang, Mukim Gunung Semanggol seramai 14777 orang dan Mukim Selinsing seramai 7426 orang.

⁹⁹ Portal Rasmi Majlis Daerah Kerian, dicapai 11 Mac 2012, <http://www.mdkerian.gov.my>.

3.3. Latar belakang Negeri Perak

Negeri Perak adalah merupakan sebuah negeri yang penuh dengan peluang, permai dan indah. Bersempadan dengan beberapa buah negeri yang lain, Negeri Perak menawarkan pelbagai keistimewaan sama ada dari segi ekonomi, pelancongan, infrastruktur dan sebagainya. Negeri Perak atau juga dikenali sebagai *Perak Darul Ridzuan* merupakan negeri yang kedua terbesar di Semenanjung Malaysia (selepas Pahang), dengan berkeluasan 21,000km persegi. Ia merupakan salah satu daripada negeri yang membentuk Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia).

Negeri Perak meliputi kawasan 6.4% daripada jumlah keluasan Malaysia. Perak mengalami cuaca panas dan lembap sepanjang tahun dan kadar suhu di antara 23.7 darjah ke 33.2 darjah Celsius, serta kelembapan melebihi 82.3% serta hujan pada kadar 3,218.00mm setahun. Bukit Larut merupakan tempat yang paling lembap di Malaysia dengan lebih kurang 5080 mm. Hampir separuh keluasan Perak diliputi dengan hutan iaitu seluas 10,713 km persegi di mana 95.6% ialah Hutan Hujan Khatulistiwa dan selebihnya iaitu 4.4% adalah Hutan Paya Bakau.

Negeri Perak juga dikenali sebagai Bumi Bertuah, dikurniakan dengan pelbagai anugerah Tuhan dan tempat-tempat menarik untuk dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Perak terbahagi kepada 10 daerah iaitu Batang Padang, Kinta, Kuala Kangsar, Larut Matang dan Selama, Kerian, Manjung, Hilir Perak, Perak Tengah dan Hulu Perak. Bandar-bandar utama di Perak adalah termasuk Ipoh, Kuala

Kangsar, Taiping, Batu Gajah, Teluk Intan dan Kampar. Sultan Negeri Perak merupakan Ketua Perlembagaan Negeri. Di bawah perlembagaan negeri, kuasa perundangan dipunyai oleh Dewan Undangan. Dewan ini melantik ahli Dewan untuk membentuk Majlis Mesyuarat Kerajaan EXCO yang diketuai oleh Menteri Besar memegang kuasa eksekutif dan merupakan badan yang membuat dasar kerajaan negeri. Menteri Besar yang dilantik oleh Sultan adalah daripada parti politik yang telah memenangi kerusi yang terbanyak di dalam Dewan Undangan.¹⁰⁰

3.4. Sejarah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak

Negeri Perak merupakan salah sebuah Negeri-negeri Melayu Bersekutu ("Federated Malay States") yang ditubuhkan menerusi Perjanjian Bersekutu ("Treaty of Federation") pada 1 Julai 1896. Pada ketika itu, Majlis Raja-raja Melayu bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan) telah ditubuhkan untuk membincangkan hal ehwal dan kepentingan bersama di antara Raja-raja Melayu dengan Pemerintahan British.

Negeri Perak menjadi tuan rumah kepada mesyuarat pertama Majlis Raja-raja Melayu bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu atau lebih dikenali sebagai Mesyuarat Durbar, yang telah diadakan pada 13 hingga 17 Julai 1897 bertempat di Istana Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak.

¹⁰⁰ Portal Rasmi Negeri Perak, dicapai 20 Mac 2012, <http://www.perak.gov.my>.

Sebagaimana yang telah dipersetujui dengan pihak British, bermula daripada Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874, hinggalah kepada penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, suatu ketetapan telah disepakati secara bersama, bahawa segala perkara berhubung hal ehwal Agama Islam ("Islamic Affair") dan Adat Melayu ("Malay Custom") hendaklah berada di bawah bidang kuasa Raja Melayu. Justeru, Ketua Agama Islam dan Adat Melayu yang berkuasa penuh di Negeri Perak pada zaman itu, ialah Duli Yang Maha Sultan. Amalan ini dikekalkan hingga ke hari ini.

Dari sudut sejarah, undang-undang tertua berhubung hal ehwal agama Islam yang telah dikuatkuasakan di Negeri Perak ialah Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan ("Ninety nine Laws of Perak") yang telah diamalkan sehingga ke tahun 1900. Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan dengan tepat tarikh permulaan kuat kuasa undang-undang tersebut. Adalah dipercayai, undang-undang itu telah mula dilaksanakan semenjak pemerintahan Al-Marhum Sultan Idris Mursyidul A'azam Shah ibni Al-Marhum Raja Bendahara Alang Iskandar (1887 hingga 1916).

Kemudiannya, pada tahun 1900, satu undang-undang yang dinamakan Undang-undang Pentadbiran Perkahwinan Orang-orang Islam Bab 197 Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan. Berikutan itu, sebuah bangunan telah didirikan di kawasan Pejabat Kadi Wilayah Kuala Kangsar untuk dijadikan sebuah ibu pejabat pentadbiran Islam yang dinamakan sebagai Balai Syarak. Seorang Kadi Besar telah dilantik bagi mengetuai Kadi-kadi Wilayah dan

ditempatkan di sini. Pada ketika itu wilayah-wilayah kadi yang dikuatkuasakan ialah Kuala Kangsar, Taiping, Simpang Lima, Selama, Lenggong, Ipoh, Batu Gajah, Parit, Setiawan, Teluk Intan, Tapah dan Tanjung Malim. Kadi Besar pertama yang dilantik ialah Tuan Habib Abdullah.

Dalam tahun 1917, Komiti Qur'an Perak pula telah ditubuhkan bertujuan untuk mengawal dan memantau pengendalian pengajaran agama Islam di Negeri Perak. Pengerusi pertama yang dilantik ialah Sultan Iskandar Shah Ibni Al-Marhum Sultan Idris Rahmatullah Shah (1918-1938), yang merupakan Raja Bendahara Perak pada ketika itu. Komiti Qur'an Perak ini juga, turut bertindak sebagai Komiti Syariah Negeri Perak, yang bertanggungjawab dalam segala hal berkaitan dengan pentadbiran agama Islam secara umum pada masa itu termasuklah mengeluarkan kebenaran bagi penerbitan buku-buku agama, pentauliahan mengajar dan sebagainya.

Menjelang pertengahan tahun 1947, ketika tanah air bergolak hebat dengan perjuangan menentang *Malayan Union* (ditubuhkan 1 April 1946), beberapa pergerakan, pertubuhan dan persatuan telah muncul memperjuangkan semangat nasionalisme bangsa menentang penjajahan British. Antara persatuan yang begitu lantang bersuara di Negeri Perak pada ketika itu ialah Persatuan Melayu Perak. Atas inisiatif persatuan inilah maka, satu perjumpaan para alim Ulama telah diadakan pada 10 Ogos 1947 bertempat di Madrasah Iskandariyah Kuala Kangsar. Pada pertemuan itu, Dato' Seri Ali Zaini bin Haji Muhamad Zain, bekas *Speaker*

Dewan Undangan Negeri Perak, telah mencetuskan idea yang bernas bagi menubuhkan sebuah pusat agama secara rasmi untuk mentadbir hal ehwal agama Islam di Negeri Perak.

Tanggal 21 Januari 1948, merupakan suatu detik bersejarah yang amat bermakna bagi Negeri Perak apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Aziz Al-Mu'tasim Billah Shah Ibni Al-Marhum Raja Muda Musa (1938-1948) menandatangani suatu perjanjian dengan Sir Gerard Edward James Gent (Pesuruhjaya Tinggi British/Gabenor-Jeneral Malayan Union) yang mewakili Kerajaan British. Perjanjian yang dinamakan sebagai Perjanjian Negeri Perak 1948 tersebut, telah membawa kepada pembentukan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak. Bahagian Pertama Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak tersebut telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 1948 di bawah pemerintahan baginda sultan.

Dengan berkuat kuasa Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri itu, hasrat untuk menubuhkan sebuah pusat pentadbiran agama Islam di Negeri Perak akhirnya dapat direalisasikan. Kuasa untuk menubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak dinyatakan secara jelas di bawah Fasal VI.(1) Bahagian Pertama Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak iaitu:

"Kepala Ugama negeri ini ialah Yang Maha Mulia, dan Yang Maha Mulia akan memerintah supaya diadakan Undang-undang untuk mengaturkan perkara-perkara ugama dan menubuhkan sebuah Majlis Ugama Islam dan adat Melayu

bagi menolong dan menasihatkan Yang Maha Mulia berkenaan dengan perkara-perkara yang bersabit dengan Ugama Negeri ini dan adat Melayu."

Setelah kemangkatan baginda Sultan Abdul Aziz Al-Mu'tasim Billah Shah pada 29 Mac 1948, takhta kerajaan Negeri Perak diwarisi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Yussuf Izzudin Shah Ghafarullah Ibni Al-Marhum Sultan Abdul Jalil Nasiruddin Al-Mukhtaram Karamatullah Shah (1948-1963). Kerajaan Negeri pada ketika itu dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak, Orang Kaya-kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja, Dato' Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz (1948-1957).

Pada masa pemerintahan baginda Sultan Yussuf Izzudin Shah inilah, maka Kerajaan Negeri secara rasmi menubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak pada 1 Muharam 1369 Hijrah bersamaan 23 Oktober 1949. Undang-undang khusus berhubung pentadbiran agama Islam dan adat Melayu di negeri ini telah diluluskan secara rasmi pada 1 Mei 1952.

Dengan penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, pentadbiran Balai Syarak dan Komiti Qur'an Perak yang berada di Kuala Kangsar, telah disatukan di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak dan dipindahkan ke Ipoh. Manakala, pentadbiran Balai Syarak yang sedia ada telah diserapkan di bawah pentadbiran Pejabat Kadi Kuala Kangsar. Pejabat rasmi Majlis Agama

Islam dan Adat Melayu Perak yang pertama telah ditempatkan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Bagi memperkemaskan lagi pentadbiran agama Islam dan adat Melayu di Negeri Perak, undang-undang yang berkaitan dengannya telah disemak, dipinda dan digubal beberapa kali. Pada tahun 1965, sebuah undang-undang yang dinamakan sebagai Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam 1965 (Enakmen Bil. 11 Tahun 1965) telah dikuatkuasakan bagi menggantikan undang-undang tahun 1952. Kemudian, pada 13 Januari 1993, Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam 1965 tersebut telah digantikan pula dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 (Enakmen Bil. Tahun 1992).

Di bawah Enakmen Bil. 2 Tahun 1992 tersebut, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu telah diperbadankan secara rasmi sebagai sebuah badan berkanun kerajaan. Bagi tujuan keseragaman dengan negeri-negeri lain seluruh Malaysia, Enakmen Pentadbiran Agama 1992 tersebut, akhirnya digantikan pula dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Enakmen Bil. 4 Tahun 2004). Enakmen Bil. 4 Tahun 2004 tersebut telah dikuatkuasakan pada 15 September 2004 dan masih kekal berkuat kuasa sehingga kini. Entiti Majlis Agama Islam dan Adat Melayu juga masih dikekalkan sebagai badan berkanun kerajaan.¹⁰¹

¹⁰¹ Portal Rasmi Majlis Agama Islam Perak, dicapai 3 April 2012, <http://www.maiamp.gov.my>.

3.5. Sejarah Jabatan Agama Islam Perak

Pada 10 Ogos 1947, satu perjumpaan alim Ulama dari seluruh negeri Perak telah diadakan di Kuala Kangsar. Perjumpaan tersebut telah menghasilkan satu resolusi mengenai kepentingan penubuhan sebuah Majlis Agama Islam di Perak khususnya dan seluruh Semenanjung Tanah Melayu amnya. Semenjak itu, organisasi Pentadbiran Agama Islam mula diwujudkan dan dikenali sebagai Balai Syarak yang berpusat di Kuala Kangsar.

Susulan daripada perjumpaan tersebut, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perak ditubuhkan pada 2 Ogos 1949. Peranan jabatan ini pada masa itu adalah untuk memberi bimbingan dan pendidikan berkaitan agama Islam kepada masyarakat. Seterusnya diikuti dengan penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak pada 23 Oktober 1949 yang bertujuan untuk menasihati dan membantu Sultan dalam hal-hal yang berkaitan dengan Agama Islam dan Adat Melayu sebagaimana yang terkandung di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri. Undang-undang Majlis ini telah diluluskan pada 1 Mei 1952.

Mengikut Enakmen Undang-undang di bawah Seksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004, suatu perbadanan bernama “Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak” ditubuhkan (sebelum ini ditubuhkan di bawah Seksyen 5 Undang-undang Pentadbiran Ugama 1965) dan menjadi suatu badan yang kekal turun temurun.¹⁰²

¹⁰² Portal Rasmi Jabatan Agama Islam Perak, dicapai 16 April 2012, <http://jaipk.perak.gov.my>.

3.5.1. Sejarah Bahagian Pengurusan Masjid

Sejarah penubuhan Bahagian Pengurusan Masjid adalah berasal daripada salah sebuah unit di dalam Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Perak Darul Ridzuan, mulai tahun 1986 iaitu selepas penyusunan semula carta organisasi Jabatan Hal Ehwal Agama Perak.

Pada keseluruhannya Unit ini bertanggungjawab kepada Jabatan Agama Islam Perak secara khusus mengenai masjid dan surau dalam Negeri Perak dari sudut pentadbiran, pengurusan dan membantu usaha-usaha pembangunan. Sebelum unit ini diwujudkan, pentadbiran dan pengurusan masjid adalah di bawah Bahagian Wakaf dan Masjid Jabatan Hal Ehwal Uagama Perak.

Pada Mei 2000 Unit Kariah telah dipindahkan ke Masjid Sultan Idris Shah 11 (Masjid Negeri), Ipoh dan dinaiktarafkan menjadi Bahagian Pengurusan Masjid. Walau bagaimanapun Bahagian ini hanyalah diwujudkan atas dasar Pentadbiran Jabatan Agama Islam Perak sahaja dan kini sedang menunggu kelulusan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Penubuhan dan kewujudan Bahagian Pengurusan Masjid ini adalah selaras dengan kehendak Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 Bahagian VI (Masjid dan Tempat Ibadah). Pada masa ini terdapat sebanyak 580 buah masjid dan hampir 2000 buah surau dalam Negeri Perak yang didaftarkan dalam pentadbiran.

Objektif Bahagian Pengurusan Masjid ialah Mengembalikan fungsi dan peranan masjid sebagaimana yang dikehendaki oleh Syarak.

1. Menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan umat Islam, pusat penyebaran ilmu dan pemangkin kepada kemajuan umat Islam di dunia dan di akhirat.
2. Merealisasikan umat Islam sebagai umat yang terbaik.

Fungsi Bahagian Pengurusan Masjid adalah seperti berikut:

Menguruskan lantikan dan pentauliahan pegawai masjid, menyelia dan mengawal perjalanan masjid dan surau, menguruskan program dan latihan kepada Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid, menguruskan Sekolah Tadika, Kelas KAFA dan kelas agama di Masjid Negeri, menguruskan kelas pengajian Takmir di masjid dan surau dan menguruskan hal ehwal pentadbiran dan pengimaran masjid daerah.

Masjid yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan seperti berikut:

Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri) Ipoh Perak, Masjid Diraja Ubudiah Bukit Chandan Kuala Kangsar Perak dan Masjid Sultan Azlan Shah Jalan Dairy Ipoh Perak. Kesemua Masjid ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan dan dibekalkan dengan Pegawai Masjid tetap daripada kakitangan Kerajaan.

Senarai Masjid Daerah seperti berikut:

Daerah Hilir Perak- Masjid Sultan Idris Shah II Teluk Intan, Daerah Kuala Kangsar- Masjid Ridzuaniah Kuala Kangsar, Daerah Taiping- Masjid Daerah

Taiping, Daerah Manjung- Masjid Nurul Hidayah Manjung, Daerah Kerian- Masjid Daerah Kerian, Daerah Perak Tengah- Masjid Radziatul Mardziah Pekan Parit, Daerah Hulu Perak- Masjid Jamek Gerik, Daerah Kinta- Masjid Daerah Kinta Batu Gajah dan Daerah Batang Padang- Masjid Jamek Tapah. Semua Masjid Daerah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan disediakan seorang Imam, seorang Bilal dan seorang Siak dari kalangan kakitangan tetap Kerajaan.

Senarai Masjid Daerah Kecil seperti berikut:

Daerah Pengkalan Hulu- Masjid Iskandari Pengkalan Hulu, Daerah Lenggong- Masjid Jamek Lenggong, Daerah Sungai Siput- Masjid Ghufraniah Sungai Siput, Daerah Selama- Masjid Rushdiah Pekan Selama, Daerah Bagan Serai- Masjid Jamek Bagan Serai, Daerah Kampong Gajah- Masjid Sultan Azlan Shah Kampung Gajah, Daerah Kampar- Masjid an Nur Kampar, Daerah Slim River- Masjid Sultan Idris Shah II Slim River dan Daerah Ipoh- Masjid Raja Nazrin Shah Rapat Jaya Tambahan. Semua Masjid Daerah Kecil dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah dan akan disediakan Pegawai Masjid seperti Masjid-masjid Daerah. Bilangan Masjid Kariah selain daripada kategori di atas terdapat sebanyak 550 buah Masjid Kariah di seluruh Negeri Perak.

Jawatankuasa Kariah Dalam Negeri Perak hendaklah setiap kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat mempunyai lima belas (15) orang jawatankuasa yang dilantik mengikut Kaedah Jawatankuasa Kariah 1998 yang terdiri daripada: Pengerusi- 1 orang, Timbalan Pengerusi- 1 orang, Setiausaha- 1 orang, Penolong Setiausaha- 1

orang, Bendahari- 1 orang dan Jawatankuasa- 10 orang. Selain daripada Jawatankuasa masjid terdapat Pegawai-pegawai Masjid dengan purata 4 orang Imam, 4 orang Bilal dan 2 orang Siak di setiap buah masjid. Senarai Undang-undang dan Peraturan seperti berikut:

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992.
2. Kaedah Jawatankuasa Kariah 1998.
3. Kaedah Pegawai-Pegawai Masjid 1998.

Senarai Tugas Bahagian Pengurusan Masjid seperti berikut:

1. Mentadbir dan menguruskan pentadbiran masjid-masjid seluruh Negeri Perak terutamanya Masjid Sultan Idris Shah 11 (Masjid Negeri) dan Maahad Tahfiz al-Qur'an.
2. Mentadbir dan melibatkan diri dalam kegiatan ibadat di masjid-masjid seluruh Negeri Perak terutamanya Masjid Sultan Idris Shah 11 (Masjid Negeri).
3. Menjadi urusetia Hari-hari Kebesaran Islam dan upacara rasmi Jabatan Peringkat Negeri Perak.
4. Menguruskan Perlantikan dan perlucutan jawatan Pegawai-pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau.
5. Membuat kajian dan laporan mengenai masjid dan surau bagi keperluan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak serta Jawatankuasa lain seperti Jawatankuasa Syariah dan Jawatankuasa Baitulmal.

6. Merancang Kursus Peningkatan Kualiti kepada Jawatankuasa Masjid dan Pegawai-pegawai Masjid seluruh Negeri Perak.
7. Menjaga kebajikan warga masjid dan surau seperti Bantuan Haji Percuma dan Sagu hati Haji kepada Pegawai Masjid, Pemilihan Masjid dan Tanah Perkuburan Terbaik dan Sagu hati Tahunan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid.
8. Menyediakan Anggaran Belanjawan Tahunan Bahagian Pengurusan Masjid.
9. Mengendalikan urusan penentuan arah kiblat masjid dan surau.¹⁰³

3.5.2. Fungsi dan Peranan Pejabat Pentadbiran Agama Daerah

Melaksanakan fungsi dan peranan Jabatan Agama Islam Negeri Perak di peringkat daerah yang bertanggungjawab dalam pengurusan agama Islam negeri Perak dan pelaksana kepada dasar yang diputuskan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak iaitu:

1. Perlaksanaan program dakwah dan pengurusan pendidikan Islam: Memberi pendidikan kepada masyarakat supaya berpegang teguh kepada ajaran agama Islam melalui program-program dakwah di samping menyeru masyarakat ke arah perpaduan.
2. Pengurusan nikah, cerai dan rujuk serta pembangunan keluarga Islam: Mengukuhkan peranan institusi kekeluargaan Islam melalui bimbingan sebelum perkahwinan dan memastikan sesebuah keluarga dibina mengikut syariah.

¹⁰³ Portal Rasmi Majlis Agama Islam Perak, dicapai 3 April 2012, <http://www.maiamp.gov.my>.

3. Pengurusan dan pengimarahkan masjid dan surau: Memastikan segala urusan pentadbiran masjid dan surau di negeri Perak berjalan dengan baik di samping melaksanakan program-program yang dapat memupuk kecintaan masyarakat untuk mengimarahkan masjid dan surau.
4. Penyelidikan dan kajian akidah dan syariah: Membuat kajian berkaitan isu-isu semasa dalam bidang akidah dan syariah dan memaklumkan hasil kajian kepada masyarakat sebagai usaha membendung penularan pengamalan ajaran-ajaran yang bertentangan dengan syariah Islam.
5. Penguatkuasaan undang-undang syariah dan pendakwaan: Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang syariah yang berkuat kuasa di Negeri Perak. Ianya bukanlah sekadar berbentuk hukuman tetapi juga memberi penerangan dan pemahaman kepada semua masyarakat berkaitan agama Islam.¹⁰⁴

3.6. Masjid dan Surau Mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak menjadi pemegang amanah tunggal bagi masjid dan tanah yang berkaitan dengannya

85. (1) Walau apa pun peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana surat cara bertulis, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah bagi semua masjid di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.

¹⁰⁴ Portal Rasmi Jabatan Agama Islam Perak, dicapai 16 April 2012, <http://jaipk.perak.gov.my>.

(2) Tiap-tiap masjid, bersama-sama dengan tapak masjid itu dan mana-mana tanah yang berhubungan dengan dan digunakan bagi maksud-maksud masjid itu, selain tanah Kerajaan atau tanah yang di rizab bagi maksud awam, hendaklah sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah dan tanpa apa-apa pemindahan, penyerahan hak milik, terletak hak pada Majlis bagi maksud-maksud Enakmen ini.

Sekatan tentang penubuhan masjid dan penalti seperti berikut:

86. (1) Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis, mendirikan apa-apa bangunan untuk digunakan atau menggunakan atau menyebabkan digunakan mana-mana bangunan bagi maksud-maksud yang hanya boleh dilakukan di atau oleh masjid.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Penubuhan Masjid seperti berikut:

87. (1) Majlis boleh pada bila-bila masa

(a) Membenarkan sesuatu bangunan didirikan untuk digunakan sebagai masjid.

(b) Membenarkan penggunaan mana-mana bangunan sebagai masjid.

(c) Menetapkan mana-mana surau, madrasah atau bangunan lain menjadi masjid.

(2) Majlis tidak boleh memberikan kebenarannya atau membuat penetapan di bawah subseksyen (1) melainkan jika tapak bangunan yang hendak digunakan sebagai masjid itu telah dijadikan wakaf yang berkekalan.

(3) Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam warta, menentukan atau mengubah sempadan mana-mana kariah masjid.

Penyelenggaraan masjid dan kawasannya seperti berikut:

88. (1) Majlis hendaklah memastikan bahawa semua masjid di dalam negeri Perak Darul Ridzuan berada dalam keadaan baik yang sepatutnya dan bahawa kawasan-kawasannya diselenggarakan dalam keadaan bersih yang sepatutnya.

(2) Majlis boleh mendapatkan dan menggunakan atau membenarkan penggunaan, wang khas bagi maksud apa-apa pembaikan dan penyelenggaraan itu daripada Baitulmal.

(3) Imam hendaklah dengan segera memberitahu Majlis tentang apa-apa keadaan yang memerlukan pembaikan dalam masjidnya dan hendaklah memeriksa atau mengawal selia mana-mana pembaikan itu sebagai ejen untuk dan bagi pihak Majlis.

(4) Tiada perubahan yang material kepada struktur masjid boleh dibuat tanpa kebenaran daripada Majlis.

(5) Majlis boleh mengarahkan sesuatu Jawatankuasa Kariah supaya menyenggarakan masjid yang di bawah tanggungjawabnya dalam keadaan baik yang sepatutnya.

Perlantikan Pegawai Masjid seperti berikut:

89. (1) Bagi tiap-tiap masjid di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan hendaklah dilantik seorang atau beberapa orang Imam, Bilal dan Pembantu Bilal.

(2) Bagi tiap-tiap masjid yang ditetapkan oleh Duli yang Maha Mulia Sultan selepas berunding dengan Majlis, Imam dan Bilal hendaklah dilantik daripada kalangan perkhidmatan awam Negeri Perak Darul Ridzuan.

(3) Bagi tiap-tiap masjid yang tidak ditetapkan di bawah subseksyen (2), Majlis hendaklah melantik Imam dan Bilal daripada kalangan ahli kariah bagi masjid itu.

(4) Pembantu Bilal bagi sesuatu masjid hendaklah dilantik daripada kalangan ahli kariah bagi masjid itu.

(5) Apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, tiap-tiap orang yang sebaik sebelum seksyen ini berkuat kuasa ialah Imam, Bilal atau Pembantu Bilal bagi masjid yang ditetapkan di bawah Enakmen terdahulu hendaklah masing-masing disifatkan telah dilantik dengan sewajarnya di bawah seksyen ini sebagai Imam, Bilal dan Pembantu Bilal bagi masjid itu dan hendaklah, tertakluk kepada seksyen 91, terus memegang jawatan sebagai Imam, Bilal atau Pembantu Bilal masjid itu.

Tauliah Pegawai Masjid seperti berikut:

90. (1) Tiap-tiap orang yang dilantik oleh Majlis menjadi Pegawai Masjid, termasuk tiap-tiap orang yang disifatkan telah dilantik sedemikian di bawah subseksyen 89(5), hendaklah diberikan tauliah oleh Majlis.

(2) Tiap-tiap Pegawai Masjid hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan kewajiban-kewajipan yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini dan dalam tauliahnya.

Tempoh jawatan Pegawai Masjid seperti berikut:

91. (1) Perlantikan seseorang Pegawai Masjid selain Imam dan Bilal bagi masjid yang ditetapkan di bawah subseksyen 89(2) atau disifatkan telah dilantik di bawah subseksyen 89(5) sebagai Pegawai Masjid, boleh ditamatkan dengan notis bertulis oleh Majlis.

(2) Tiada seorang pun Pegawai Masjid yang dilantik atau disifatkan dilantik di bawah subseksyen 89(5) boleh terus memegang jawatan itu selepas mencapai umur 60 tahun: Dengan syarat bahawa Majlis boleh, jika difikirkannya sesuai, melantik mana-mana orang menjadi Pegawai Masjid walaupun orang itu telah mencapai 60 tahun atau melanjutkan tempoh perkhidmatan Pegawai Masjid yang telah mencapai umur 60 tahun.

(3) Setiausaha hendaklah memaklumkan kepada Majlis tentang kelakuan mana-mana Pegawai Masjid yang mencemarkan namanya, sama ada yang berhubungan dengan kewajiban-kewajipannya sebagai Pegawai Masjid atau selainnya dan membuat apa-apa syor yang munasabah.

Kawalan dan arahan atas Pegawai Masjid seperti berikut:

92. Dalam pelaksanaan kewajipan-kewajipan mereka, Imam, Bilal dan Pembantu Bilal adalah tertakluk kepada kawalan dan arahan Majlis.

Jawatankuasa Kariah seperti berikut:

93. (1) Majlis boleh, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan bagi

- (a) Penubuhan Jawatankuasa Kariah bagi sesuatu kariah masjid.
- (b) Menetapkan cara bagaimana anggota Jawatankuasa Kariah itu hendaklah dilantik.
- (c) Menetapkan fungsi-fungsi Jawatankuasa Kariah itu.

(2) Jawatankuasa Kariah sesuatu kariah masjid, bersama-sama dengan Pegawai Masjid, hendaklah

- (a) Bertanggungjawab bagi pengelolaan sempurna dan keadaan baik masjid dan semua tanah perkuburan Islam dalam kariah masjid itu.
- (b) Bertanggungjawab bagi kelakuan baik anak kariah masjid itu dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.
- (c) Memberikan maklumat wajar dan segera kepada Majlis tentang semua perkara yang berbangkit dalam kariah masjid itu yang memerlukan perhatian Majlis.

Pengecualian seperti berikut:

94. Majlis boleh, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam Warta, mengecualikan mana-mana masjid daripada semua atau mana-mana peruntukan Bahagian ini.¹⁰⁵

3.7. Masjid Daerah Kerian

Mukim Parit Buntar mempunyai 8 buah masjid seperti berikut:

Masjid Daerah Kerian 34200 Parit Buntar Perak, Masjid Jamek Pekan Titi Serong 34200 Parit Buntar Perak, Masjid Hijau Kampong Kedah 34200 Parit Buntar Perak, Masjid Jamek Simpang Lima 34200 Parit Buntar Perak, Masjid Batu 2 Jalan Sempadan Sungai Setar 34200 Parit Buntar Perak, Masjid Nurul Huda Parit Mat Alam Titi Serong 34200 Parit Buntar Perak, Masjid Jamek Tebuk Haji Musa Titi Serong 34200 Parit Buntar Perak dan Masjid Tuan Guru Haji Arshad Parit Tok Ngah Darat 34200 Parit Buntar Perak.

Mukim Kuala Kurau mempunyai 9 buah masjid seperti berikut:

Masjid al-Makmur Batu 7 Parit Tok Kip 34350 Kuala Kurau Perak, Masjid Ahmadiyah Parit Mat Ali 34350 Kuala Kurau Perak, Masjid An-Nur Batu 14 Jalan Pantai 34350 Kuala Kurau Perak, Masjid al-Taufiqiah Kuala Gula 34350 Kuala Kurau Perak, Masjid Muhajirin Nibung Hangus 34350 Kuala Kurau Perak, Masjid Jamek Kedai 2 Jalan Siakap 34350 Kuala Kurau Perak, Masjid Mahyuddin Batu 5 Jalan Baru 34350 Kuala Kurau Perak, Masjid Jamek Kuala

¹⁰⁵ Portal Rasmi Jabatan Agama Islam Perak, dicapai 16 April 2012, <http://jaipk.perak.gov.my>.

Kurau 34350 Parit Buntar Perak dan Masjid Batu Parit Haji Manan 34350 Kuala Kurau Perak.

Mukim Tanjung Piandang mempunyai 7 buah masjid seperti berikut:

Masjid Jamek Tanjung Piandang 34250 Tanjung Piandang Perak, Masjid Sungai Labu Atas 34250 Tanjung Piandang Perak, Masjid al-Amin Sungai Burung 34250 Tanjung Piandang Perak, Masjid Batu al-Hidayah 34250 Tanjung Piandang Perak, Masjid Jamek Parit Tok Hin 34250 Tanjung Piandang Perak, Masjid al-Shafiq Sungai Baru 34250 Tanjung Piandang Perak dan Masjid al-Mubarak Telok Pial 34250 Tanjung Piandang Perak.

Mukim Bagan Tiang mempunyai 5 buah masjid seperti berikut:

Masjid Rahmaniah Tebok Jawa 34250 Tanjung Piandang Perak, Masjid al-Huda Sungai Kota 34250 Tanjung Piandang Perak, Masjid at-Takwa Bagan Tiang 34250 Tanjung Piandang Perak, Masjid Parit Pok Ngah 34250 Tanjung Piandang Perak dan Masjid Parit Haji Wahab 34250 Tanjung Piandang Perak.

Mukim Bagan Serai mempunyai 10 buah masjid seperti berikut:

Masjid Jamek Bagan Serai 34300 Bagan Serai Perak, Masjid Jamek Matang Gerdu 34300 Bagan Serai Perak, Masjid Jamek Sungai Dungun 34300 Bagan Serai Perak, Masjid Jamek Sungai Bogak 34300 Bagan Serai Perak, Masjid Parit Air Hitam 34300 Bagan Serai Perak, Masjid Jamek Parit Jawa Sungai Bogak 34300 Bagan Serai Perak, Masjid as-Syuhudiah Sungai Semambu 34300 Bagan

Serai Perak, Masjid Rahmaniah Matang Jelutung 34300 Bagan Serai Perak, Masjid al-Ridhwan Telok Medan 34300 Bagan Serai Perak dan Masjid al-Athar Masjid Tinggi 34300 Bagan Serai Perak.

Mukim Beriah mempunyai 6 masjid seperti berikut:

Masjid Jamek Ar-Ridzuan Alor Pongsu 34300 Bagan Serai Perak, Masjid Matang Pasir Alor Pongsu 34300 Bagan Serai Perak, Masjid Batu 38 Jalan Keretapi Alor Pongsu 34300 Bagan Serai Perak, Masjid Jamek Changkat Lobak 34300 Bagan Serai Perak, Masjid Parit Haji Taib 34300 Bagan Serai Perak dan Masjid Bukit Merah 34300 Bagan Serai Perak.

Mukim Semaggol mempunyai 12 buah masjid seperti berikut:

Masjid Padang Lalang 34400 Semaggol Perak, Masjid Ridzuan Kampung Selamat 34400 Semaggol Perak, Masjid Jamek Tebuk Pancur 34400 Semaggol Perak, Masjid Jamek Kampung Dew 34400 Semaggol Perak, Masjid Kubu Gajah 34400 Semaggol Perak, Masjid Jamek Mat Bin Pondok 34400 Taiping Perak, Masjid Kampung Tua 34400 Simpang 4 Semaggol Perak, Masjid al-Rahmaniah Bukit Putus 34400 Gunung Semaggol Perak, Masjid al-Huda Tebuk Matau 34400 Gunung Semaggol Perak, Masjid al-Ansar Kpt Balik Bukit Jalan Kerian 34020 Taiping Perak, Masjid an-Nur Kampung Bukit Semaggol 34400 Simpang 4 Semaggol Perak dan Masjid al-Abrar Parit 4 Alor Setanggok 34400 Simpang 4 Semaggol Perak.

Mukim Selinsing mempunyai 7 buah masjid seperti berikut:

Masjid Jamek Simpang 4 Selinsing 34400 Semanggol Perak, Masjid Tebuk Haji Dollah 34400 Selinsing Perak, Masjid an-Nur Kampung Sama Gagah 34400 Selinsing Perak, Masjid Nurul Jannah Sungai Protan 34400 Selinsing Perak, Masjid al-Ehsaniah Parit 3 Jalan Gula 34400 Simpang 4 Semaggol Perak, Masjid an-Najihah Sungai Kepar 34400 Simpang 4 Semaggol Perak dan Masjid al-Amin Kampung Selinsing 34400 Simpang 4 Semaggol Perak.¹⁰⁶

3.8. Guru Takmir di Masjid Daerah Kerian

Guru Takmir ialah guru yang dilantik oleh Majlis Agama Islam untuk mengajar di masjid dan akan diberikan ganjaran berbentuk wang. Terdapat seramai 36 orang guru Takmir di Daerah Kerian, Perak yang di bahagikan kepada dua daerah iaitu Daerah Parit Buntar dan Daerah Bagan Serai.

Guru Takmir di Daerah Parit Buntar seramai 18 orang seperti berikut:

Ustaz Mohamad Yunus bin Mokhtar, Ustaz Mohamad Zaki bin Mohd Akib, Ustaz Hamid bin Man, Ustaz Hashim bin Abidin, Ustaz Hasbullah bin Yusop, Ustaz Durani bin Abdul Rahman, Ustaz Haji Othman bin Haji Ahmad, Ustaz Haji Abu Bakar bin Osman, Ustaz Hashim bin Haji Walad, Ustaz Haji Mohd Japeri bin Haji Hassim, Ustaz Jamaludin bin Haji Termom, Ustaz Sulaiman bin Abd Rahim, Ustaz Rosman bin Saad, Ustaz Abdul Mokti bin Ayob, Ustazah Mardiah

¹⁰⁶ Haji Hamid bin Haji Ahmad (Pegawai Penyelaras Masjid, Daerah Parit Buntar), dalam temu bual dengan penulis, 7 Mei 2012.

binti Ahmad, Ustazah Azizah binti Awang, Ustazah Hajjah Hamidah binti Haji Sabri dan Ustazah Halijah binti Mohd Samsudin.

Guru Takmir di Daerah Bagan Serai seramai 18 orang seperti berikut:

Ustaz Mohamad Sabri bin Haji Sabran, Ustaz Khairol Salleh bin Abd Latif, Ustaz Ahmad bin Ijam, Ustaz Zal Batul Hamdi bin Ahmad, Ustaz Syfol Rizad bin Sutigali, Ustaz Ab. Halim bin Ab. Taib, Ustaz Mat Isa@Abu Bakar bin Samsuri, Ustaz Ismail bin Anang, Ustaz Zarkasi bin Mansor, Ustaz Yusop@Mat Kassim bin Bahari, Ustaz Jamharik bin Mohamad, Ustaz Samsuni bin Sahari, Ustaz Ahmad bin Achil, Ustaz Yazid bin Muhamad Rumbali, Ustaz Sukri bin Khaidir, Ustazah Jamilah binti Karim, Ustazah Normah binti Abd Sukor dan Ustazah Jaliaton binti Ahmad.¹⁰⁷

3.9. Bidang Ilmu dan Kitab di Masjid Daerah Kerian

Bidang ilmu yang diajar dan disampaikan oleh guru Takmir yang telah dilantik dan guru agama yang lain di masjid Daerah Kerian, Perak ialah ilmu tafsir, ilmu hadis, ilmu tauhid, ilmu fekah, ilmu tasawuf, ilmu sirah dan ilmu tajwid.

Di antara kitab yang digunakan dan diajarkan oleh guru Takmir dan guru agama di masjid Daerah Kerian, Perak seperti berikut: Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, At-Tahzib at-Thorofal Hadis, Al-Yawāqit Wal Jawāhir, Bahrul Māzīn, Dhakā'ir Ikhul Akhbār, Fath Hul Mu'inn, Kifāyatul Muhtad, Mustika Hadis, Penawar Bagi

¹⁰⁷ Haji Ahmad bin Napiah (Pegawai Penyelaras Masjid, Daerah Bagan Serai), dalam temu bual dengan penulis, 17 Mei 2012.

Hati, Muhimmah, Sirah Nabawiyah, Tafsir al-Munir, Fikh ad-Daulah, 40 Hadis Peristiwa Akhir Zaman, Hadis Matan Arba' n, Lā Tahzan, Riyādus Solih n, Zādul Mutaalim, Bidāyatul Hidāyah, Kifāyatul Muhtad n, Matla'al Badr n, Tafsir ar-Rahman, Tafsir Nurul Ehsān, Muniatul Musoll , 101 Kisah al-Qur'an dan Hadis, Risalah Penyuluh Jalan, Bimbingan Mukmin n, Minhājul 'Abid n, 'Ulum Hadis, Tafsir al-Qur'an, Fikh ad-Daulah dan Syrus Sālik n.¹⁰⁸

3.10. Tugas-tugas Jawatan Dalam Organisasi Masjid

Tugas-tugas pengerusi masjid ialah:

- a. Mengerusi mesyuarat Jawatankuasa Kariah.
- b. Bertanggungjawab bersama-sama Jawatankuasa Kariah atas kelakuan baik anak kariah masjid berkenaan perkara-perkara dengan agama Islam.
- c. Melaporkan dengan segera kepada Jabatan segala perkara yang berbangkit di dalam kariah yang patut diketahui oleh Jabatan.
- d. Memastikan bahawa tugas-tugas Jawatankuasa Kariah dijalankan dengan betul.
- e. Mengawal dan mentadbir bersama-sama Jawatankuasa Kariah harta benda masjid termasuk harta wakaf setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan Jabatan.
- f. Memastikan bahawa peruntukan-peruntukan kaedah-kaedah dipatuhi.

¹⁰⁸ Haji Hamid bin Haji Ahmad (Pegawai Penyelaras Masjid, Daerah Parit Buntar), dalam temubual dengan penulis, 7 Mei 2012.

Tugas-tugas timbalan pengerusi masjid ialah membantu pengerusi menjalankan tugasnya dan hendaklah menjalankan fungsi-fungsi pengerusi bila mana bagi tempoh yang lama pengerusi tidak berupaya disebabkan sakit, cuti atau sebab lain untuk menjalankan tugas.

Tugas-tugas setiausaha masjid ialah:

- a. Memastikan supaya keputusan dan dasar Jawatankuasa Kariah dilaksanakan.
- b. Menjaga dan menyimpan buku-buku, rekod-rekod dan lain-lain dokumen Jawatankuasa Kariah kecuali yang bersangkutan dengan kewangan.
- c. Menyediakan minit mesyuarat Jawatankuasa Kariah dan lain-lain laporan yang perlu diserahkan kepada Jabatan, menyimpan dan menyelenggarakan suatu daftar penduduk Islam kariah itu.
- d. Bertindak sebagai pegawai perhubungan antara Jawatankuasa Kariah dan anak kariah dan antara masjid dan Jabatan.
- e. Menyediakan laporan tahunan dan menyerahkan satu salinannya kepada Jabatan.

Tugas-tugas bendahari masjid ialah:

- a. Menubuhkan dan menyelenggarakan tabung kewangan masjid yang hendaklah dimasukkan ke dalamnya semua derma atau sumbangan dari mana-mana orang untuk kepentingan masjid dan tabung kewangan ini hendaklah diuruskan oleh Jawatankuasa Kariah.

- b. Menyimpan, menyelenggarakan dan menjaga buku-buku, rekod-rekod akaun dan lain-lain dokumen Jawatankuasa Kariah berhubung dengan kewangan.
- c. Menerima semua wang yang dibayar kepada atau atas akaun tabung kewangan masjid dan mengeluarkan resit baginya.
- d. Melaksanakan pembayaran yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kariah, menguruskan, mengikut arahan Jabatan.
- e. Semua wang yang dibayar kepada atau yang ada dalam kira-kira tabung kewangan masjid.
- f. Menguruskan dengan Jawatankuasa Baitulmal supaya dibuka satu akaun berasingan di dalam Baitulmal untuk tabung kewangan masjid.
- g. Menyediakan penyata kewangan bulanan dan menyerahkannya kepada Jabatan.
- h. Mengadakan acara berhubung dengan perbelanjaan dan penggunaan wang tabung kewangan masjid yang hanya boleh dilaksanakan selepas diluluskan oleh Jawatankuasa Kariah.

Dari segi bidang tugas, Jawatankuasa Kariah hendaklah menjalankan tugas-tugasnya dengan cekap dan berkesan dengan menubuhkan bahagian-bahagian pentadbiran seperti berikut:

- a. Bahagian Kebajikan hendaklah bertanggungjawab memelihara tanah perkuburan dan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan kematian.

- b. Bahagian Sambutan dan Perayaan hendaklah bertanggungjawab bagi menyediakan, mengatur dan membuat apa-apa sambutan dan perayaan berkaitan dengan hari kebesaran Islam.
- c. Bahagian Kebersihan dan Penyeliaan Bangunan hendaklah bertanggungjawab bagi keadaan dan kebersihan masjid dan kawasan sekitarnya.
- d. Bahagian Pelajaran hendaklah bertanggungjawab mengadakan kelas-kelas fardu ain, kelas al-Qur'an, bimbingan dan tadika.
- e. Bahagian Dakwah hendaklah bertanggungjawab mengadakan kelas agama, kursus, seminar, ceramah, diskusi dan forum.
- f. Bahagian Seranta dan Silaturrahim hendaklah bertanggungjawab bagi mencetak dan mengelilingkan bahan-bahan bercetak dan mengadakan khidmat nasihat.¹⁰⁹

3.11. Aktiviti Dakwah di Masjid Daerah Kerian

Aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, Perak umumnya dapat dibahagikan kepada aktiviti asasi, aktiviti sekunder dan aktiviti pengurusan masjid. Seterusnya akan dijelaskan tentang aktiviti-aktiviti tersebut dengan lebih mendalam.

Aktiviti asasi ialah aktiviti yang disifatkan sebagai wajib dilakukan oleh sesebuah masjid. Aktiviti ini merangkumi semua aktiviti ibadat yang menjadi asas kepada kewujudan sesebuah masjid dalam satu-satu kawasan kariah. Antara aktiviti-aktiviti asasi ialah solat lima waktu, solat Jumaat, ibadah kurban, pusat

¹⁰⁹ Portal Rasmi Majlis Agama Islam Perak, dicapai 3 April 2012, <http://www.maiamp.gov.my>.

pembayaran zakat fitrah, solat jenazah, solat malam (Qiamullail), ceramah agama sempena hari kebesaran Islam dan solat sunat tarawih.

Aktiviti sekunder ialah melibatkan aktiviti yang disusun oleh pihak Jabatan Agama Islam Perak dengan kerjasama Jawatankuasa masjid. Lazimnya aktiviti-aktiviti ini adalah dilaksanakan secara berkala atau bermusim tetapi tarikh pelaksanaannya dilakukan pada bulan dan tahun tersebut. Sebagai contoh, mengadakan kelas pengajian agama seminggu sekali untuk kaum dewasa, mengadakan sambutan hari kebesaran Islam seperti Maal Hijrah, Maulidur Rasul, Israk Mikraj, Nisfu Syaaban, Nuzul Qur'an dan sebagainya. Mengadakan majlis Musabaqah al-Qur'an setahun sekali, mengadakan pertandingan nasyid, marhaban, melakukan majlis akad nikah dan mengadakan solat hari raya Aidilfitri serta Aidiladha.

Sementara aktiviti pengurusan pula merupakan aktiviti yang melibatkan penubuhan jawatankuasa tertentu agar sesuatu program dapat dijalankan dengan sempurna. Penubuhan jawatankuasa ini adalah bersifat formal yang melibatkan proses permesyuaratan dan perbincangan. Aktiviti pengurusan dilakukan dengan melibatkan pelbagai agensi sekiranya program itu bertaraf perdana. Sebagai contoh aktiviti pengurusan ialah AJK masjid mengadakan mesyuarat bagi menganjurkan program Maal Hijrah peringkat negeri dengan melibatkan sepuluh agensi kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.¹¹⁰

¹¹⁰ Razaleigh bin Muhamat@Kawangit, *Memperkasaka Aktiviti Masjid sebagai Medium Dakwah, Seminar Pembangunan Masjid* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2002), 6.

Selanjutnya akan dibincangkan tentang aktiviti-aktiviti dakwah yang dilaksanakan di masjid Daerah Kerian, Perak mencakupi aktiviti asasi, aktiviti sekunder dan aktiviti pengurusan. Huraian akan merangkumkan semua aktiviti tersebut.

3.11.1. Kelas Pengajian Agama

Pengurusan kelas pengajian agama di masjid Daerah Kerian, Perak dilaksanakan oleh AJK Biro Dakwah di bawah Carta Organisasi Masjid yang terdiri daripada Penaung, Penasihat, Pengerusi, Setiausaha, Bendahari, Juru Audit dan AJK yang lain. Pengurusan dan Pentadbiran Biro Dakwah tertumpu pada bidang fardu ain dan fardu kifayah. Kedua-dua bidang disiplin ilmu tersebut dilihat berkembang serta tidak asing lagi dalam masyarakat masa kini.

Objektif penubuhan kelas fardu ain ialah:

- a. Untuk melahirkan masyarakat yang berilmu, berbudaya, berkualiti dan berwawasan.
- b. Memberi pendedahan serta kefahaman Islam kepada masyarakat dari sudut mental dan rohani.
- c. Memupuk nilai-nilai murni di kalangan masyarakat supaya mengetahui asas-asas fardu ain.
- d. Mendedahkan asas pengetahuan Islam seperti akidah, ibadat dan akhlak. Dengan demikian masyarakat dapat menghindarkan diri daripada kejahilan tentang Islam.

Jika dilihat pada zaman permulaan Islam, Nabi Muhammad S.A.W. menggunakan kaedah pengajaran agama kepada seseorang setelah memeluk agama Islam. Ianya dilihat sebagai suatu kaedah terbaik mendekati orang yang baru mendalami ajaran Islam. Sebagai contoh, rumah *al-Arqām* adalah tempat yang paling sesuai dipilih sebagai tempat mengadakan kelas fardu ain pada masa itu. Pengajaran asas ilmu Islam kepada orang yang baru memeluk Islam juga amat penting supaya mereka dapat beramal dan menghayati Islam itu dengan berterusan. Sehubungan dengan itu, Nabi S.A.W. sangat mengutamakan para sahabatnya supaya mendalami ilmu fardu ain melalui kelas pengajian fardu ain yang dikendalikan oleh Nabi S.A.W. sendiri.

Berikutan dari itu, dakwah Islam terus berkembang dengan pesatnya dan aktiviti kelas fardu ain menjadi salah satu kaedah penyebaran Islam yang sangat berpengaruh di kalangan masyarakat Islam. Bagi kelas pengajian fardu ain yang sedang berjalan di seluruh masjid di Daerah Kerian, Perak dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Daerah dengan kerjasama AJK masjid berkenaan. Konsep kelas pengajian fardu ain adalah terbuka untuk semua peringkat umur. Mereka yang berminat boleh datang ke masjid berdasarkan jadual dan mempelajari ilmu fardu ain tanpa dikenakan bayaran. Penyertaan daripada peserta dialu-alukan oleh pihak penganjur. Pihak penganjur menyedari bahawa kelas fardu ain amat berguna untuk meningkatkan ilmu pengetahuan untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat dan Negara.

Kelas-kelas fardu ain mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua golongan masyarakat. Jika penceramah yang diundang itu sudah terkenal, maka para peserta kelas fardu ain akan bertambah ramai. Penceramah dilihat menggunakan pendekatan memberi penerangan berulang-ulang kali dan peserta diminta mengulangi isi pengajaran tersebut. Ini bertujuan untuk mengetahui tahap pemahaman peserta supaya lebih mantap. Pengkaji berpendapat kaedah ini sesuai dipraktikkan kepada golongan remaja.

Berasaskan penjelasan di atas maka jelas bahawa kelas pengajian agama adalah salah satu aktiviti dakwah yang dilaksanakan di masjid Daerah Kerian, Perak. Semua aktiviti tersebut dilaksanakan oleh AJK masjid dan mendapat kerjasama daripada masyarakat setempat.

3.11.2. Kelas Bimbingan al-Qur'an dan Tajwid

Aktiviti kelas bimbingan pengajian al-Qur'an yang dilaksanakan di masjid Daerah Kerian, Perak dapat dibahagikan kepada beberapa peringkat, iaitu peringkat asas, peringkat pertengahan, tahsin al-Qur'an, kelas pengajian tafsir, hafalan al-Qur'an peringkat kanak-kanak dan hafalan peringkat dewasa. Sementara pengajian tajwid pula dibahagikan kepada kelas tajwid peringkat asas, kelas tajwid peringkat pertengahan dan kelas tajwid peringkat lanjutan.

Objektif pengurusan kelas bimbingan pengajian al-Qur'an dan tajwid ialah:

1. Melaksanakan apa yang telah diperintah Allah S.W.T. kepada Nabi Muhammad S.A.W. iaitu membaca al-Qur'an.
2. Untuk mencapai tahap bacaan yang betul dan tartil yang dibina atas usul ilmu dan mengamalkan bacaan kaedah ilmu tajwid yang lengkap serta memelihara lidah daripada kesalahan membaca Kitab Allah S.W.T.

Jadi, jelaslah bahawa objektif yang hendak dicapai dalam program tersebut ialah bagi memantapkan ilmu pengajian al-Qur'an kepada ahli jemaah masjid dengan lebih baik lagi.

Pada zaman Rasulullah S.A.W. pengajaran al-Qur'an diadakan di rumah para sahabat dan termasuklah kelas bimbingan al-Qur'an diadakan di rumah *al-Arqām ibn Arqām*. Meskipun al-Qur'an diturunkan dalam bahasa Arab, namun kandungan bahasa dan *nahu* atau tatabahasa al-Qur'an yang tinggi menyebabkan al-Qur'an harus dipelajari melalui kaedah ilmu tajwid. Ilmu tajwid adalah suatu ilmu yang menerangkan kaedah pembacaan al-Qur'an dengan betul dari segi sebutan huruf, kaedah berhenti, dengung dan sebagainya. Orang yang mempelajari al-Qur'an tanpa mempelajari ilmu tajwid adalah dianggap cacat kerana tidak memenuhi tahap disiplin ilmu Qiraat.

Sebahagian besar Ulama mengatakan bahawa tajwid adalah salah satu cabang ilmu al-Qur'an yang sangat penting dipelajari sebelum mempelajari ilmu Qiraat

al-Qur'an. Ilmu tajwid adalah suatu pelajaran untuk memperbaiki bacaan al-Qur'an. Dalam ilmu tajwid terdapat beberapa tahap. Tahap pertama ialah asas tajwid. Tahap kedua ialah pertengahan dan tahap ketiga ialah lebih mendalam. Dalam ilmu tajwid itu diajar bagaimana cara melafazkan huruf yang berdiri sendiri, huruf yang dihubungkan dengan yang lain, melatih lidah menyebut huruf dengan makhraj yang betul, sebutan bunyi panjang dan bunyi pendek, mempelajari tanda berhenti dalam bacaan dan hal-hal yang berkaitan bacaan al-Qur'an.¹¹¹

Oleh yang demikian, aktiviti kelas bimbingan al-Qur'an dan tajwid perlu dilaksanakan di masjid Daerah Kerian, Perak bagi mengatasi masalah buta al-Qur'an dalam kalangan masyarakat. Bagi mengetahui tentang aktiviti kelas bimbingan al-Qur'an dan tajwid di masjid Daerah Kerian, pengkaji telah menemu bual Imam dan pelajar yang terlibat secara langsung dalam aktiviti kelas bimbingan pengajian al-Qur'an dan tajwid.

Menurut Ustaz Abdullah Robani bahawa kelas bimbingan al-Qur'an yang diadakan untuk golongan dewasa di Masjid Hijau Kampung Kedah ialah pada setiap hari Sabtu. Pelajarnya terdiri daripada kakitangan kerajaan, pekerja swasta dan golongan pencen. Sebahagian daripada mereka mengikuti kelas bimbingan al-Qur'an secara berterusan.¹¹²

¹¹¹ Yayasan Penyelenggaraan Penterjemahan/Pentafsiran al-Quran, *Al-Qur'an dan Terjemahannya* (Percetakan al-Qur'an Karim Raja Fath Medina al-Munawwarah, 1971), 6.

¹¹² Abdullah bin Robani (Imam Masjid Hijau, Kampung Kedah), dalam temu bual dengan penulis, 25 April 2012.

Sementara itu, Abdul Karim bin Hashim mengakui bahawa aktiviti kelas pengajian al-Qur'an yang diikutinya dapat meningkatkan tahap pembacaan pelajar. Pelajar yang mengikuti kelas bimbingan al-Qur'an secara berterusan lazimnya dapat membaca al-Qur'an dengan baik. Disebabkan minat yang mendalam untuk mempelajari seni membaca al-Qur'an hingga ke peringkat taranum iaitu mempelajari kaedah bacaan al-Qur'an berlagu. Beliau juga amat menghargai kerana pihak masjid mengadakan kelas bimbingan al-Qur'an dan tajwid. Ramai para jemaah masjid dan kawan-kawannya turut dapat mengambil manfaat daripada program tersebut.¹¹³

Berdasarkan penjelasan di atas dapatlah difahamkan bahawa kelas bimbingan al-Qur'an dan tajwid yang dilaksanakan oleh masjid di Daerah Kerian, Perak amat berguna untuk menggalakkan masyarakat Islam mempelajari al-Qur'an dengan sempurna. Masyarakat setempat hendaklah mengambil peluang dengan mengunjungi kelas tersebut yang beroperasi di masjid.

3.11.3. Kursus dan Seminar Isu Semasa Islam

Kursus dan seminar isu semasa Islam diadakan secara berkala berdasarkan keperluan semasa umat Islam. Kursus yang dilaksanakan berupa kursus jangka pendek iaitu dari satu hari hingga tiga hari. Antara kursus yang diadakan ialah seminar Isu Semasa Islam. Seminar isu semasa Islam ini merupakan satu daripada kursus yang dikaji dalam kajian ini.

¹¹³ Abdul Karim bin Hashim (Pelajar Kelas al-Quran), dalam temu bual dengan penulis, 29 April 2012.

Objektif seminar isu semasa Islam adalah untuk membongkar masalah dan menyelami kehendak semasa orang Islam berkaitan akidah, akhlak dan ibadat. Seminar ini juga bertujuan mendedahkan kepada umum keperluan asas berkaitan Islam dengan lebih efektif terhadap orang ramai. Hasil resolusi seminar didokumentasikan dan dimajukan kepada pihak terbabit untuk tindakan.

3.11.4. Ceramah Hari Kebesaran Islam

Pada umumnya semua masjid di Daerah Kerian, Perak menguruskan program ceramah umum sempena hari kebesaran Islam di masjid masing-masing. Ceramah umum merupakan salah satu aktiviti dakwah di masjid yang dibuat mengikut tarikh dan bulan mengikut kalendar Hijriah. Lazimnya pihak pentadbir masjid akan menyenaraikan ceramah hari kebesaran Islam sebagai salah satu aktiviti yang dilaksanakan pada setiap tahun. Ianya merupakan aktiviti bermusim kerana diadakan pada hari atau bulan tertentu sebagai memperingati sejarah hari kebesaran Islam itu.

Antara aktiviti ceramah sempena sambutan hari kebesaran Islam ialah ceramah Maal Hijrah, ceramah Maulidur Rasul, ceramah Awal Muharam/Maal Hijrah, ceramah Israk Mikraj, ceramah Awal Ramadan/berpuasa, ceramah Nuzul Qur'an dan lain-lain peristiwa penting yang ada kaitannya dengan sejarah dan perkembangan Islam.¹¹⁴

¹¹⁴ Haji Hamid bin Haji Ahmad (Pegawai Penyelaras Masjid, Daerah Parit Buntar), dalam temu bual dengan penulis, 7 Mei 2012.

Program ceramah hari kebesaran Islam bertujuan untuk memberi maklumat dan pengetahuan kepada ahli jemaah tentang sesuatu peristiwa penting yang berlaku dalam Islam. Di akhir sesi ceramah peserta diharap dapat mengambil pengajaran dan iktibar daripada pelbagai peristiwa tersebut. Selain itu, peserta juga dapat merapatkan hubungan ukhawah sesama sendiri berasaskan program yang dilaksanakan tersebut.

Bagi mengetahui bagaimana pengurusan program ceramah hari kebesaran Islam dilaksanakan, pengkaji menemu bual beberapa orang AJK masjid yang terlibat dalam pengurusan aktiviti dakwah tersebut.

Menurut Saaban bin Zainul, lazimnya ceramah sempena hari kebesaran Islam diadakan pada waktu malam selepas solat Maghrib iaitu selama 1 hingga 2 jam. Sebagai contoh, ceramah Maulidur Rasul diadakan pada waktu malam dan dijemput penceramah khas sama ada dari pendakwah bebas atau tokoh-tokoh Ulama terkenal tanah air. Pihak masjid akan membuat pengumuman melalui hebahan hari Jumaat dan juga melalui poster yang diletakkan pada tempat yang strategik. Ceramah seperti ini sering mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ahli jemaah masjid.¹¹⁵

Sementara itu, Ahmad bin Hamid mengatakan bahawa ceramah agama sempena hari kebesaran Islam diadakan pada setiap tahun. Lazimnya diadakan sebanyak

¹¹⁵ Saaban bin Zainul (AJK Masjid Jamek Pekan Kuala Kurau), dalam temu bual dengan penulis, 22 April 2012.

lima kali iaitu ceramah Maal Hijrah, ceramah Maulidur Rasul, ceramah Asyura, ceramah Nisfu Syaaban dan ceramah Nuzul Qur'an.

Jika ceramah tersebut jatuh pada hari cuti umum, ianya diadakan pada siang hari. Para ahli jemaah mengadakan gotong-royong memasak makanan untuk dihidangkan kepada semua tetamu yang hadir pada ceramah tersebut. Majlis ceramah lazimnya mendapat sambutan yang memuaskan daripada penduduk setempat.¹¹⁶

3.11.5. Program Ihya Ramadan

Program Ihya Ramadan dirancang dan dilaksanakan pada setiap tahun bila datang bulan Ramadan. Program ini lazimnya mendapat kerjasama daripada masyarakat tempatan. Antara bantuan/kemudahan yang disediakan bagi menjayakan program Ihya Ramadan ialah menyalurkan dana untuk makanan, minuman, sewaan tempat dan peralatan program.

Program Ihya Ramadan bertujuan untuk menjalinkan hubungan silaturrahim antara pihak pengurusan masjid dengan ahli kariah tempatan dan termasuk orang yang luar dari kariah masjid tersebut. Dengan adanya program seumpama ini suasana bulan Ramadan menjadi meriah dengan kedatangan umat Islam ke masjid bagi mengerjakan solat dan sebagainya. Objektif program juga bertujuan ialah untuk meningkatkan kefahaman Islam melalui aktiviti ceramah Ramadan.

¹¹⁶ Ahmad bin Hamid (AJK Masjid Jamek Pekan Kuala Kurau), dalam temu bual dengan penulis, 22 April 2012.

Menyemarakkan syiar Islam melalui majlis berbuka puasa dan solat sunat tarawih bersama ahli kariah masyarakat tempatan dapat mengeratkan hubungan sesama Islam.

Berdasarkan temu bual pengkaji bersama Hairudin bin Ali, beliau menjelaskan bahawa program Ihya Ramadan bertempat di masjid al-Ridzuan Alor Pongsu diadakan pada setiap tahun. Program dimulakan dengan majlis berbuka puasa, solat Maghrib berjemaah, solat Isyak, solat tarawih dan ceramah agama.¹¹⁷

Menurut Kamaruddin bin Yusop, ahli jemaah masjid dilihat datang bersama keluarga pada waktu selepas solat Asar kerana kebanyakan mereka bekerja di pelbagai sektor dan ada yang bekerja sendiri. Selepas majlis berbuka puasa, mereka akan terus solat Maghrib dan solat Isyak bersama jemaah lain sehingga selesainya solat tarawih.¹¹⁸

3.11.6. Kursus-kursus Jangka Pendek

Kursus jangka pendek yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah kursus yang dilaksanakan oleh Ahli Jawatankuasa masjid bertempat di sesuatu masjid dalam jangka masa satu hari dan tidak melebihi 3 hari. Penyertaannya juga agak terhad iaitu untuk peserta yang tertentu sahaja dan kehadiran tidak melebihi 60 orang bagi satu sesi. Ini adalah untuk memastikan keberkesanan kursus serta keselesaan

¹¹⁷ Hairudin bin Ali (AJK Masjid al-Ridzuan, Alor Pongsu), dalam temu bual dengan penulis, 1 Mei 2012.

¹¹⁸ Kamaruddin bin Yusop (AJK Masjid Jamek Kampung Dew), dalam temu bual dengan penulis, 2 Mei 2012.

kepada peserta dan ia diadakan pada waktu cuti umum iaitu pagi, petang dan malam.

Antara jenis-jenis kursus jangka pendek yang dilaksanakan oleh sesebuah masjid adalah kursus pengurusan jenazah, kursus motivasi kecemerlangan pelajar, kursus tahsin solat, kursus taranum (bacaan al-Qur'an berlagu), kursus pengurusan organisasi, kursus perkahwinan, kursus asas perakaunan, kursus persediaan haji dan umrah dan sebagainya.

Bagi mengetahui pelaksanaan kursus jangka pendek diurus tadbir, pengkaji telah menemu bual seorang AJK pelaksana iaitu Amir bin Osman, beliau mengatakan bahawa sebelum sesuatu program dilaksanakan lazimnya pihak AJK masjid akan bermesyuarat bagi perlantikan jawatankuasa kecil, jawatankuasa protokol, menentukan nama kursus, objektif kursus, tarikh pelaksanaan, kumpulan sasaran penyertaan kursus, pengisian kursus, perasmii majlis, penceramah jemputan dan kos yang terlibat. Ini bertujuan untuk melancarkan tugas tertentu seperti hebahan kursus, perjalanan kursus dan kos yang terlibat.¹¹⁹

Berdasarkan aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, jelaslah bahawa di dalam Islam terdapat sifat positif untuk berubah kepada kebaikan, iaitu membersihkan diri sendiri melalui ilmu pengetahuan agama di kuliah-kuliah yang diadakan bagi menyeru manusia kepada amal soleh.

¹¹⁹ Amir bin Osman (AJK Masjid Jamek Sungai Dungun), dalam temu bual dengan penulis, 10 Mei 2012.

3.1.2. Kesimpulan

Berdasarkan aktiviti dakwah yang dilaksanakan di masjid Daerah Kerian, jelaslah bahawa di dalam Islam terdapat sifat positif untuk berubah kepada kebaikan iaitu membersihkan diri sendiri dengan ilmu pengetahuan agama melalui aktiviti dakwah seperti kuliah-kuliah agama yang diadakan bagi menyeru manusia kepada amal soleh.

BAB EMPAT

**PERSEPSI DAN MASALAH PENGURUSAN AKTIVITI DAKWAH DI
MASJID DAERAH, KERIAN**

4.1. Pengenalan

Analisis kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif kedua dan ketiga iaitu mengkaji persepsi masyarakat terhadap pengurusan aktiviti dakwah dan mengenal pasti masalah pengurusan aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, Perak. Bab ini dimulakan dengan membincangkan demografi responden.

4.2. Demografi Responden

Dalam kajian ini dinyatakan keadaan demografi responden termasuklah jantina, umur, tahap pendidikan, taraf perkahwinan, jenis pekerjaan, pendapatan bulanan dan jarak lokasi. Adalah penting menjelaskan latar belakang responden dan hubungannya dengan pemboleh ubah. Pemboleh ubah lazimnya diukur, diamati, dinilai dan dilaporkan secara bertulis semasa kajian dibuat.

Bagi mendapatkan maklumat, kajian dilakukan terhadap responden iaitu ahli jemaah masjid yang terdiri daripada golongan belia, dewasa dan warga emas yang telah diperolehi berdasarkan kajian sampel yang telah dijalankan. Jumlah keseluruhan responden adalah sebanyak 480 orang. Mereka mewakili 65 buah masjid yang meliputi 8 mukim iaitu seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Semua masjid tersebut telah didaftarkan dengan Jabatan Agama Islam Perak

(JAIPk) sebagai masjid yang melaksanakan aktiviti teras iaitu solat Jumaat dan lain-lain aktiviti kemasyarakatan.

4.2.1. Jantina

Jadual 4.1: Jantina Responden

Jantina	Kekerapan	Peratus %
Lelaki	372	77.5
Perempuan	105	21.9
Tiada Maklum Balas	3	.6
Jumlah keseluruhan	480	100.0

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Jadual 4.1 menunjukkan jantina responden. Responden lelaki mencatatkan bilangan seramai 372 orang (77.5%), responden wanita adalah seramai 105 orang (21.9%) dan tiada maklum balas 3 (.6%) sahaja. Kebanyakan responden yang datang ke masjid bagi mengikuti aktiviti dakwah adalah terdiri daripada kaum lelaki. Manakala kaum wanita pula yang datang ke masjid ditemani oleh mahram masing-masing.

4.2.2. Umur

Jadual 4.2: Umur Responden

Umur	Kekerapan	Peratus %
18-25 tahun	93	19.4
26-40 tahun	124	25.8
41-60 tahun	182	37.9
61 tahun ke atas	73	15.2
Tiada Maklum Balas	8	1.7
Jumlah keseluruhan	480	100.0

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Jadual 4.2 menunjukkan umur responden. Responden seramai 93 orang (19.4%) terdiri daripada golongan belia dan pemuda yang berumur 18 hingga 25 tahun, responden golongan dewasa yang berumur 26 hingga 40 tahun seramai 124 orang (25.8%), responden berumur 41 hingga 60 tahun seramai 182 orang (37.9%), responden berumur 61 tahun ke atas seramai 73 orang (15.2%) dan tiada maklum balas 8 (1.7%) sahaja. Secara keseluruhan responden dipilih terdiri daripada golongan belia, dewasa dan warga emas yang mengikuti aktiviti dakwah yang dilaksanakan di masjid Daerah Kerian, Perak.

4.2.3. Tahap Pendidikan

Jadual 4.3: Tahap Pendidikan Responden

Tahap Pendidikan	Kekerapan	Peratus %
Sekolah Rendah	55	11.5
Sekolah Menengah	187	39.0
Diploma	111	23.0
Universiti	120	25.0
Tiada Maklum Balas	7	1.5
Jumlah Keseluruhan	480	100.0

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Jadual 4.3 menunjukkan tahap pendidikan responden. Responden yang mendapat pendidikan sekolah menengah seramai 187 orang (39.0%), responden yang mendapat pendidikan universiti seramai 120 orang (25.0%), responden yang mendapat pendidikan peringkat diploma seramai 111 orang (23.0%), responden yang mendapat pendidikan sekolah rendah paling sedikit iaitu seramai 55 orang (11.5%) dan tiada maklum balas 7 (1.5%) sahaja.

4.2.4. Taraf Perkahwinan

Jadual 4.4: Taraf Perkahwinan Responden

Taraf Perkahwinan	Kekerapan	Peratus %
Bujang	127	26.5
Berkahwin	302	62.9
Duda/Janda	50	10.4
Tiada Maklumat Balas	1	.2
Jumlah Keseluruhan	480	100.0

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Jadual 4.4 menunjukkan taraf perkahwinan responden. Kajian ini mendapati bahawa responden yang berkahwin adalah paling tinggi iaitu seramai 302 orang (62.9%) mendahului golongan lain, responden bujang menduduki tempat kedua iaitu seramai 127 orang (26.5%), responden duda/janda seramai 50 orang (10.4%) dan tiada maklum balas 1 (.2%) sahaja.

4.2.5. Jenis Pekerjaan

Jadual 4.5: Jenis Pekerjaan Responden

Jenis Pekerjaan	Kekerapan	Peratus %
Kerja sendiri	90	18.8
Swasta	81	16.9
Kakitangan kerajaan	175	36.4
Pesara	86	17.9
Tidak bekerja	43	9.0
Tiada Maklum Balas	5	1.0
Jumlah Keseluruhan	480	100.0

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Jadual 4.5 menunjukkan jenis pekerjaan responden. Kajian ini mendapati bahawa responden yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan adalah paling tinggi iaitu seramai 175 orang (36.4%) mendahului pekerjaan lain, responden yang bekerja sendiri menduduki tempat kedua iaitu seramai 90 orang (18.8%), responden yang bersara dari pekerjaan menduduki tempat ketiga iaitu seramai 86 orang (17.9%), responden yang bekerja dengan syarikat swasta menduduki tempat keempat iaitu seramai 81 orang (16.9%), responden yang tidak bekerja seramai 43 orang (9.0%) dan tiada maklum balas 5 (1.0%) sahaja.

4.2.6. Pendapatan Bulanan

Jadual 4.6: Pendapatan Bulanan Responden

Pendapatan Bulanan	Kekerapan	Peratus %
Tidak menentu	111	23.1
RM 500.00 ke bawah	29	6.0
RM 500.00 - RM 2,000.00	168	35.0
RM 2,000.00 ke atas	170	35.5
Tiada Maklum Balas	2	.4
Jumlah Keseluruhan	480	100.0

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Jadual 4.6 menunjukkan pendapatan bulanan responden. Dalam kajian ini majoriti responden berpendapatan bulanan RM 2,000.00 ke atas seramai 170 orang (35.5%), responden yang berpendapatan bulanan antara RM 500.00 hingga RM 2,000.00 seramai 168 orang (35.0%), responden yang berpendapatan tidak menentu seramai 111 orang (23.1%), responden yang berpendapatan bulanan RM 500.00 ke bawah seramai 29 orang (6.0%) dan tiada maklum balas 2 (.4%) sahaja.

4.2.7. Jarak Lokasi

Jadual 4.7: Jarak Lokasi Responden Dengan Masjid

Jarak Lokasi	Kekerapan	Peratus %
1-2 kilometer	371	77.3
3-4 kilometer	85	17.7
5 kilometer ke atas	20	4.2
Tiada Maklum Balas	4	.8
Jumlah Keseluruhan	480	100.0

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Jadual 4.7 menunjukkan jarak lokasi responden dengan masjid. Hasil kajian mendapati kebanyakan responden yang mengikuti aktiviti dakwah di masjid adalah dengan jarak lokasi antara 1-2 kilometer iaitu seramai 371 orang (77.3%), responden yang tinggal jarak lokasi dari rumah ke masjid sejauh 3-4 kilometer seramai 85 orang (17.7%), responden yang tinggal jarak lokasi dari rumah ke masjid sejauh 5 kilometer ke atas seramai 20 orang (4.2%) dan tiada maklum balas 4 (.8%) sahaja.

4.3. Persepsi Masyarakat Terhadap Pengurusan Aktiviti Dakwah di Masjid

Dalam kajian ini, maklum balas tentang persepsi masyarakat terhadap pengurusan aktiviti dakwah di masjid adalah objektif kedua yang perlu dibentangkan di sini kerana penerimaan masyarakat terhadap pengurusan aktiviti dakwah di masjid adalah merupakan fokus kajian ini. Untuk mencapai maksud tersebut, metodologi kajian lapangan yang mencakupi metode soal selidik, metode temu bual dan metode pemerhatian digunakan dalam kajian ini.

Pada umumnya masyarakat Islam di Daerah Kerian, Perak sentiasa mengharapkan pengurusan aktiviti dakwah di masjid yang berkesan. Sementara itu, pihak pengurusan masjid yang di lantik oleh ahli jemaah telah bersetuju menerima amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka dengan baik. Menunaikan amanah yang telah diberikan dengan rasa tanggungjawab adalah sangat dituntut dalam Islam.

Tugas menyemarakkan agama Allah S.W.T. dengan sempurna mendorong seseorang melaksanakan ajaran Islam dengan penuh yakin. Justeru, menguruskan masjid adalah suatu urusan yang bersifat subjektif dan tidak boleh dihuraikan dalam bentuk gambaran atau sebagainya. Bagi mengetahui sejauh mana persepsi responden terhadap aktiviti dakwah di mana aspek pengurusan aktiviti dakwah di masjid sentiasa berfungsi sebagaimana yang sepatutnya, maka metode soal selidik digunakan dalam kajian ini.


4.3.1. Perlantikan AJK Yang Cekap dan Berilmu

Jadual 4.8: Dengan Perlantikan AJK Masjid Yang Cekap dan Berilmu, Pengurusan Masjid Sentiasa Bertambah Makmur

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Perlantikan AJK Yang Cekap dan Berilmu	233 48.5%	175 36.5%	52 10.8%	9 1.9%	7 1.5%	4 .8%	480 100%	4.30

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Carta 4.1: Dengan Perlantikan AJK Masjid Yang Cepak dan Berilmu, Pengurusan Masjid Sentiasa Bertambah Makmur



Jadual 4.8 menunjukkan persepsi masyarakat terhadap perlantikan AJK masjid yang cekap dan berilmu, menjadikan pengurusan masjid sentiasa bertambah makmur. Hasil kajian mendapati responden yang sangat setuju seramai 233 orang (48.5%). Ini kerana orang yang berilmu dapat meningkatkan keupayaan mengurus pelbagai aktiviti dakwah di masjid dengan baik. Responden yang setuju seramai 175 orang (36.5%), responden yang sederhana setuju seramai 52 orang (10.8%), responden yang tidak setuju seramai 9 orang (1.9%), responden yang sangat tidak setuju seramai 7 orang (1.5%) dan tiada maklum balas 4 (.8%) sahaja.

AJK masjid yang dilantik dari kalangan orang yang berilmu khususnya dalam bidang ilmu pengurusan masjid dapat merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti dakwah dengan baik dan lebih cemerlang berbanding golongan yang kurang memiliki ilmu pengurusan tersebut.

Bagi mendapatkan penjelasan bahawa dengan pelantikan AJK masjid yang cekap dan berilmu maka pengurusan masjid sentiasa bertambah makmur, pengkaji menemu bual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Zakaria bin Daud, AJK yang dilantik oleh para jemaah hendaklah memiliki ilmu pengurusan yang mencukupi di samping memiliki pengalaman yang luas dalam bidang pengurusan. Menguruskan masjid bukanlah suatu yang mudah kerana ia berkaitan dengan orang ramai yang mempunyai pelbagai persepsi. Pihak pengurusan masjid hendaklah mengetahui bahawa masa kini ramai orang yang berilmu pengetahuan tinggi. Oleh sebab itu, orang awam sentiasa menilai dari semasa ke semasa berhubung pengurusan masjid. Jika didapati masjid diurus dengan cara yang tidak betul, mereka berhak membuat komen serta aduan kepada pihak tertentu seperti Jabatan Agama Islam dan sebagainya.¹²⁰

Sementara itu, Idris bin Ibrahim berpendapat bahawa AJK masjid yang dilantik hendaklah melaksanakan tugas dengan jujur dan ikhlas tanpa mengharapkan

¹²⁰ Zakaria bin Daud (Jemaah Masjid Jamek Bukit Merah), dalam temu bual dengan penulis, 8 Jun 2012.

pujian dari manusia. Mereka hendaklah merancang aktiviti dakwah di masjid yang berbentuk jangka panjang dan jangka pendek bagi meningkatkan dakwah Islamiah di kalangan masyarakat.¹²¹

Kenyataan ini disokong oleh Dollah bin Abu, Beliau mengatakan bahawa peranan yang dimainkan oleh AJK masjid bagi memakmurkan masjid adalah sangat penting. Antaranya AJK masjid hendaklah proaktif dalam melaksanakan pelbagai aktiviti dakwah di masjid, harus sentiasa berusaha mendapatkan sumber kewangan bagi melaksanakan aktiviti dan meningkatkan taraf profesionalisme sebagai pengurus masjid yang berkesan.¹²²

Menurut Saiful bin Roslan, beliau mengatakan bahawa kebanyakan AJK masjid yang dilantik oleh ahli kariah di Masjid an-Nur Bukit Semangol adalah dari kalangan mereka yang berpendidikan setakat sekolah menengah. Umumnya mereka bekerja di pelbagai sektor. Lanjutan daripada itu, bidang yang menjurus kepada pengurusan masjid dilihat tiada kaitan dengan perlantikan AJK pengurusan masjid.¹²³

Menurut Rostam bin Bidin, beliau berpandangan bahawa tidak semua AJK yang dilantik memiliki ilmu yang tinggi. Ada AJK yang berpendidikan sehingga

¹²¹ Idris bin Ibrahim (Jemaah Masjid al-Huda Sungai Kota), dalam temu bual dengan penulis, 25 Jun 2012.

¹²² Dollah bin Abu (Jemaah Masjid al-Huda Sungai Kota), dalam temu bual dengan penulis, 25 Jun 2012.

¹²³ Saiful bin Roslan (Jemaah Masjid an-Nur Bukit Semangol), dalam temu bual dengan penulis, 13 Jun 2012.

sekolah menengah dan mendalami agama Islam secara tidak formal di masjid secara berterusan. Terdapat dalam kalangan AJK masjid yang mempunyai minat mendalam untuk melaksanakan semua amanah dan tanggungjawab memakmurkan masjid. Jika mereka melaksanakan dengan jujur dan ikhlas, balasan yang setimpal akan diberi oleh Allah S.W.T. Jika mereka cuai, Allah S.W.T. akan melaknat mereka di hari akhirat kelak. Di samping itu juga masyarakat akan mencemuh mereka. Dengan adanya dorongan motivasi yang diberikan dari masa ke semasa, mereka dapat meningkatkan keupayaan mempelbagaikan aktiviti dakwah di masjid dengan lebih cemerlang.¹²⁴

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan di atas jelaslah bahawa dengan perlantikan AJK yang cekap dan berilmu menjadikan pengurusan masjid sentiasa bertambah makmur dengan pelbagai aktiviti dakwah yang dirancang, disusun dan dilaksanakan untuk masyarakat dengan baik.

4.3.2. Fungsi Masjid Sebagai Pusat Kecemerlangan Ilmu


Jadual 4.9: Masjid Sepatutnya Berfungsi Sebagai Pusat Kecemerlangan Ilmu dan Pusat Kebudayaan Masyarakat Islam setempat

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Fungsi Masjid Sebagai Pusat Kecemerlangan Ilmu	258 53.8%	168 35.0%	37 7.7%	8 1.7%	5 1.0%	4 .8%	480 100%	4.36

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

¹²⁴ Rostam bin Bidin (Jemaah Masjid an-Nur Bukit Semanggol), dalam temu bual dengan penulis, 13 Jun 2012.

Carta 4.2: Masjid Sepatutnya Berfungsi Sebagai Pusat Kecemerlangan Ilmu dan Pusat Kebudayaan Masyarakat Islam Setempat



Jadual 4.9 menunjukkan persepsi responden berkaitan institusi masjid sepatutnya berfungsi sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan pusat kebudayaan masyarakat Islam setempat. Kajian mendapati responden yang sangat setuju seramai 258 orang (53.8%), responden yang setuju seramai 168 orang (35.0%), responden yang sederhana setuju seramai 37 orang (7.7%), responden yang tidak setuju seramai 8 orang (1.7%), responden yang sangat tidak setuju seramai 5 orang (1.0%) dan tiada maklum balas 4 (.8%) sahaja.

Bagi menjelaskan secara terperinci persepsi masyarakat tentang masjid sepatutnya berfungsi sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan pusat kebudayaan masyarakat Islam setempat, pengkaji menemu bual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Zulkifli bin Yahya, masjid bukan hanya berfungsi sebagai tempat beribadat semata-mata kepada Allah S.W.T. tetapi mempunyai fungsi yang sangat luas. Ini termasuklah sebagai pusat penyebaran ilmu dan maklumat, pusat kegiatan ekonomi, pusat pembelajaran setempat, pusat rekreasi dan riadah, pusat pentadbiran, pusat kebajikan dan sosial, pusat pertemuan masyarakat dan sebagainya. Pihak pengurusan masjid seharusnya berusaha bersungguh-sungguh dengan menjadikan institusi masjid berfungsi sebagaimana sewajarnya.¹²⁵

Sementara itu, Salahuddin bin Mahmud berpendapat bahawa masyarakat dewasa ini haruslah mengubah persepsi bahawa institusi masjid bukan hanya sebagai tempat beribadat semata-mata, tetapi institusi masjid berfungsi sebagaimana institusi masjid yang dipraktikkan pada zaman Rasulullah S.A.W. Demikian juga peranan masjid tidak harus disempitkan, kerana persepsi institusi masjid hanya untuk beribadat adalah berpunca daripada pengasingan urusan pekerjaan manusia tidak ada kaitan dengan urusan ibadat.¹²⁶

¹²⁵ Zulkifli bin Yahya (Jemaah Masjid Simpang 4 Selinsing), dalam temu bual dengan penulis, 21 Jun 2012.

¹²⁶ Salahuddin bin Mahmud (Jemaah Masjid Jamek al-Ridzuan Alor Pongsu), dalam temu bual dengan penulis, 22 Jun 2012.

Pandangan yang hampir sama dikemukakan oleh Zaid bin Hashim. Beliau sangat bersetuju institusi masjid sepatutnya berfungsi sebagai pusat pengembangan ilmu pengetahuan dan pusat kebudayaan masyarakat Islam setempat. Tugas pihak pengurusan masjid ialah merancang, mencari sumber kewangan dan melaksanakan aktiviti dakwah supaya dengan demikian masjid berfungsi sebagai tempat penyebaran ilmu dan maklumat kepada masyarakat.¹²⁷

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan di atas jelaslah bahawa institusi masjid pada hari ini sepatutnya berfungsi sebagai pusat pengembangan ilmu dan pusat kebudayaan masyarakat Islam setempat. Pihak pengurusan masjid hendaklah berusaha supaya masjid akan berfungsi sebagai masjid yang terbaik dalam semua aspek pengurusan.

4.3.3. Struktur Organisasi Masjid Yang Cepak Mengurus


Jadual 4.10: Struktur Organisasi Kepimpinan Masjid Sentiasa Cemerlang Mengendalikan Aktiviti. Mereka Tidak Terpengaruh Dengan Politik Semasa

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Struktur Organisasi Masjid Yang Cepak Mengurus	189 39.4%	179 37.3%	90 18.8%	14 2.9%	6 1.2%	2 .4%	480 100%	4.11

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

¹²⁷ Zaid bin Hashim (Jemaah Masjid Jamek Bukit Merah), dalam temu bual dengan penulis, 3 Jun 2012.

Carta 4.3: Struktur Organisasi Kepimpinan Masjid Sentiasa Cemerlang Mengendalikan Aktiviti. Mereka Tidak Terpengaruh Dengan Politik Semasa



Jadual 4.10 menjelaskan tentang struktur organisasi masjid sentiasa cemerlang mengendalikan aktiviti dakwah dan tidak terpengaruh dengan politik semasa. Kajian mendapati responden yang sangat setuju seramai 189 orang (39.4%), responden yang setuju seramai 179 orang (37.3%), responden yang sederhana setuju seramai 90 orang (18.8%), responden yang tidak setuju seramai 14 orang (2.9%), responden yang sangat tidak setuju seramai 6 orang (1.2%) dan tiada maklum balas 2 (.4%) sahaja.

Bagi mengetahui sejauh mana struktur organisasi kepimpinan masjid sentiasa cemerlang mengendalikan aktiviti dakwah dan mereka tidak terpengaruh dengan politik semasa, pengkaji menemu bual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Hassan bin Badrul, masjid adalah rumah Allah S.W.T. yang suci daripada segala unsur yang merugikan umat Islam. Meskipun di Masjid Jamek Sungai Bogak, terdapat campur tangan orang-orang politik tempatan yang cuba menggunakan masjid bagi mempengaruhi minda masyarakat dalam mencorakkan politik, namun aktiviti dakwah haruslah dilaksanakan juga untuk memastikan masyarakat mendapat bimbingan agama secukupnya.¹²⁸

Sementara itu, Sulaiman bin Mohamed mengatakan bahawa Islam adalah agama yang syumul dan praktikal untuk semua orang. Masjid menjadi lambang utama dalam meneguhkan kemuliaan umat Islam sama ada secara individu mahupun secara organisasi. Dalam agama Islam itu, isu-isu politik dan kepimpinan tidak dapat dipisahkan dalam aspek kemasyarakatan. Jika institusi masjid hendak dipolitikkan, ia hendaklah dalam situasi yang sihat. Dengan istilah lain, meletakkan kepentingan agama Allah S.W.T. itu di tempat yang tinggi. Jika ahli politik tidak mampu menyatupadukan ahli jemaah masjid berpandukan al-Qur'an, al-Hadis, Ijmak Ulama dan Kias, janganlah menggunakan masjid sebagai platform utama mempengaruhi masyarakat. Sewajarnya hanya orang yang

¹²⁸ Hassan bin Badrul (Jemaah Masjid Jamek Sungai Bogak), dalam temu bual dengan penulis, 8 Jun 2012.

berkelayakan sahaja memegang amanah dan tanggungjawab di kalangan Ahli Jawatankuasa masjid yang berusaha memakmurkan masjid.¹²⁹

Menurut Ramli bin Osman, sering kali masjid disalahgunakan untuk gelanggang kempen parti-parti politik berkepentingan. Ada juga penceramah yang menyalahgunakan tauliah mengajar dengan mengambil kesempatan memasarkan fahaman dan ideologi parti politik tertentu terutama di musim pilihanraya. Harus difahami bahawa peranan dan fungsi masjid wajar dikembalikan sebagai pusat kecemerlangan umat baik dari segi ibadah, keilmuan, kegiatan muamalah harian dan yang lebih mustahak ialah sebagai pusat pemersatuan umat Islam.¹³⁰

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan di atas jelaslah bahawa pihak pengurusan masjid sentiasa cemerlang mengendalikan aktiviti dakwah dan mereka tidak terpengaruh dengan politik semasa. Masjid hendaklah dijadikan pusat dakwah Islamiah kepada seluruh masyarakat.

¹²⁹ Sulaiman bin Mohamed (Jemaah Masjid al-Amin Kampung Selinsing), dalam temu bual dengan penulis, 4 Jun 2012.

¹³⁰ Ramli bin Osman (Jemaah Masjid Jamek Pekan Kuala Kurau), dalam temu bual dengan penulis, 6 Jun 2012.


4.3.4. Ketidakmampuan Menyelesaikan Masalah Masyarakat Setempat

Jadual 4.11: Pegawai Masjid dilihat Tidak Mampu Menjadi Tempat Rujukan Masyarakat Setempat Untuk Menyelesaikan Masalah Masyarakat

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Ketidak mampuan Menyelesaikan Masalah Masyarakat Setempat	102 21.3%	255 53.1%	74 15.4%	36 7.5%	13 2.7%	0 .0%	480 100%	3.83

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Carta 4.4: Pegawai Masjid dilihat Tidak Mampu Menjadi Tempat Rujukan Masyarakat Setempat Untuk Menyelesaikan Masalah Masyarakat



Jadual 4.11 menunjukkan persepsi masyarakat berkaitan pegawai masjid dilihat tidak mampu menjadi tempat rujukan masyarakat setempat untuk menyelesaikan masalah masyarakat. Hasil kajian mendapati responden yang setuju seramai 255 orang (53.1%), responden yang sangat setuju seramai 102 orang (21.3%), responden sederhana setuju seramai 74 orang (15.4%), responden yang tidak setuju seramai 36 orang (7.5%) dan responden yang sangat tidak setuju seramai 13 orang (2.7%) sahaja.

Bagi menjelaskan persepsi masyarakat terhadap pegawai masjid tidak mampu menjadi tempat rujukan masyarakat setempat untuk menyelesaikan masalah mereka, pengkaji menemu bual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Salleh bin Amin, persepsi yang mengatakan pegawai masjid dilihat tidak mampu bertindak sebagai tempat rujukan masyarakat menyelesaikan masalah adalah benar. Sepanjang pengetahuan beliau, pegawai masjid adalah dilantik dari kalangan mereka yang mempunyai sahsiah tinggi dan kepakaran yang tersendiri. Namun terdapat dikalangan pegawai masjid yang terlalu sibuk dengan tugas kerjayanya menyebabkan kurang tumpuan kepada tugas-tugas sebagai pegawai masjid dalam menyelesaikan masalah masyarakat setempat.¹³¹

Manakala Nordin bin Sufian pula berpendapat bahawa kebanyakan pegawai masjid adalah dari kalangan orang yang disegani kerana ketokohan kepimpinan

¹³¹ Salleh bin Amin (Jemaah Masjid al-Shafiq Sungai Baru), dalam temu bual dengan penulis, 27 Jun 2012.

dalam masyarakat dan memiliki ilmu agama yang tinggi, namun sebagai pegawai masjid yang diberikan kepercayaan oleh masyarakat hendaklah memberi perhatian dan menyelesaikan masalah masyarakat yang semakin rumit dengan masalah soial masa kini.¹³²

Sementara itu, Ghazali bin Juri berpendapat bahawa pegawai masjid mempunyai tugasnya yang tersendiri. Istilah “Pegawai Masjid” termasuklah mereka yang bertugas sebagai Siak. Setiap jawatan pegawai masjid mempunyai tugas yang berbeza. Kebanyakan pegawai masjid hanya memberi tumpuan kepada pengurusan masjid semata-mata hingga melupakan tanggungjawab mereka dalam menyelesaikan permasalahan masyarakat setempat.¹³³

Berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui soal selidik kebanyakan responden bersetuju dengan pendapat pegawai masjid dilihat tidak mampu menjadi tempat rujukan masyarakat setempat menyelesaikan masalah mereka. Begitu juga hasil dapatan dari temu bual. Pegawai masjid sepatutnya membantu masyarakat setempat dalam menyelesaikan permasalahan mereka.

¹³² Nordin bin Sufian (Jemaah Masjid Jamek Tanjung Piandang), dalam temu bual dengan penulis, 29 Jun 2012.

¹³³ Ghazali bin Juri (Jemaah Masjid al-Huda Sungai Kota), dalam temu bual dengan penulis, 25 Jun 2012.


4.3.5. Keceriaan Masjid (Landskap) Tidak Berkeadaan Baik

Jadual 4.12: Suasana Keceriaan Masjid Tidak disusun Atur Dengan Baik

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Keceriaan Masjid (Landskap) Tidak Berkeadaan Baik	54 11.3%	148 30.8%	238 49.6%	33 6.9%	7 1.4%	0 .0%	480 100%	3.43

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Carta 4.5: Suasana Keceriaan Masjid Tidak disusun Atur Dengan Baik



Jadual 4.12 menunjukkan persepsi masyarakat tentang suasana keceriaan masjid (landskap) tidak disusun atur dengan baik di masjid Daerah Kerian, Perak. Kajian mencatatkan responden yang sederhana setuju seramai 238 orang (49.6%), responden yang setuju seramai 148 orang (30.8%), responden yang sangat setuju seramai 54 orang (11.3%), responden yang tidak setuju seramai 33 orang (6.9%) dan responden yang sangat tidak setuju seramai 7 orang (1.4%) sahaja.

Bagi mendapatkan pandangan tentang suasana keceriaan masjid tidak disusun dengan baik, pengkaji menemu bual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Badrul bin Zaidi, beliau mengakui bahawa landskap masjid yang tidak disusun atur dengan baik adalah antara salah satu penyebab ahli kariah kurang berminat untuk menghadiri diri ke masjid. Ketiadaan tempat letak kereta, kemudahan tandas yang kurang sempurna khususnya bagi kaum wanita, kawasan luaran dan dalaman masjid yang tidak menarik hendaklah ditangani dan diatasi segera oleh pihak pengurusan masjid.¹³⁴

Sementara itu, menurut Mohd Amin bin Jaafar, landskap masjid bermaksud hiasan luaran dan dalaman masjid yang dibuat bagi kemudahan pengunjung dan juga mencantikkan pandangan. Masjid hendaklah disusun atur dengan baik

¹³⁴ Badrul bin Zaidi (Jemaah Masjid Jamek Simpang 5), dalam temu bual dengan penulis, 10 Jun 2012.

landskapny tetapi ia bergantung kepada kewangan masjid. Ia memerlukan jumlah wang yang besar.¹³⁵

Dari pemerhatian pengkaji ketika mengunjungi beberapa buah masjid di Daerah Kerian, Perak iaitu Masjid Jamek Simpang Lima, Masjid Jamek Kedai Dua, Masjid Jamek Sungai Bogak dan Masjid Jamek Simpang Empat Selinsing didapati bahawa landskap masjid-masjid tersebut tidak diurus dengan baik. Kelihatan pokok-pokok bunga tidak dijaga dan tidak ditanam dengan cara terancang. Keadaan ini berpunca daripada pihak pengurusan masjid yang tidak menunaikan tugas dengan sempurna.¹³⁶

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan di atas jelaslah bahawa suasana keceriaan masjid (landskap) tidak disusun atur dengan baik di masjid Daerah Kerian, Perak. Pihak pengurusan masjid hendaklah berusaha mengatasi masalah ini supaya dapat menarik minat ahli jemaah untuk datang ke masjid.

4.4. Masalah Pengurusan Aktiviti Dakwah Yang dihadapi di Masjid

Perbincangan masalah pengurusan aktiviti dakwah yang dihadapi di masjid Daerah Kerian, Perak sebagai melengkapkan objektif ketiga dalam kajian ini. Untuk mencapai maksud tersebut, metodologi kajian lapangan yang mencakupi metode soal selidik, metode temu bual dan metode pemerhatian digunakan dalam kajian ini.

¹³⁵ Mohd Amin bin Jaafar (Jemaah Masjid Jamek Sungai Bogak), dalam temu bual dengan penulis, 27 Jun 2012.

¹³⁶ Pengkaji (Masjid-Masjid Daerah Kerian), dalam pemerhatian penulis, 16 April 2012.

4.4.1. Kekurangan Sumber Kewangan


Kekurangan sumber kewangan yang dihadapi oleh sesebuah masjid adalah merupakan suatu masalah kepada pihak pengurusan masjid. Berdasarkan kajian, responden memberi maklum balas seperti jadual 4.13:

Jadual 4.13: Kekurangan Sumber Kewangan Menyebabkan Aktiviti Dakwah di Masjid Terbantut

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Kekurangan Sumber Kewangan	72 15.0%	218 45.4%	117 24.4%	61 12.7%	12 2.5%	0 .0%	480 100%	3.57

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Carta 4.6: Kekurangan Sumber Kewangan Menyebabkan Aktiviti Dakwah di Masjid Terbantut



Jadual 4.13 menunjukkan dapatan kajian berkaitan kekurangan sumber kewangan menyebabkan aktiviti dakwah di masjid terbantut. Kajian mendapati bahawa responden yang setuju seramai 218 orang (45.4%), responden yang sederhana setuju seramai 117 orang (24.4%), responden yang sangat setuju seramai 72 orang (15.0%), responden yang tidak setuju seramai 61 orang (12.7%) dan responden yang sangat tidak setuju seramai 12 orang (2.5%) sahaja.

Bagi mendapatkan maklumat berkaitan kekurangan sumber kewangan menyebabkan aktiviti dakwah di masjid terbantut, pengkaji menemu bual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Abdul Rahim bin Ramli, kekurangan sumber kewangan merupakan masalah pengurusan aktiviti dakwah di masjid. Walaupun masjid dibenarkan mengumpul duit melalui tabungan dan sumbangan orang ramai tetapi tabungan tersebut terhad untuk pengurusan dan penyelenggaraan sahaja. Untuk membiayai aktiviti dakwah seperti kuliah agama (harian, mingguan dan bulanan) diperlukan peruntukan yang secukupnya. Ia memerlukan kepada kewangan untuk membayar sugu hati penceramah dan lain-lain bayaran yang diperlukan untuk pelaksanaan aktiviti dakwah tersebut.¹³⁷

Sementara itu, menurut Yusof bin Talib menyatakan bahawa Masjid Jamek Pekan Kuala Kurau mempunyai sumber kewangan yang agak terhad. Kerana itu,

¹³⁷ Abd. Rahim Ramli (Bendahari Masjid Hijau Kampung Kedah), dalam temu bual dengan penulis, 12 Julai 2012.

pihak pengurusan masjid terpaksa mendapatkan sumber kewangan melalui pelbagai cara. Antaranya ialah memohon sumbangan peribadi daripada beberapa orang ahli perniagaan yang telah berjaya untuk membiayai kos perbelanjaan sesuatu aktiviti dakwah. Dengan cara itu, aktiviti dakwah di masjid dapat dilaksanakan.¹³⁸

Hassan bin Saad juga sependapat dengan pandangan di atas. Pihak pengurusan masjid hendaklah sentiasa berusaha untuk mendapatkan sumber kewangan dari pelbagai sumber. Tujuannya ialah supaya dapat membiayai aktiviti dakwah di masjid yang telah dirancang. Sumber dana tersebut dijangka diperolehi untuk tempoh jangka panjang dan jangka pendek. Sebagai contoh untuk projek jangka panjang ialah pihak masjid berusaha untuk pembelian atau pelaburan aset hartanah sama ada secara persendirian atau kerjasama, jualan rumah kedai atau pejabat dan rumah kediaman untuk disewa oleh orang ramai, melalui penyediaan tapak jualan gerai dan menyediakan kiosk untuk disewa kepada orang ramai di kawasan yang strategi. Dari aspek jangka pendek, sumber kewangan dapat dibuat melalui peningkatan tabung derma orang ramai khususnya pada hari Jumaat, sumbangan secara individu dan wang zakat.¹³⁹

Dari pemerhatian dan pengalaman pengkaji mendapati bahawa masjid di bawah kelolaan JAIPk tidak menghadapi masalah kewangan serius. Ini kerana pada

¹³⁸ Yusof bin Talib (Pengerusi Masjid Jamek Pekan Kuala Kurau), dalam temu bual dengan penulis, 13 Julai 2012.

¹³⁹ Hassan bin Saad (AJK Masjid Jamek Kedai 2 Jalan Siakap), dalam temu bual dengan penulis, 4 Julai 2012.

setiap tahun pihak Jabatan Agama Islam akan memberi sumbangan kewangan kepada masjid untuk melaksanakan aktiviti dakwah. Dengan demikian, pihak pengurusan masjid boleh merancang dan melaksanakan ceramah sempena hari kebesaran Islam seperti Nuzul Qur'an, Maal Hijrah dan sebagainya.¹⁴⁰

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan di atas mendapati bahawa kekurangan sumber kewangan menyebabkan aktiviti dakwah di masjid terbantut. Oleh yang demikian, pihak pengurusan masjid hendaklah berusaha keras untuk mendapatkan sumber kewangan yang banyak dengan dibantu oleh ahli jemaah masjid.

4.4.2. Kekurangan Peralatan Aktiviti Dakwah

Kekurangan peralatan aktiviti dakwah di masjid merupakan suatu masalah bagi melaksanakan aktiviti. Berdasarkan kajian, responden memberi maklum balas seperti jadual 4.14:


Jadual 4.14: Kekurangan Peralatan Aktiviti Dakwah Seperti Peralatan Pembesar Suara, LCD, Laptop, Skrin Televisyen dan Sebagainya

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Kekurangan Peralatan Aktiviti Dakwah	85 17.7%	203 42.3%	145 30.2%	33 6.9%	13 2.7%	1 .2%	480 100%	3.65

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

¹⁴⁰ Pengkaji (Masjid-Masjid Daerah Kerian), dalam pemerhatian penulis, 25 Mei 2012.

Carta 4.7: Kekurangan Peralatan Aktiviti Dakwah Seperti Peralatan Pembesar Suara, LCD, Laptop, Skrin Televisyen dan Sebagainya



Jadual 4.14 menunjukkan dapatan kajian berkaitan kekurangan peralatan aktiviti dakwah seperti peralatan pembesar suara, LCD, laptop, skrin televisyen dan sebagainya. Kajian mencatatkan responden yang setuju seramai 203 orang (42.3%), responden yang sederhana setuju seramai 145 orang (30.2%), responden yang sangat setuju seramai 85 orang (17.7%), responden yang tidak setuju seramai 33 orang (6.9%), responden yang sangat tidak setuju seramai 13 orang (2.7%) dan responden yang tiada maklumat seorang (.2%) sahaja.

Bagi mendapatkan penjelasan mengenai kekurangan peralatan aktiviti dakwah seperti peralatan pembesar suara, LCD, laptop, skrin televisyen dan sebagainya, pengkaji menemu bual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Karim bin Amran, beliau mengatakan bahawa peralatan asas seperti alat pembesar suara, LCD, komputer riba dan sebagainya adalah keperluan asas bagi menjayakan aktiviti dakwah di masjid. Tanpa peralatan asas tersebut, aktiviti dakwah di masjid tidak mungkin berjalan dengan sempurna. Sekiranya sesuatu aktiviti dakwah itu melibatkan jumlah penyertaan yang ramai, peralatan sistem pembesar suara, skrin televisyen dan alat pandang dengar amat diperlukan.¹⁴¹

Sementara itu, Hamid bin Tarmizi berpendapat bahawa pihak pengurusan masjid hendaklah dari semasa ke semasa menyelenggarakan alat pembesar suara dengan baik, kerana alat tersebut merupakan keperluan asas bagi sesebuah masjid. Selain itu, peralatan tambahan asas seperti LCD, komputer riba, skrin televisyen, perakam suara, mesin cetak dan sebagainya juga diperlukan kerana dewasa ini semua kemudahan tersebut digunakan secara meluas dalam arus perdana kini.¹⁴²

Dari pemerhatian pengkaji di Masjid al-Syafiq Sungai Burung, Masjid al-Huda Sungai Kota, Masjid al-Ridzuan Alor Pongsu dan Masjid an-Nur Bukit Semaggol pada awal bulan Oktober 2012 mendapati bahawa kekurangan peralatan aktiviti

¹⁴¹ Karim bin Amran (Jemaah Masjid Jamek Pekan Tanjung Piandang), dalam temu bual dengan penulis, 11 Julai 2012.

¹⁴² Hamid bin Tarmizi (Jemaah Masjid Jamek Kampung Dew), dalam temu bual dengan penulis, 14 April 2012.

dakwah di masjid seperti sistem pembesar suara, LCD, komputer riba, skrin televisyen, perakam suara, mesin cetak dan sebagainya merupakan masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan masjid. Pihak pengurusan masjid sentiasa berusaha memastikan bahawa semua peralatan siaraya berfungsi dengan baik. Terdapat sesetengah masjid memasang televisyen di beberapa sudut bertujuan untuk kemudahan para jemaah mendengar dan menghayati khutbah yang disampaikan oleh khatib pada hari Jumaat.¹⁴³

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan di atas mendapati bahawa kekurangan peralatan aktiviti dakwah seperti peralatan pembesar suara, LCD, laptop, skrin televisyen dan sebagainya adalah suatu perkara yang perlu di atasi untuk memastikan perjalanan aktiviti dakwah dapat berjalan lancar.

4.4.3. Tidak Menggunakan Kaedah Pengajaran Terkini

Guru tidak menggunakan kaedah pengajaran terkini di masjid Daerah Kerian, Perak merupakan suatu masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan masjid. Masalah kaedah pengajaran yang tidak praktikal dengan masa kini bermaksud para pendengar tidak boleh menerima kaedah pengajaran tersebut. Berdasarkan kajian, responden memberi maklum balas seperti jadual 4.15:


¹⁴³ Pengkaji (Masjid-Masjid Daerah Kerian), dalam pemerhatian penulis, 17 Oktober 2012.

Jadual 4.15: Kaedah Pengajaran dan Pendekatan Yang Tidak Praktikal Dengan Masa Kini dan Pendekatan Tersebut Perlu diperbaiki Supaya Sesuai Dengan Tahap Kemampuan Para Jemaah

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Tidak Menggunakan Kaedah Pengajaran Terkini	82 17.1%	234 48.8%	117 24.4%	30 6.3%	14 2.8%	3 .6%	480 100%	3.68

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Carta 4.8: Kaedah Pengajaran dan Pendekatan Yang Tidak Praktikal Dengan Masa Kini dan Pendekatan Tersebut Perlu diperbaiki Supaya Sesuai Dengan Tahap Kemampuan Para Jemaah



Jadual 4.15 menunjukkan dapatan kajian tentang kaedah pengajaran dan pendekatan yang tidak praktikal dengan masa kini dan pendekatan tersebut perlu diperbaiki supaya sesuai dengan kemampuan ahli jemaah masjid. Kajian mencatatkan responden yang setuju seramai 234 orang (48.8%), responden yang sederhana setuju seramai 117 orang (24.4%), responden yang sangat setuju seramai 82 orang (17.1%), responden yang tidak setuju seramai 30 orang (6.3%), responden yang sangat tidak setuju seramai 14 orang (2.8%) dan tiada maklum balas 3 (.6%) sahaja.

Bagi mendapatkan penjelasan mengenai kaedah pengajaran dan pendekatan yang tidak praktikal dengan masa kini dan pendekatan tersebut perlu diperbaiki supaya sesuai dengan kemampuan ahli jemaah masjid, pengkaji menemu bual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Fadli bin Ramadan, kaedah pengajaran dan pendekatan yang diguna pakai oleh para penceramah masa kini adalah cara tradisional iaitu dengan “menadah kitab” yang ada ketikanya hanya sesuai untuk golongan tertentu dan ada ketikanya tidak sesuai pula untuk golongan remaja. Terdapat sebahagian para pendengar yang terdiri daripada golongan warga emas sahaja yang merasa selesa dengan kaedah tersebut. Tetapi bagi sebahagian para remaja dan orang dewasa kaedah tradisional tersebut dilihat kurang sesuai dan perlu digantikan dengan cara

moden seperti menggunakan alat pandang dengar, audio visual dan menggunakan kerusi seperti mana susun atur mengikut kelas.¹⁴⁴

Sementara itu, Kamal bin Sabri berpendapat bahawa sistem pengajaran dan pendekatan yang dipraktikkan di masjid adalah sudah tidak sesuai untuk semua peringkat. Kerana itu, kaedah tersebut perlu digantikan dengan kaedah masa kini yang moden. Sebagai contoh, kaedah duduk bersila dalam masjid, mendengar kuliah secara umum, tiada had bilangan pelajar dan tidak memberatkan para pendengar merupakan kaedah yang sudah tidak sesuai masa kini tanpa menggunakan kaedah moden.¹⁴⁵

Dari pemerhatian pengkaji (bermula tahun 2008 hingga 2012) di beberapa buah masjid Daerah Kerian, Perak didapati bahawa kaedah pengajaran dan pendekatan yang praktikal masa kini adalah sesuai digunakan untuk semua peringkat umur. Sebagai contoh, penceramah menggunakan alat pandang dengar, laptop dan sebagainya. Adapun bagi penceramah yang sudah biasa menggunakan kaedah lama, kaedah tersebut tidak perlu diperbaiki kerana sesuai dengan kemampuan jemaah. Namun dari aspek pengisian bahan ceramah perlu dipertingkatkan lagi supaya bahan yang disampaikan kepada para pendengar akan bermanfaat.¹⁴⁶

¹⁴⁴ Fadli bin Ramadan (Jemaah Masjid Jamek Bukit Merah), dalam temu bual dengan penulis, 10 Jun 2012.

¹⁴⁵ Kamal bin Sabri (Jemaah Masjid Jamek Sungai Bogak), dalam temu bual dengan penulis, 15 Julai 2012.

¹⁴⁶ Pengkaji (Masjid-Masjid Daerah Kerian), dalam pemerhatian penulis, 2008-2012.

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan di atas jelaslah bahawa kaedah pengajaran dan pendekatan yang tidak praktikal dengan masa kini dan pendekatan tersebut perlu diperbaiki supaya sesuai dengan kemampuan ahli jemaah masjid dari semasa ke semasa kerana zaman sentiasa berubah maka kehidupan akan berubah mengikut zaman semasa.

4.4.4. Sukatan Mata pelajaran Berubah-ubah


Sukatan mata pelajaran berubah-ubah adalah suatu masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan masjid. Sukatan mata pelajaran tersebut seperti kitab fekah, tauhid, tasawuf, hadis tafsir dan sebagainya. Berdasarkan kajian, responden memberi maklum balas seperti jadual 4.16:

Jadual 4.16: Sukatan Mata pelajaran Yang disampaikan Selalu Berubah-ubah Iaitu Kitab Yang digunakan

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Sukatan Mata pelajaran Berubah-ubah	71 14.8%	195 40.6%	151 31.5%	46 9.6%	14 2.9%	3 .6%	480 100%	3.55

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Carta 4.9: Sukatan Mata pelajaran Yang disampaikan Selalu Berubah-ubah Iaitu Kitab Yang digunakan



Jadual 4.16 menunjukkan dapatan kajian tentang sukatan mata pelajaran yang disampaikan selalu berubah-ubah iaitu kitab yang digunakan. Kajian mencatatkan responden yang setuju seramai 195 orang (40.6%), responden yang sederhana setuju seramai 151 orang (31.5%), responden yang sangat setuju seramai 71 orang (14.8%), responden yang tidak setuju seramai 46 orang (9.6%), responden yang sangat tidak setuju seramai 14 orang (2.9%) dan tiada maklum balas 3 (.6%) sahaja.

Bagi mendapatkan penjelasan mengenai sukatan mata pelajaran yang disampaikan selalu berubah-ubah iaitu kitab yang digunakan, pengkaji menemu bual seorang responden seperti berikut:

Menurut Ahmad bin Hamidon, sememangnya pernah berlaku sukatan mata pelajaran iaitu kitab yang diajar berubah-ubah tetapi ianya hanya berlaku kepada segelintir guru sahaja. Ia berlaku disebabkan guru tersebut berpindah atau ditukarkan bertugas di tempat lain.¹⁴⁷

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan di atas jelaslah bahawa sukatan mata pelajaran yang disampaikan selalu berubah-ubah sememangnya berlaku di masjid Daerah Kerian, Perak.

4.4.5. Guru Selalu Bertukar-tukar

Guru bertukar-tukar adalah masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan masjid yang perlu ditangani dengan bijaksana. Maka dengan itu kehadiran dan minat ahli jemaah terhadap aktiviti dakwah akan berkurangan. Berdasarkan kajian, responden memberi maklum balas seperti jadual 4.17:


¹⁴⁷ Ahmad bin Hamidon (Jemaah Masjid Sungai Bogak), dalam temu bual dengan penulis, 7 Julai 2012.

Jadual 4.17: Guru Selalu Bertukar-tukar Menyebabkan Pengajian Kitab Tidak Dapat ditamatkan

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Guru Selalu Bertukar-tukar	81 16.9%	197 41.0%	130 27.1%	58 12.1%	12 2.5%	2 .4%	480 100%	3.57

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Carta 4.10: Guru Selalu Bertukar-tukar Menyebabkan Pengajian Kitab Tidak Dapat ditamatkan



Jadual 4.17 menunjukkan dapatan kajian tentang guru selalu bertukar-tukar menyebabkan pengajian kitab tidak dapat ditamatkan. Kajian mencatatkan responden yang setuju seramai 197 orang (41.0%), responden yang sederhana setuju seramai 130 orang (27.1%), responden yang sangat setuju seramai 81 orang (16.9%), responden yang tidak setuju seramai 58 orang (12.1%), responden yang sangat tidak setuju seramai 12 orang (2.5%) dan tiada maklumat 2 (.4%) sahaja.

Bagi mendapatkan penjelasan tentang guru selalu bertukar-tukar menyebabkan pengajian kitab tidak dapat ditamatkan, pengkaji menemu bual seorang responden seperti berikut:

Menurut Badri bin Musa, ia berpendapat bahawa guru yang dilantik oleh pihak pengurusan masjid akan selalu bertukar-tukar kerana ia bergantung kepada kesesuaian kehendak pihak pengurusan masjid. Sekiranya guru tersebut tidak sependapat dengan pihak pengurusan masjid maka dia tidak akan dijemput lagi dan perkhidmatannya akan ditamatkan. Ia ada kaitan dengan fahaman politik masa kini. Aktiviti dakwah di masjid akan tergendala sekiranya fahaman politik dijadikan alasan, mengimarahkan masjid dengan pengajian-pengajian agama tidak dapat dilaksanakan. Lantaran itu masjid akan sentiasa sepi dari majlis-majlis ilmu dan ahli masyarakat akan ketandusan ilmu agama Islam.¹⁴⁸

¹⁴⁸ Badri bin Musa (Jemaah Masjid Jamek Bukit Merah), dalam temu bual dengan penulis, 20 Ogos 2012.

Berdasarkan pandangan di atas yang menyatakan bahawa guru selalu bertukar-tukar menyebabkan pengajian kitab tidak dapat ditamatkan adalah benar dan pernah berlaku disebabkan oleh fahaman politik yang berbeza di antara pihak pengurusan masjid dan guru.

4.4.6. Iklan Tidak disebarkan Secara Meluas


Iklan tidak disebarkan secara meluas kepada ahli jemaah menyebabkan maklumat berkaitan aktiviti dakwah di masjid tidak diketahui merupakan suatu masalah dalam aspek pengurusan masjid. Tanpa hebahan maklumat tersebut, aktiviti dakwah di masjid dilihat sepi tanpa orang ramai. Maka adalah penting aktiviti dakwah di masjid disebarkan kepada masyarakat melalui pelbagai saluran. Berdasarkan kajian, responden memberi maklum balas seperti jadual 4.18:

Jadual 4.18: Iklan Pemberitahuan Pengajian Tidak dibuat Secara Meluas Menyebabkan Masyarakat Setempat Tidak Dapat Maklumat Aktiviti

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Iklan Tidak disebarkan Secara Meluas	216 45.0%	158 32.9%	73 15.2%	19 4.0%	12 2.5%	2 .4%	480 100%	4.13

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

Carta 4.11: Iklan Pemberitahuan Pengajian Tidak dibuat Secara Meluas Menyebabkan Masyarakat Setempat Tidak Dapat Maklumat Aktiviti



Jadual 4.18 menunjukkan dapatan kajian berkaitan iklan pemberitahuan pengajian tidak dibuat secara meluas menyebabkan masyarakat setempat tidak dapat maklumat aktiviti dakwah anjuran masjid. Hasil kajian mencatatkan responden yang sangat setuju seramai 216 orang (45.0%), responden yang setuju seramai 158 orang (32.9%), responden yang sederhana setuju seramai 73 orang (15.2%), responden yang tidak setuju seramai 19 orang (4.0%), responden yang sangat tidak setuju seramai 12 orang (2.5%) dan tiada maklum balas 2 (.4%) sahaja.

Bagi mendapatkan penjelasan mengenai iklan pemberitahuan pengajian tidak dibuat secara meluas menyebabkan masyarakat tidak dapat maklumat aktiviti dakwah, pengkaji menemu bual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Zakaria bin Hamid, pihak pengurusan masjid hendaklah menghebahkan aktiviti masjid melalui pelbagai saluran seperti media cetak dan elektronik. Masa kini media elektronik seperti internet, telefon mudah alih, radio dan iklan sangat berpengaruh terutama kepada golongan remaja. Oleh sebab itu, pihak pengurusan masjid wajar menggunakan media tersebut yang dilihat efektif menyampaikan maklumat dan aktiviti dakwah di masjid kepada orang awam.¹⁴⁹

Sementara itu, menurut Adam bin Harun berpendapat bahawa selain menghebahkan aktiviti dakwah melalui kaedah yang lazim digunakan seperti pemasangan poster di tempat strategik, pengumuman melalui pembesar suara, surat jemputan dan banner ia dibuat melalui khidmat pesanan ringkas (SMS). Pihak pengurusan masjid wajar mempertimbangkan kaedah ini kerana ia berkesan serta mudah sampai kepada kumpulan sasar dengan kos yang minima.¹⁵⁰

Dari pemerhatian pengkaji semasa kajian ini dilakukan mendapati bahawa kebanyakan ahli jemaah mendapat maklumat mengenai aktiviti dakwah di masjid melalui cara lisan, dari papan kenyataan dan hebahan melalui pembesar suara.

¹⁴⁹ Zakaria bin Hamid (AJK Masjid Jamek Simpang 5), dalam temu bual dengan penulis, 16 Jun 2012.

¹⁵⁰ Adam bin Harun (Jemaah Masjid Jamek Sungai Dungun), dalam temu bual dengan penulis, 23 Jun 2012.

Adapun hebahan maklumat berkaitan aktiviti dakwah di masjid kurang disalurkan melalui media elektronik seperti internet dan media cetak secara meluas.¹⁵¹

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan di atas jelaslah bahawa iklan pemberitahuan pengajian tidak dibuat secara meluas menyebabkan masyarakat setempat tidak dapat maklumat aktiviti dakwah anjuran masjid. Ia perlu di atasi dan dipertingkatkan hebahan secara meluas kepada seluruh masyarakat setempat.

4.4.7. Penyediaan Kelengkapan OKU Tidak disediakan

Penyediaan kelengkapan OKU yang tidak disediakan seperti tempat letak kereta khas, kerusi khas dan tandas khas di masjid Daerah Kerian, Perak adalah suatu masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan masjid. Berdasarkan kajian, responden memberi maklum balas seperti jadual 4.19:


Jadual 4.19: Tiada Penyediaan Kelengkapan Untuk Golongan OKU Seperti Tempat Letak Kereta Khas, Kerusi Khas dan Tandas Khas

Perkara	Sangat setuju	Setuju	Sederhana setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Tiada Maklum Balas	Jum	Skor Purata Min
Penyediaan Kelengkapan OKU Tidak Disediakan	75 15.6%	180 37.5%	138 28.7%	60 12.5%	23 4.9%	4 .8%	480 100%	3.48

Sumber: Kajian Sampel, Jun 2012

¹⁵¹ Pengkaji (Masjid-Masjid Daerah Kerian), dalam pemerhatian penulis, 13 Disember 2012.

Carta 4.12: Tiada Penyediaan Kelengkapan Untuk Golongan OKU Seperti Tempat Letak Kereta Khas, Kerusi Khas dan Tandas Khas



Jadual 4.19 menunjukkan dapatan kajian berkaitan tiada penyediaan kelengkapan untuk golongan OKU seperti tempat letak kereta khas, kerusi khas dan tandas khas. Hasil kajian mencatatkan responden yang setuju seramai 180 orang (37.5%), responden yang sederhana setuju seramai 138 orang (28.7%), responden yang sangat setuju seramai 75 orang (15.6%), responden yang tidak setuju seramai 60 orang (12.5%), responden yang sangat tidak setuju seramai 23 orang (4.9%) dan tiada maklum balas 4 (.8%).

Bagi mendapatkan penjelasan mengenai tiada penyediaan kelengkapan untuk golongan OKU seperti tempat letak kereta khas, kerusi khas dan tandas khas, pengkaji menemu bual beberapa orang responden seperti berikut:

Menurut Shahrul bin Isa, sewajarnya pihak pengurusan masjid menyediakan kemudahan-kemudahan bagi golongan OKU seperti tempat letak kereta khas, kerusi khas dan tandas khas untuk kegunaan mereka kerana mereka adalah golongan yang dianggap lemah dan tidak berkemampuan seperti orang biasa. Keutamaan perlu diberikan kepada golongan OKU ini kerana mereka amat memerlukan. Dengan adanya kemudahan-kemudahan tersebut maka dapatlah golongan OKU menghadirkan diri mereka ke masjid seterusnya mengikuti aktiviti dakwah yang dianjurkan oleh pihak pengurusan masjid.¹⁵²

Sementara itu, menurut Abas bin Awang, pihak pengurusan masjid telah pun menyediakan kemudahan-kemudahan untuk golongan OKU seperti tempat letak kereta khas, kerusi khas dan tandas khas tetapi mungkin kuantitinya tidak mencukupi. Kadang-kadang kemudahan tersebut telah disediakan oleh pihak pengurusan masjid tetapi telah disalahgunakan oleh golongan yang berkemampuan. Sebagai contoh tempat letak kereta khas yang disediakan untuk golongan OKU telah disalahgunakan oleh golongan berkemampuan, begitu juga masalahnya dengan tandas khas. Oleh yang demikian itu, ia amat menyulitkan

¹⁵² Shahrul bin Isa (Jemaah Masjid Jamek Kuala Kurau), dalam temu bual dengan penulis, 5 September 2012.

dan menyusahkan golongan OKU dalam menggunakan kemudahan yang disediakan.¹⁵³

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan di atas jelaslah bahawa ketiadaan penyediaan kelengkapan untuk golongan OKU seperti tempat letak kereta khas, kerusi khas dan tandas khas amat menyulitkan dan menyusahkan pihak golongan OKU ini. Maka wajarlah pihak pengurusan masjid menyediakan kemudahan tersebut dan bagi pihak ahli jemaah yang berkemampuan dinasihatkan supaya tidak menyalahgunakan kemudahan yang disediakan kepada golongan OKU ini.

4.5. Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan bahawa pihak pengurusan masjid yang sitematik akan menjadikan aktiviti dakwah dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Masyarakat akan sentiasa mengikuti aktiviti dakwah yang dilaksanakan dan akan bersama-sama dalam mengimarahkan masjid. Oleh itu pihak pengurusan masjid perlulah menunaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh masyarakat dan amanah yang telah diberikan oleh Allah Taala kepada mereka. Dengan melaksanakan tanggungjawab tersebut secara ikhlas maka institusi masjid akan terpelihara, dakwah Islam akan sentiasa tersebar dan masyarakat akan sentiasa berpegang teguh dengan ajaran Islam.

¹⁵³ Abas bin Awang (AJK Masjid Hijau Kampung Kedah), dalam temu bual dengan penulis, 30 Ogos 2012.

BAB LIMA

PENUTUP

5.1. Pengenalan

Bahagian ini merupakan bab penutup yang mengandungi rumusan dan kesimpulan, saranan dan cadangan kajian. Pengkaji merumuskan dan membuat kesimpulan keseluruhan hasil kajian yang bertajuk Pengurusan Aktiviti Dakwah di Masjid Daerah Kerian, Perak: Kajian Tentang Persepsi dan Masalah.

5.2. Rumusan dan Kesimpulan

Perbincangan dalam bab tiga dan empat boleh dirumuskan sebagai mengetahui konsep pengurusan aktiviti dakwah di masjid adalah amat penting bagi melihat peranan institusi masjid sebagai tempat beribadat dan aktiviti sosial kemasyarakatan. Matlamat pengurusan aktiviti dakwah di masjid dalam kajian ini adalah untuk mengetahui tahap aktiviti dakwah yang dilaksanakan di masjid Daerah Kerian, Perak. Bagi mengetahui peranan masjid sebagai tempat ibadat dan penyatuan umat Islam, adalah perlu difahami sejarah kegemilangan pengurusan masjid yang telah dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. diikuti oleh zaman para sahabat dan seterusnya hingga masa kini.

Objektif kajian secara keseluruhan tajuk ini ialah untuk memahami keadaan pengurusan aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, Perak dengan lebih terperinci iaitu mengetahui aktiviti-aktiviti dakwah yang dilaksanakan untuk

masyarakat setempat supaya dapat disusun secara lebih bersepadu. Mengkaji persepsi masyarakat terhadap pengurusan aktiviti dakwah dan mengenal pasti masalah pengurusan aktiviti dakwah yang dihadapi oleh pihak pengurusan masjid Daerah Kerian, Perak.

Aktiviti-aktiviti dakwah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak pengurusan masjid di Daerah Kerian, Perak ialah kelas pengajian agama, kelas bimbingan al-Quran dan tajwid, kursus dan seminar isu semasa Islam, ceramah sempena hari kebesaran Islam, program Ihya Ramadan dan kursus jangka pendek.

Persepsi masyarakat terhadap pengurusan aktiviti dakwah di masjid yang dapat dikenal pasti di masjid Daerah Kerian, Perak ialah dengan pelantikan AJK masjid yang cekap dan berilmu menjadikan pengurusan masjid sentiasa bertambah makmur, masjid sepatutnya berfungsi sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan pusat kebudayaan masyarakat Islam setempat, struktur organisasi kepimpinan masjid sentiasa cemerlang mengendalikan aktiviti dakwah di masjid dan mereka tidak terpengaruh dengan politik semasa, pegawai masjid dilihat tidak mampu menjadi tempat rujukan masyarakat setempat untuk menyelesaikan masalah mereka dan suasana keceriaan masjid (landskap) tidak disusun atur dengan baik.

Berdasarkan dari soal selidik, temu bual dan pemerhatian pengkaji mendapati bahawa persepsi masyarakat terhadap pengurusan aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, Perak adalah seperti berikut:

1. Keseluruhan masyarakat bersetuju bahawa perlantikan AJK masjid yang cekap dan berilmu menjadikan pengurusan masjid sentiasa bertambah makmur dengan responden yang sangat setuju seramai 233 orang (48.5%). Ia disokong dan dipersetujui pula oleh beberapa orang responden yang telah ditemu bual.
2. Keseluruhan masyarakat bersetuju bahawa masjid sepatutnya berfungsi sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan pusat kebudayaan masyarakat Islam setempat dengan responden yang sangat setuju seramai 258 orang (53.8%). Ia disokong dan dipersetujui pula oleh beberapa orang responden yang telah ditemu bual.
3. Keseluruhan masyarakat bersetuju bahawa struktur organisasi kepimpinan sentiasa cemerlang mengendalikan aktiviti dan mereka tidak terpengaruh dengan politik semasa dengan responden yang sangat setuju seramai 189 orang (39.4%). Ia disokong dan dipersetujui pula oleh beberapa orang responden yang telah ditemu bual.
4. Keseluruhan masyarakat bersetuju bahawa pegawai masjid dilihat tidak mampu menjadi tempat rujukan masyarakat setempat untuk menyelesaikan masalah mereka dengan responden yang setuju seramai 255 orang (53.1%). Ia disokong dan dipersetujui pula oleh beberapa orang responden yang telah ditemu bual.

5. Keseluruhan masyarakat bersetuju bahawa suasana keceriaan masjid (landskap) tidak disusun atur dengan baik dengan responden yang sederhana setuju seramai 238 orang (49.6%). Ia disokong dan dipersetujui pula oleh beberapa orang responden yang telah ditemu bual.

Masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, Perak yang dapat dikenal pasti ialah kekurangan sumber kewangan menyebabkan aktiviti dakwah di masjid terbantut, kekurangan peralatan aktiviti dakwah seperti peralatan pembesar suara, LCD, laptop, skrin televisyen dan sebagainya, kaedah pengajaran dan pendekatan yang tidak praktikal dengan masa kini dan pendekatan tersebut perlu diperbaiki supaya sesuai dengan tahap kemampuan para jemaah, sukatan mata pelajaran yang disampaikan selalu berubah-ubah iaitu kitab yang diajar, guru selalu bertukar-tukar menyebabkan pengajian kitab tidak dapat ditamatkan, iklan pemberitahuan pengajian tidak dibuat secara meluas menyebabkan masyarakat setempat tidak dapat maklumat aktiviti dan tiada penyediaan kelengkapan untuk golongan OKU seperti tempat letak kereta khas, kerusi khas dan tandas khas.

Berdasarkan dari soal selidik, temu bual dan pemerhatian pengkaji mendapati bahawa masalah pengurusan aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, Perak yang dihadapi adalah seperti berikut:

1. Masyarakat bersetuju bahawa kekurangan sumber kewangan menyebabkan aktiviti dakwah di masjid terbantut adalah masalah pengurusan aktiviti dakwah dengan responden yang setuju seramai 218 orang (45.4%). Ia disokong dan dipersetujui pula oleh beberapa orang responden yang telah ditemu bual.
2. Masyarakat bersetuju bahawa kekurangan peralatan aktiviti dakwah seperti peralatan pembesar suara, LCD, laptop, skrin televisyen dan sebagainya adalah masalah pengurusan aktiviti dakwah dengan responden yang setuju seramai 203 orang (42.3%). Ia disokong dan dipersetujui pula oleh beberapa orang responden yang telah ditemu bual.
3. Masyarakat bersetuju bahawa kaedah pengajaran dan pendekatan yang tidak praktikal dengan masa kini dan pendekatan tersebut perlu diperbaiki supaya sesuai dengan tahap kemampuan para jemaah adalah masalah pengurusan aktiviti dakwah dengan responden yang setuju seramai 234 orang (48.8%). Ia disokong dan dipersetujui pula oleh beberapa orang responden yang telah ditemu bual.
4. Masyarakat bersetuju bahawa sukatan mata pelajaran yang disampaikan selalu berubah-ubah iaitu kitab yang digunakan adalah masalah pengurusan aktiviti dakwah dengan responden yang setuju seramai 195

orang (40,6%). Ia disokong dan dipersetujui pula oleh beberapa orang responden yang telah ditemu bual.

5. Masyarakat bersetuju bahawa guru selalu bertukar-tukar menyebabkan pengajian kitab tidak dapat ditamatkan adalah masalah pengurusan aktiviti dakwah dengan responden yang setuju seramai 197 orang (41.0%). Ia disokong dan dipersetujui pula oleh beberapa orang responden yang telah ditemu bual.
6. Masyarakat bersetuju bahawa iklan pemberitahuan pengajian tidak dibuat secara meluas menyebabkan masyarakat setempat tidak dapat maklumat aktiviti dakwah di masjid adalah masalah pengurusan aktiviti dakwah dengan responden yang sangat setuju seramai 216 orang (45.0%). Ia disokong dan dipersetujui pula oleh beberapa orang responden yang telah ditemu bual.
7. Masyarakat bersetuju bahawa tiada penyediaan kelengkapan untuk golongan OKU seperti tempat letak kereta khas, kerusi khas dan tandas khas adalah masalah pengurusan aktiviti dakwah dengan responden yang setuju seramai 180 orang (37.5%). Ia disokong dan dipersetujui pula oleh beberapa orang responden yang telah ditemu bual.

5.3. Saranan

Berdasarkan hasil penemuan dalam kajian ini, pengkaji mengutarakan beberapa saranan kepada pihak tertentu untuk kajian lanjut, untuk dipertimbangkan atau dilaksanakan. Semua saranan tersebut bertujuan untuk mempertingkatkan lagi usaha-usaha aktiviti dakwah kepada pihak pengurusan masjid di Daerah Kerian, Perak supaya lebih mantap.

5.3.1. Pengkaji Yang Akan Datang

Kajian ini dilakukan terbatas ke atas pengurusan aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, Perak. Maka hasil kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada daerah-daerah lain kecuali memiliki ciri-ciri persamaan. Oleh itu, adalah dicadangkan kajian yang serupa dilakukan di daerah lain untuk mengetahui perbezaan atau persamaan hasil kajian yang diperolehi.

Kajian ini merupakan kajian secara umum tentang persepsi dan masalah pengurusan aktiviti dakwah di masjid. Oleh itu, dicadangkan satu kajian lain yang lebih khusus untuk menilai kurikulum aktiviti dakwah di masjid. Kajian sebegini penting untuk melihat sejauh manakah kurikulum aktiviti dakwah dapat mempengaruhi pembentukan nilai dan sikap para pendengarnya.

Berdasarkan kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa aktiviti dakwah di masjid telah berperanan dengan berkesan dalam mengikatkan pengetahuan dan amalan keagamaan para pendengarnya. Namun begitu, kajian ini mendapati tidak

ramai daripada penduduk setempat yang mengambil peluang mengikutinya. Oleh itu dicadangkan kepada pengkaji yang akan datang supaya melakukan satu kajian khusus untuk mengetahui secara terperinci sebab atau alasan yang menghalang kebanyakan masyarakat dari mengikutinya.

Disarankan kepada pengkaji akan datang supaya kajian khusus berkaitan metodologi pengajaran yang efektif kepada masyarakat Islam perlu dilakukan supaya mereka yang terlibat lebih komited dengan aktiviti dakwah tersebut. Sebagai contoh, metodologi aktiviti dakwah seperti kelas pengajian agama, ceramah agama dan seminar untuk golongan dewasa yang dilaksanakan kepada masyarakat setempat yang mendapati responden tidak komited terhadap aktiviti dakwah di masjid. Bagi mewujudkan lebih ramai peserta yang komited, kajian lanjut amat diperlukan.

Sepanjang kajian ini dilakukan, didapati kaedah pengajaran dan pendekatan yang digunakan kurang praktikal dan perlu diperbaiki supaya sesuai dengan kemampuan dan keperluan jemaah. Pengkaji akan datang perlu mencari satu pendekatan yang praktikal dan sesuai dengan tahap kemampuan ahli jemaah. Oleh yang demikian, disarankan kepada pengkaji akan datang supaya membuat kajian tentang penggunaan kaedah yang sesuai dengan semua peringkat ahli jemaah dan seterusnya diperkenalkan kepada semua ahli jemaah masjid di Daerah Kerian, Perak. Dengan demikian, masalah pengajaran dan pendekatan yang sesuai dengan tahap ahli jemaah tidak akan timbul lagi.

5.3.2. Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk)

Berdasarkan hasil kajian, didapati pegawai dan AJK masjid di Daerah Kerian, Perak masih lagi mempunyai beberapa kekurangan dalam bidang pengurusan aktiviti dakwah. Oleh itu dicadangkan agar pihak JAIPk dapat mengadakan kursus dan bengkel yang berkaitan pengurusan dengan lebih kerap lagi kepada mereka. Di samping itu, pihak JAIPk juga dicadangkan supaya menganjurkan lawatan sambil belajar ke masjid-masjid besar di Malaysia seperti Masjid Negara, Masjid Negeri Selangor, Masjid Jalan Duta dan Masjid Putrajaya bagi mendedahkan mereka kepada sistem pengurusan yang lebih mantap dan berkesan.

Hasil kajian juga menunjukkan di antara masalah pengurusan aktiviti dakwah yang dihadapi oleh kebanyakan masjid di Daerah Kerian, Perak ialah masalah kewangan. Oleh itu disarankan kepada pihak JAIPk agar dapat membantu pihak pengurusan masjid di Daerah Kerian, Perak untuk mendapatkan dana tambahan bagi memperkasakan aktiviti dakwah seperti memohon peruntukan kewangan khas kepada Kerajaan Negeri Perak, Pusat Zakat Perak dan badan-badan korporat.

Pada pendapat pengkaji, peranan penaziran amat penting bagi memastikan aktiviti dakwah yang dilaksanakan di masjid mencapai objektifnya dan mengenal pasti aspek-aspek kelemahan yang perlu diperbaiki. Kajian ini mendapati pihak JAIPk kurang melakukan pemantauan atau penaziran ke atas aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian Perak secara berjadual. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan pegawai JAIPk yang dipertanggungjawabkan sebagai Penyelarasan Masjid di

Daerah Kerian hanya 2 orang sahaja. Oleh itu, dicadangkan kepada pihak JAIPK supaya dapat menambah bilangan pegawai agama yang bertugas sebagai Penyelarasan Masjid dan melantik mereka yang benar-benar berkelayakan untuk melaksanakan tugas tersebut.

5.3.3. Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid

Hasil kajian mendapati bahawa pelantikan AJK yang berilmu dan struktur organisasi masjid yang cekap mengurus aktiviti dakwah di masjid antara faktor utama penerimaan ahli jemaah terhadap pegawai dan AJK juga akan menentukan kejayaan aktiviti dakwah yang telah dirancang oleh pihak pengurusan masjid. Pegawai dan AJK disarankan hendaklah dilantik di kalangan orang yang berpengaruh dalam masyarakat setempat dan mempunyai kekuatan dari sudut ilmu pengetahuan agama dan ilmu pengurusan. Pegawai dan AJK masjid mestilah berkemampuan menyelesaikan masalah yang berlaku di kalangan masyarakat setempat seperti dapat menyelesaikan masalah kematian, kenduri kendara dan sebagainya.

Berdasarkan hasil kajian mendapati bahawa keceriaan (landskap), kebersihan dan keselamatan persekitaran masjid di bawah jagaan pihak pengurusan masjid berkeadaan kurang memuaskan. Maka disarankan kepada pihak pengurusan masjid agar dapat mengambil berat dan memperbaiki kekurangan ini dengan memperbanyakkan penanaman pokok-pokok hijau seperti pokok bunga untuk mengindahkan persekitaran masjid. Pihak pengurusan masjid juga hendaklah

memastikan keadaan dalaman masjid berada dalam keadaan bersih terutama kawasan bilik air yang terdapat tandas di dalamnya. Keadaan tandas hendaklah sentiasa berkeadaan bersih dan terjaga. Pihak pengurusan masjid perlu mengeluarkan sedikit wang untuk mengupah pembersih membersihkan tandas masjid. Kawasan tempat letak kereta yang selamat berada di dalam pagar kawasan masjid perlu diwujudkan demi keselamatan kenderaan ahli jemaah. Di samping itu pihak pengurusan masjid juga hendaklah menyediakan kemudahan asas kepada golongan OKU seperti tempat letak kereta khas, kerusi khas dan tandas khas.

Kekurangan sumber kewangan dan peralatan aktiviti dakwah juga menjadi masalah kepada pengurusan aktiviti dakwah. Maka disarankan kepada pihak pengurusan masjid supaya berusaha menjana kewangan, merancang dan memikirkan cara mendapatkan wang untuk tabung masjid dengan mengutip derma dari orang ramai melalui kaedah mengadakan program-program tertentu, memohon derma dan zakat daripada badan-badan korporat yang mempunyai perniagaan secara berterusan dan juga memiliki harta yang boleh dijadikan aset menjana ekonomi seperti hotel, tanah, ladang kelapa sawit, rumah sewa, kedai untuk disewa, kereta sewa dan sebagainya.

Apabila masjid mempunyai kewangan yang kukuh dan mantap maka pihak pengurusan masjid dapat menyediakan dan membeli peralatan-peralatan yang diperlukan untuk aktiviti dakwah seperti sistem pembesar suara, LCD, komputer

riba, skrin televisyen, perakam suara, mesin cetak dan sebagainya. Dengan adanya kewangan yang mencukupi dan peralatan aktiviti dakwah yang lengkap maka pihak pengurusan masjid akan dapat mengadakan berbagai aktiviti dakwah dengan menjemput penceramah yang terkenal dan masyhur. Maka tugas mengimarahkan masjid akan dapat dilaksanakan dengan kehadiran ahli jemaah yang ramai.

Mengikut teori pembelajaran, terdapat perbezaan di antara pembelajaran dewasa dengan pembelajaran kanak-kanak dan remaja. Pembelajaran orang dewasa menggunakan pendekatan andragogi manakala pembelajaran kanak-kanak dan remaja menggunakan pendekatan kaedah pedagogi. Maka disarankan kepada pihak pengurusan masjid supaya dapat mengadakan aktiviti dakwah yang khusus untuk kanak-kanak dan remaja pada musim cuti sekolah sebagai memenuhi waktu lapang mereka. Ini kerana hasil kajian mendapati aktiviti dakwah di masjid kebanyakannya dirancang tidak mengambil kira aktiviti dakwah yang sesuai untuk disertai oleh golongan kanak-kanak dan juga remaja.

Golongan yang menghadiri aktiviti dakwah di masjid adalah sedikit jika dibandingkan dengan populasi penduduk Islam di Daerah Kerian, Perak. Oleh itu dicadangkan kepada pihak pengurusan masjid supaya dapat mengemaskinikan perancangan aktiviti dakwah dengan lebih baik dan lebih menarik, serta menghebahkan aktiviti dakwah melalui kaedah yang lazim digunakan seperti pemasangan poster di tempat strategik, pengumuman melalui pembesar suara,

surat jemputan dan banner juga memperluaskan lagi hebahan melalui pelbagai saluran seperti media cetak dan elektronik seperti internet (blog dan face book), melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) ke telefon mudah alih dan lain-lain cara agar ianya diketahui oleh lebih ramai masyarakat setempat. Semoga dengan usaha-usaha tersebut diharap dapat menarik lebih ramai lagi masyarakat setempat menghadiri aktiviti dakwah di masjid.

5.3.4. Penceramah dan Guru

Bersesuaian dengan perkembangan sains dan teknologi, adalah disarankan kepada penceramah dan guru agar dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran serta mengaplikasikan kemudahan ICT yang terdapat pada zaman sekarang. Semoga dengan tindakan tersebut akan menjadikan pengajaran mereka lebih menarik dan lebih diminati oleh ahli jemaah yang berbagai golongan dan peringkat umur.

Memandangkan penceramah dan guru merupakan elemen utama kepada aktiviti-aktiviti dakwah di masjid, maka kepada para penceramah dan guru disarankan supaya dapat meningkatkan lagi kemahiran komunikasi mereka dengan melakukan pelbagai usaha ke arah itu seperti mempelajari teori komunikasi dan menghadiri seminar komunikasi yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu dari masa ke semasa. Diharap dengan usaha tersebut pengajaran mereka dalam aktiviti dakwah yang disampaikan akan lebih berkesan.

Tidak dapat dinafikan dengan kaedah tradisional yang digunakan oleh penceramah dan guru dapat diterima dan diguna pakai namun ada kebaikannya jika ia dinaiktarafkan ataupun di baiktambah dengan menggunakan teknologi terkini. Hasil kajian juga telah menunjukkan majoriti responden bersetuju supaya para penceramah dan guru menggunakan kaedah moden dengan tidak mengetepikan kaedah tradisional dalam pengajaran mereka. Oleh itu, dicadangkan kepada pihak penceramah dan guru supaya dapat berbuat demikian dalam sesi pengajaran mereka agar pengajaran mereka lebih mendapat sambutan dan mudah difahami.

5.4. PENUTUP

Penglibatan usaha pengimarahkan masjid kepada masyarakat hendaklah dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat secara berterusan. Demikian juga pihak yang berkaitan di saran mengambil tindakan proaktif supaya masalah pengurusan aktiviti dakwah yang dialami dan dihadapi dapat diatasi.

Masjid yang makmur ialah masjid yang diurus tadbir dengan sistematik. Masjid adalah rumah Allah S.W.T. untuk orang yang beriman dan beramal soleh, jika pengurusan aktiviti dakwah dimanfaatkan sepenuhnya, maka akan datang rahmat Allah S.W.T. pada mereka yang memakmurkannya dan penyebab hidayah untuk orang bukan Islam. Sesuatu yang barangkali tidak terlintas di fikiran bagaimana pengurusan aktiviti dakwah di masjid merupakan suatu tempat yang menjadi tonggak kepada segala urusan dunia dan akhirat. Diuruskan oleh Jawatankuasa

kariah untuk membina keseragaman idea dan hala tuju bagi membentuk masyarakat.

Usaha yang berterusan memantapkan lagi perjalanan aktiviti dakwah secara tidak langsung telah menyumbang ke arah pembentukan generasi Islam yang mempunyai jati diri dan ketahanan dalam menghadapi cabaran. Seterusnya mereka mampu menghindarkan diri dari terjebak dengan perkara-perkara negatif yang boleh merosakkan generasi Islam kini dan akan datang. Adalah diharapkan aktiviti dakwah di masjid Daerah Kerian, Perak terus mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan masyarakat setempat. Kerjasama dari semua pihak diharap dapat membuahkan hasil yang lebih berkesan terutamanya dalam menghadapi cabaran di era globalisasi ini.

BIBLIOGRAFI

A. Rujukan Buku

- 'Al Mahf z. *Hidāyah al-Mursyid n*. Qaherah: Maktabah Usmān yah, 1958.
- Ahmad Zaki Haji Abd. Latif. *Pentadbiran Masjid Secara Profesional*. Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, 2007.
- Abdul Halim Mat Diah. *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1987.
- Al-'Adawi Muhammad Ahmad. *Dakwah al-Ras l Ilā Allah Ta'ālā*. Beirut: Dār Al- Ma'ārif, 1979.
- Abdullah Nas h 'Ulwān. *Tarbiyyah al-Awlād F al-Islām*, juz.2, cet. 8. Kaherah: Dār al- Salām, 1985.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin. *Pengurusan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Ab. Aziz Mohd. Zin. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Cet. ke3, 2003.
- Abdul Halim Haji Hasan. *Komunikasi Dalam Pengurusan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Deilmu (Malaysia) Sdn. Bhd., 1994.
- Al-Qurtub , Ab Abdullah Muhammad ibn Ahmad ibn Ab Bakr ibn Farah al-Ansār al- Khazarjal-Andal s . *Al-Jāmi' Li Ahkām al-Qurān*, Jil. 4. Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-Arab y, t.t.
- 'Abd al-Qad r Ahmad. *Tafsir Abi al-Said*. Saud y al-Arab y: Maktabah al-Riyād al-Had th, t.t.
- Al-Sayy d Nawfāl Ab al-Majd. *Al-Da'wah ilā Allāh Ta'ālā*. Khassais n Muqāwimatuhā Manāhijuhā, 1977.
- Ahmad Ghal sh. *Al-Da'wah fi 'Asr al-Nubuwwah*. Kaherah: 1972.
- Abd. Al-Rahman Ibn Nāsir al-Sa' d. *Tafs r Al-Qur'ān Al-Kar m*. Lubnān: Al-Risālah Publishers, Beirut, 1995.
- Awang Haji Matusin bin Haji Baki. *Catatan Sejarah Masjid-Masjid Negara Brunei Dārussalām*. Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Agama Islam, Bandar Seri Begawan, 1993.

- ‘Al Jar shah. *Al-Ijtihāt al-Fikr yah al-Mu’asirah*. Kaherah: Dār al-Wafā’, 1986.
- Dr. Teuku Iskandar. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Dr. Zahid Emby dan Dr. Sarjit Singh. *Pengantar Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Open Universiti, 2010.
- Dato’ Wan Mohammad bin Dato’ Sheikh Abdul Aziz. *Pendekatan Baru Dalam Pengimarahannya Masjid*. Kertas seminar ini dibentangkan dalam seminar Imam-Imam Masjid Seluruh Negara di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 15 April 2008.
- Fraenkel dan Wallen, N.E. *How To Design and Evaluate Research In Education*. New York: Mc Rgaw Hill, 1993.
- Fath Yakān. *Musykilāt al-Da’wah Wa al-Dā’iyah*. Beirut: al-Risalah, 1974.
- _____. *Kaifa Nad’ Ilā al-Islām*. Beirut: Muassasah Al-Risālah, 1983.
- Ghazāl Dārusalām. *Dakwah Islam dan Ideologi Barat*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 1998.
- Ibnu Manz ūr Muhammad Ibnu al-Mukarrām. *Lisān al-‘Arab Jil d 4*. Beirut: Dār al-Sa’d, 1990.
- Ismail bin Abd. Manap. *Peranan Masjid Menurut al-Sunnah: Tumpuan Utama Kepada Masjid-Masjid di Brunei Dārussalām*. Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1998.
- Idris Awang. *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Intel Multimedia And Publication, 2001.
- Ir. Siswanto. *Panduan Pengelolaan Himpunan Jama’ah Masjid*. Jakarta: Pustaka Amani, 2002.
- Ibn Hajar, Ahmad ibn ‘Al ibn Hajar al-‘Asqalān . *Fath Al-Bari*, jil. 3. Al-Salāfiyah, t.t.
- Juhary ‘Al. *Asas Pengurusan*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia, 1987.
- Kerlinger, F.N. *Fondation Of Behavioral Research*. New York: Holt, Rinechart and Winston, 1993.

- Lokman Ab. Rahman dan Musa Ahmad. *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*. Majlis Agama Islam Melaka & Kolej Islam Melaka, Selangor: Angkatan Edaran Enterprise Sdn. Bhd., 1996.
- Muhammad ‘Abd Allah al-Zarkash . *Al-‘Alam al-Saj d bi Ahkām al-Masāj d*. Kaherah: Maktabah Wahbān, 1385H.
- Mohd Mohadis Haji Yasin. *Pengurusan dan Pentadbiran Institusi Masjid: Kajian Kes di Negeri Melaka*. Disertasi Sarjana Usuluddin, Akedemi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1997.
- Marohaini Yusoff. *Pengumpulan dan Analisis Data: Penyelidikan Kualitatif Pengamalan Kerja Lapangan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001.
- Mohd Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, cet 6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.
- Mariam Abd Majid dan Dr. Zulkefli Aini. *S rah Nabawiyyah dan Akhlāk*. Fakulti Sains Sosial Gunaan, Open Universiti Malaysia, 2010.
- Muhammad Am n ‘Al al-Jam ’y. *Tar q al-Da’wah ilā al-Islām*. Beirut: al-Maktabah al-Islām , 1979.
- Mohammad ‘Abd al-Qādir. *Nahwā al-Da’wah Islāmiyah Rasy dah*. Riyād: Maktabah al-‘Arbiykān, 1995.
- Mohd Nats r. *Percakapan Antara Generasi*. Dewan Pustaka Islam, Petaling Jaya, 1991.
- Muhammad al-Bah . *Al-Fikr al-Islam y al-Had th Wa Silatuhā bil-Isti’mār al-Gharb*. T. P, Kaherah: 1975.
- Mustafa Haji Daud. *Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distribution, 1994.
- Muhammad Qutb. *Jāhilliyah al-Qarn al-‘Isyr n*. Kaherah: 1964.
- Mahyidin bin Haji Azizi, *Konsep dan Falsafah Masjid*. tulisan ini telah diterbitkan dalam buku bertajuk *Membangunkan Institusi Masjid*. Penerbit Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, U.M., 2003.
- Mohd Shahir bin Haji Abdullah. *Dakwah dan Permasalahan di Malaysia*. Institut Dakwah dan Latihan Islam, BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri, 1990.
- Mush l Bay m . *Udu ‘ilā Sab l Rabbik*. Qaherah: Maktabah Hassan, 1978.

- Nima Jentae. *Peranan Institusi Agama, Institusi Masjid, Institusi-Institusi Dakwah dan Pejabat Kadi di Thailand*. Tesis M.A. Fiqh dan Usul al-Fiqh Gombak: Universiti Islam Antarabangsa, 2002.
- Nor Raudhah Haji Siren. *Strategi Mengurus Masjid*. Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.
- Nasohã Sa'ab n. *Memartabatkan Masjid*. Utusan Publication, Kuala Lumpur: 2001.
- Othman Mohamed. *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Selangor: Universiti Putra Malaysia, 2001.
- Panel Akademi Pengurusan YPEIM. *Pengurusan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YPEIM Sdn. Bhd., 2005.
- Rahim Abdullah. *Asas Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd., 1994.
- Razaleigh bin Muhamat@Kawangit. *Memperkasaka Aktiviti Masjid sebagai Medium Dakwah, Seminar Pembangunan Masjid*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2002.
- Roslan bin Mohamed. *Keberkesanan Program Masjid: Kajian Umum Masjid-Masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Seminar Pembangunan Masjid*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2002.
- Ra' f Shalab . *Sikulu yiyah al-Rai wa al-Da'wah*. Kuwait: Dār al-Qalam, 1982.
- Sid Gazalbã. *Masjid Pusat Ibadat dan kebudayaan Islam*. M.A. di Fakultas Sastera. Universitas Nasional Indonesia, 1962.
- Sidek Mohd Noah. *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Selangor: Universiti Putra Malaysia, 2002.
- Sartono Kartodirjo. *Metode Penggunaan Bahan Dokumen Dalam Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: PT Gramedia, t.t.
- Suseela Malakolunthu. "Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif: Satu Imbasan", dalam Marohaini (ed), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001.
- Sabitha Marican. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosioial*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2005.

Sabri Haji Hussin, Raida Abu Bakar, Mohd Radzuan bin Rahid dan Ruhana Busu. *Pengurusan*. Thomson Learning, Singapore: A Division of Thomson Asia Pte Ltd, 2004.

Sayyid Qutb. *F Zilāl al-Qurān*, juz. 13, cet. 7. Beirut: Lubnan, 243-244, Lihat juga Ab Ja'afar Muhammad bin Jar r al-Tabar , 1968, *Jami' al-Bayān al-Ta'w l al-Qurān*, juz. 12, cet. 3, Maktabah Mutba'ah Mustafā al-Bāb , 1971.

Universiti Malaya. *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 2001.

Yaakob Abdul Rahim. *Keupayaan Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sebagai Pusat Pembangunan Belia Setempat Dari Pandangan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa*. Kertas Projek Master Sains, Pusat Pembangunan dan Pendidikan Lanjutan, UPM, 1996.

Y suf al-Qaradaw . *Thaqafah al-Da'iyah*. Beirut: 1978.

_____. *Al-'Ibādah F -Islām*, cet. 5. Kaherah: Maktabah Wahbāh, 1985.

_____. *Al-Islām Hadārah al-Ghad*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1997.

Yayasan Penyelenggaraan Penterjemahan/Pentafsiran al-Quran. *Al-Qur'an dan Terjemahannya*. Percetakan al-Qur'an Karim Raja Fath Medina al-Munawwarah, 1971.

B. Rujukan Laman Web

Portal Rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka. 16.4.2012. <http://prpm.dbp.gov.my>.

Portal Rasmi Majlis Daerah Kerian. 11.3.2012. <http://www.mdkerian.gov.my>.

Portal Rasmi Negeri Perak. dicapai 20.3. 2012. <http://www.perak.gov.my>.

Portal Rasmi Majlis Agama Islam Perak. 3.4.2012. <http://www.maiamp.gov.my>.

Portal Rasmi Jabatan Agama Islam Perak. 16.4.2012. <http://jaipk.perak.gov.my>.